

**Pemikiran Dakwah
Ali Hasjmy**

Pemikiran Dakwah Ali Hasjmy

Syabuddin Gade
Mohd Syukri Yeoh Abdullah
Salmah Haji Ahmad

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2013

<http://www.ukm.my/penerbit>

Cetakan Pertama / First Printing, 2013
Hak cipta / Copyright Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All right reserved. No part of this publication may be produced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or in any information storage and retrieval system, without prior permission in writing from the Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
<http://www.ukm.my/penerbit>
e-mel: penerbit@ukm.my

Penerbit UKM adalah anggota / is a member of the
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL,
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / Membership No. 198302

Diaturhuf di Malaysia oleh / Typesetted in Malaysia by
PANTAS SET SDN. BHD. (118872-P)
5-1-1, Jalan Megan Setapak 1
Taman Megan Sri Rampai
53300 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / Printed in Malaysia by
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-calam-Penerbitan /
Cataloguing-in-Publication Data

Syabuddin Gade

Pemikiran di bawah Ali Hasjmy / Syabuddin Gade, Mohd Syukri Yeoh
Abdullah, Salmah Haji Ahmad,
Mengandungi indeks
1. Hasjmy, A., 1914-1998. 2. Governors--Indonesia--Nanggroe,
Aceh Darussalam--Biography. 3. Da'wah (Islam)--Indonesia.
I. Mohd Syukri Yeoh Abdullah. II. Salmah Haji Ahmad. III. Siri.
923.2598

ISBN 978-967-412-081-8

Kandungan

Senarai Transliterasi ...7

Prakata ...9

BAB 1 Pendahuluan ...11

BAB 2 Riwayat Hidup Ali Hasjmy ...13

BAB 3 Pemikiran Dakwah Ali Hasjmy ...41

BAB 4 Kesimpulan ...83

Rujukan ...87

Indeks ...93

Senarai Transliterasi

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	'	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamal
ح	h	حديث	hadith
خ	kh	خالد	khalid
د	d	ديوان	diwan
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمن	rahman
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarab
ش	sh	شمس	shams
ص	s	صبر	sabr
ض	d	ضمير	damir
ط	t	طاهر	tahir
ظ	z	ظهر	zuhr
ع	°	عبد	°abd

غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qadi
ك	k	كأس	ka's
ل	l	لين	laban
م	m	مزمار	mizmar
ن	n	نوم	nawm
هـ	h	هبط	habata
و	w	وصل	wasal
ي	y	يسار	yasar

Prakata

Puji-pujian dan syukur dipanjat kepada Allah. Selawat dan salam diucap kepada Rasulullah SAW. Amma ba'du, (Kajian kod 11/003/2011 Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu, Institut Alam Dan Tamadun Melayu ini menggunakan sebahagian daripada dana COE ATMA 10-42-01-005) buku bertajuk *Pemikiran Dakwah Ali Hasjmy* adalah bahagian daripada warisan pemikiran ulama Melayu abad ke-20 Masihi. Kandungannya boleh dikata "amat berguna" bagi sesiapa sahaja yang mahu mendalami warisan pemikiran dakwah dan pendidikan yang pernah digagas atau diisytiharkan oleh Ali Hasjmy, seorang sasterawan, ulama dan umara, tokoh dakwah dan pendidikan Aceh, bumi Sultan Iskandar Muda (kini dinamai Nanggroe Aceh Darussalam, Indonesia).

Kandungan buku ini menjelaskan beberapa hal mengenai peribadi Ali Hasjmy sebagai pakar dakwah. Dalam bab pertama, didedahkan dengan pendahuluan. Manakala dalam bab kedua, diuraikan mengenai salasilah Ali Hasjmy, faktor yang mempengaruhi pemikiran dan karyanya. Dalam bab ketiga, dipaparkan pemikiran dakwah Ali Hasjmy yang mencakupi tiga perkara penting dalam perbincangan ilmu dakwah, iaitu; Pertama, berkenaan dengan pandangan Ali Hasjmy mengenai makna dakwah yang masih berselerak dalam pelbagai karyanya. Hal ini akan ditinjau dari dua segi sama ada dari segi etimologi mahupun terminologi. Kedua, mengenai hukum dakwah di mana Ali Hasjmy berupaya memberi pemikiran berkenaan dengan hukum dakwah sebagai perkara yang wajib. Ketiga, berkenaan dengan pandangan Ali Hasjmy yang masih berselerak dalam pelbagai karyanya mengenai sistem dakwah yang mencakupi beberapa unsur dakwah, yakni; pelaku dakwah (*da'i*), sasaran dakwah (*ma'd'u*), pesan dakwah (*maud'u da'wah*), matlamat dakwah (*ahdaf da'wah*), metode dakwah (*manhaj da'wah*) dan media dakwah (*wasail da'wah*). Pembahasan mengenai ketiga-tiga perkara penting tersebut dijangka memperoleh pandangan yang komprehensif mengenai pemikiran dakwah Ali Hasjmy. Dalam bab keempat dibuat beberapa kesimpulan mengenai pemikiran dakwah Ali Hasjmy. Selamat membaca semoga ada manfaatnya.

Syabuddin Gade
Mohd Syukri Yeoh Abdullah
Salmah Haji Ahmad

Bab 1

Pendahuluan

Ali Hasjmy adalah tokoh yang cukup dikenali bukan hanya sebagai sasterawan, politikus, ulama dan sejarawan, tetapi juga sebagai tokoh dakwah dan pendidikan (Ali Ghazaly 1978: 53, 87) (Ar-Raniry 2004: 491). Kepakaran Ali Hasjmy dalam beberapa bidang keilmuan telah terkesan 'ensiklopedik' bukan 'isapan jempol belaka', tetapi terbukti dengan karya tulisannya yang mencapai hampir 60 karya dalam pelbagai bidang ilmu yang masih dapat dibaca, dilihat dan dikaji oleh generasi masa kini dan masa akan datang.

Sebagai tokoh dakwah, Ali Hasjmy bukan hanya mengembang konsep dakwah dalam pelbagai karyanya, tetapi juga kaya dengan pengalaman dakwah dalam menghadapi pelbagai persoalan umat Islam di Aceh. Bahkan, Syamsuddin Mahmud bekas Gabenor Aceh memandang bahawa kepakaran Ali Hasjmy mengenai dakwah bukan hanya setakat menimba ilmu dakwah sebagai ilmu, tetapi dakwah sudah menjadi sebatian dengan jiwanya sehingga peranan dan aktiviti yang dilaksanakan sentiasa diisi dengan nilai dakwah (Badruzzaman Ismail et al. 1994: 40). Penilaian tinggi Syamsuddin terhadap Ali Hasjmy bukan dilebih-lebihkan, kerana faktanya sedemikian.

Jika dilihat beberapa karya Ali Hasjmy mengenai dakwah dan praktik dakwah yang dijalani dalam menghadapi persoalan umat di Aceh misalnya, maka semuanya ini menampak kelebihannya sebagai pakar dan tokoh dakwah. Ini disebabkan ramai ulama dan tokoh agama di Aceh pada abad ke XX yang lain umpamanya, Teungku Hasballah Inderapuri (1888-1959 M.), Teungku Muhammad Daud Beureueh (1896-1987 M.), Teungku Abdurrahman Meunasah Meucap (1897-1949 M.) atau Teungku Amir Husein al-Mujahid (1900-1982 M.) tidak mewarisi satu pun karya berkenaan dengan ilmu dakwah, meskipun mereka tergolong dalam *rijāl da'wah* (tokoh dakwah) yang berpengaruh dan berpengalaman dalam menghadapi permasalahan umat di Aceh. Nilai tambah lainnya yang dimiliki Ali Hasjmy adalah pengiktirafan pemerintah Indonesia di mana dia dilantik

sebagai profesor dalam cabang ilmu dakwah selari dengan SK Menteri Agama pada 11 Mac, 1976 No. B-11/3/7-d/1386 terhitung 1 Januari 1976 (A. Ghazaly 1978: 95). Semua nilai tambah ini adalah hasil kerjanya dalam mengembang konsep dakwah.

Pengembangan konsep dakwah yang dilakukan, antaranya adalah dengan melakukan kajian terhadap ayat-ayat al-Qurān, hadis, pandangan ulama dan sejarah Islam. Hasil kajian ini kemudian ditulis dalam beberapa karyanya yang lain. Antaranya ialah *Dustur dakwah menurut al-Qurān; Pokok-pokok pikiran sekitar dakwah Islamiyah; Dakwah Islamiyah dan kaitannya dengan pembangunan manusia*. Pembahasan Ali Hasjmy mengenai konsep dakwah seperti yang dihurai dalam *Dustur dakwah* antaranya ialah mengenai makna dan matlamat dakwah, hajat manusia kepada dakwah, dakwah dan *sabīlī'llāh*, kebijaksanaan dakwah, dakwah sebagai amanah Allah, hukum dan pesan dakwah (meskipun tidak dijelas dalam tajuk khusus), gaya bahasa al-Qurān sebagai media dakwah, pelaku dakwah berserta sifat dan perilakunya, nada dan irama dakwah, *amar ma'rūf* dan *nahy munkar*, media serta sejarah dakwah (Ali Hasjmy 1974: 28-400). Pembahasan yang hampir sama juga dihurai dalam karyanya *Pokok-pokok pikiran sekitar dakwah Islamiyah*, terutama mengenai pelaku dakwah (*dā'i*), sasaran dakwah, matlamat dan sifat dakwah, cara pelaksanaan dan media dakwah (Ali Hasjmy 1982: 7-34). Manakala dalam karyanya *Dakwah Islamiyah* dihurai mengenai fungsi dakwah bagi pembangunan manusia (Ali Hasjmy 1978a: 18-77). Selain itu, pemikirannya mengenai matlamat dakwah dan konsep manusia sebagai *mad'u* juga diselit dalam beberapa karyanya yang lain. Oleh itu, secara umumnya boleh dikata bahawa konsep atau pemikiran dakwah yang dibahas Ali Hasjmy dalam pelbagai karyanya mengandungi ruang lingkup yang luas. Antaranya, ialah makna dakwah, fungsi dan hajat manusia terhadap dakwah, dasar hukum dakwah, hingga pembahasannya mengenai sistem dakwah yang terdiri daripada beberapa unsur (*dā'i*, *mad'u*, matlamat, pesan, metode dan media dakwah). Namun, amat dikesali bahawa pemikiran dakwahnya itu masih berselerak dalam pelbagai karyanya sehingga diperlu suatu pengkajian mendalam untuk mengumpul semua pandangannya secara konkrit.

Bab 2

Riwayat Hidup Ali Hasjmy

Pengenalan

Pembahasan dalam bab ini adalah berkenaan dengan salasilah Ali Hasjmy, faktor yang mempengaruhi pemikiran serta karyanya. Pembahasan mengenai salasilah keluarga Ali Hasjmy bukan hanya daripada sebelah pihak ayahnya yang berdarah Hadramaut, tetapi juga daripada sebelah ibunya dan akan diuraikan pula secara ringkas berkenaan dengan keturunan Ali Hasjmy (isteri dan anak-anaknya). Adapun pembahasan mengenai faktor yang mempengaruhi pemikirannya akan mencakupi faktor pendidikan, organisasi, warisan intelektual dan keadaan masyarakat Aceh. Manakala pembahasan mengenai karya Ali Hasjmy dipapar kandungannya secara umum terutamanya mengenai beberapa buku yang dijadikan sebagai rujukan dalam kajian ini. Selebihnya akan disebut tajuknya sahaja secara lengkap sesuai dengan data yang ada.

Salasilah Ali Hasjmy

Salasilah Ali Hasjmy, mengikut pendapat Ali Hasjmy sendiri, dapat ditelusuri hingga kepada Pahlawan Muda. Sumber ini diperolehnya melalui keterangan daripada datuknya, Pang Abbas. Menurut keterangan datuknya bahawa nenek moyang Ali Hasjmy berasal dari Negeri Hijaz (wilayah Arab Saudi sekarang ini), seorang ulama yang berhijrah ke Aceh pada zaman pemerintahan Sultan Alauddin Johan Syah (1147-1174 H/ 1735-1760 M). Ulama Hijaz ini, kemudian dilantik oleh sultan Aceh menjadi Orang Kaya Diraja Syahbandar Agung dengan gelaran Pahlawan Muda. Keturunan daripada Pahlawan Muda ini, iaitu: Keuchik Pasukan, Keuchik Sitam, Ja Bok, Keuchik Meureudeh, Teungku Abu, Teungku Intan Sipijit dan Keuchik Palela (Ali Hasjmy 1985: 5).

Salasilah Ali Hasjmy di sebelah ayahnya adalah daripada keturunan Ja Bok, Ja Bok berputerakan Keuchik Polem, Keuchik Polem berputerakan Keuchik Agam, Keuchik Agam berputerakan Pang Abdullah dan Pang Abbas, Pang Abbas berputerakan Teungku Hasjim, Nyak Putrou, Nyak Neh, Johan dan Hasan. Adapun salasilah di sebelah ibunya adalah daripada susur galur Keuchik Palela yang mempunyai putera iaitu Keuchik Nyak Ahmad. Keuchik Ahmad berputerakan Pang Hasan, Pang Hasan berputerakan Pang Husein dan Pang Husein berputerakan Nyak Buleuen. Jadi, salasilah keturunan Ali Hasjmy di sebelah ayahnya adalah Ali Hasjmy bin Teungku Hasjim bin Pang Abbas bin Keuchik Agam bin Keuchik Polem bin Ja Bok bin O.K. Syahbandar Agung Pahlawan Muda. Manakala di sebelah ibunya ialah Nyak Buleuen binti Pang Husein bin Pang Hasan bin Keuchik Nyak Ahmad bin Keuchik Palela bin O.K. Syahbandar Besar Pahlawan Muda.

Pang Abbas (datuk Ali Hasjmy di sebelah ayah) dan Pang Husein (datuk Ali Hasjmy di sebelah ibu), kedua-duanya ialah panglima kecil di bawah Teuku Panglima Polem Muda Perkasa. Pang Abbas dan Pang Husein, kedua-duanya adalah pejuang yang turun ke medan perang melawan tentera penceroboh Belanda. Pang Husein yang menggalas tugas mempertahankan Kuta Cot Glie (benteng terhadap Teuku Panglima Polem), mati syahid setelah anggota pasukannya syahid kesemuanya. Isterinya Nyak Puteh, yang kemudian menjadi pendidik utama kepada Ali Hasjmy, selepas ibunya meninggal dunia, terus hidup menjanda hingga dia meninggal dunia pada 1953 (Ali Hasjmy 1985: 4, 34; 1991: 6-7). Hidup menjanda yang dipilih Nyak Puteh menampak kesetiiaannya kepada almarhum suaminya, Pang Husein yang syahid di medan perang melawan tentera Belanda. Nyak Puteh hanya mempunyai seorang puteri, Nyak Buleuen, ibunda kepada Ali Hasjmy. Berbeza dengan datuknya, Pang Abbas, dia tidak mati syahid di medan perang melawan Belanda, namun di seluruh tubuh badannya penuh dengan bekas-bekas luka akibat perang melawan askar Belanda. Dia meninggal dunia pada 1936 dalam usia 127 tahun, lebih kurang ketika Ali Hasjmy sudah mencapai usia 22 tahun (Ali Hasjmy 1991: 7).


Jadi nenek moyang Ali Hasjmy adalah orang tersohor sebagai pejuang di medan perang Aceh melawan Belanda, sama ada di sebelah ayah mahupun di sebelah ibundanya. Pang Abbas, datuk Ali Hasjmy di sebelah ayah mempunyai anak lelaki, bernama Teungku Hasjim, manakala Pang Husein mempunyai anak perempuan bernama Nyak Buleuen. Kemudian, Teungku Hasjim berkahwin dengan Nyak Buleuen. Perkahwinan Teungku Hasjim dengan Nyak Buleuen ini lahirlah seorang anak yang diberi nama

Muhammad Ali ibn Hasyim ibn Abbas atau lebih dikenali dengan nama Ali Hasjmy (Ali Hasjmy 1997: 237). Dia dilahir pada 28 Mac 1914 di Desa Lampaseh Kecamatan Montasik Kabupaten Aceh Besar, bertepatan dengan meletusnya perang dunia pertama (Majalah Tempo 1991(48): 44). Namun, sebelum kelahiran Ali Hasjmy, pasangan suami isteri (Teungku Hasjim-Nyak Bulcuen) sudah mempunyai seorang anak perempuan, namun dia meninggal dunia ketika masih bayi (A. Ghazaly 1978: 3). Ketika Ali Hasjmy berusia empat tahun, Nyak Bulcuen meninggal dunia sewaktu melahirkan adik Ali Hasjmy sehingga ibunda dan adiknya yang masih bayi itu dikuburkan dalam satu liang. Setelah ibundanya meninggal dunia, Ali Hasjmy dibesar oleh Nyak Puteh (nenek di sebelah ibu).

Lima tahun selepas ibunda Ali Hasjmy meninggal dunia, Teungku Hasyim berkahwin dengan Nyak Syarifah dan pasangan ini kemudian bermastautin di Seulimum. Manakala Ali Hasjmy tetap hidup bersama nenekanda, Nyak Puteh. Perkahwinan Teungku Hasjim dengan Syarifah melahirkan tujuh orang anak, iaitu Ainal Mardhiah, Rohana, Syahabuddin, Asnawi, Fachri, Nurwani dan Fachmy. Oleh itu, Ali Hasjmy mempunyai tujuh orang saudara seayah, empat orang saudara laki-laki dan tiga orang saudara perempuan. Sebagai anak seorang ulama, pedagang dan pejuang dalam melawan pencerobohan Belanda, kesemua mereka mendapat pendidikan yang secukupnya. Ainal Mardhiah dan Rohana berpendidikan Sekolah Menengah Islam (SMI); Syahbuddin berpendidikan Sekolah Menengah Ekonomi Atas (SMEA); Asnawi dan Fachmy mendapat pendidikan hingga memperoleh gelaran Sarjana Hukum (S.H), manakala Fachry berpendidikan Sekolah Teknik (ST) dan Nurwani berpendidikan Sekolah Rakyat Islam (SRI) (A. Ghazaly 1978: 3). Hal ini terjadi kerana kuatnya tanggungjawab Teungku Hasjim terhadap pendidikan anak-anaknya dan peranan Ali Hasjmy yang sentiasa membantu untuk kejayaan pendidikan adik-adiknya.

Selepas Ali Hasjmy menamat pengajian di Padang, dia pulang ke Aceh. Dalam kesibukan sehari-hari, pada 21 Rejab 1360 H, bertepatan dengan 14 Ogos 1941, Ali Hasjmy melangsungkan perkahwinannya dengan Zuriyah Aziz, seorang puteri sekampung yang masih mempunyai pertalian keluarga dengannya (Badruzzaman Ismail et al. 1994: 11) (Ar-Raniry 2004:467-468). Perkahwinan kedua mempelai ini melahirkan tujuh orang anak, iaitu Mahdi, Surya, Dharma, Gunawan, Mulya, Dahlia dan Kamal. Ali Hasjmy telah berjaya memberi pendidikan kepada anak-anaknya hingga ke peringkat pendidikan tinggi dalam bidang yang berbeza-beza, sesuai dengan minat mereka masing-masing (Ali Hasjmy penyit

1997: 237-238) (Ar-Raniry 2004: 467-468). Ringkasan mengenai salasilah keturunan Ali Hasjmy dapat dilihat dalam Rajah 2.1 seperti berikut:



Catatan: → = keturunan, >< = perkahwinan

RAJAH 2.1 Salasilah Keluarga Ali Hasjmy

Sebagai seorang ulama dan tokoh agama Aceh, Ali Hasjmy memiliki kerjaya yang panjang semasa hidupnya. Setelah Indonesia merdeka, dia aktif sebagai pegawai kerajaan dan menduduki pelbagai jawatan penting,

antaranya; Ketua Jawatan Sosial Daerah Aceh (1946-1947), Ketua Jawatan Sosial Keresidenan Aceh dengan pangkat Bupati (1949), Wakil Ketua Jawatan Sosial Sumatera Utara (1949), Inspektur Ketua Jawatan Sosial Propinsi Aceh (1950), Ketua Bahagian Umum pada Jawatan Bimbingan dan Perbaikan Sosial dari Kementerian Sosial Jakarta (1955), Gabenor Aceh (1957-1964), Dekan Fakulti Dakwah IAIN Ar-Raniry Banda Aceh (1968), Guru Besar (Profesor) dalam Ilmu Dakwah (1976) dan Rektor IAIN Ar-Raniry (1977-1982).

Faktor yang Mempengaruhi Pemikiran Ali Hasjmy

Secara umumnya manusia dipengaruhi oleh dua faktor, iaitu faktor pembawaan dan faktor persekitaran. Faktor pembawaan adalah faktor yang dibawa sejak manusia lahir sebagai potensi warisan daripada orang tuanya sama ada yang bersifat fisiologi mahupun psikologi. Adapun faktor persekitaran yang dimaksud di sini adalah pelbagai faktor luaran yang mempengaruhi perkembangan peribadi dan pemikiran seseorang. Dalam kajian ini, faktor pembawaan tidak menjadi sebagai fokus perhatian, kerana kajian ini bersifat falsafah dan sejarah, namun yang akan diuraikan di sini hanya faktor persekitaran yang dianggap lebih dominan mempengaruhi peribadi dan pemikiran Ali Hasjmy, iaitu faktor pendidikan, organisasi, warisan intelektual dan keadaan masyarakat Aceh.

Faktor Pendidikan

Pendidikan pertama yang diterima Ali Hasjmy daripada keluarganya, terutama daripada nenekanda Nyak Puteh adalah pendidikan agama, seperti belajar membaca al-Qur'an, mempelajari rukun iman, rukun Islam, doa dan tatacara berdiri solat, sejarah Rasulullah SAW, sejarah empat sahabat, hikayat Hasan Husein, hikayat perang Badar dan kisah-kisah perang Aceh melawan Belanda yang masih berlangsung pada ketika itu. Jadi, nenekanda Nyak Puteh adalah guru pertama Ali Hasjmy selepas ibundanya, Nyak Bulcuen, meninggal dunia ketika Ali Hasjmy masih berumur empat tahun (Ali Hasjmy 1985: 31-34). Kepandaian nenekanda Nyak Puteh dalam bidang membaca al-Qur'an, menulis dan membaca huruf Arab Jawi menjadi modal kepadanya untuk mendidik Ali Hasjmy semasa kecil, terutama dalam memberi pendidikan membaca al-Qur'an dan memahami dasar-dasar agama yang kuat. Ali Hasjmy belajar

‘muqaddam’ atau ‘juz Amma’. Setiap kali selesai solat maghrib, seperti tradisi dalam masyarakat Aceh, Nyak Puteh mengajarnya pelajaran asas agama Islam, iaitu rukun iman, rukun Islam, doa dan tatacara solat lima waktu dan sejarah Islam, yakni sejarah hidup Nabi Muhammad s.a.w dan sahabat-sahabatnya. Sejarah ini diajar dalam bentuk hikayat secara puitis, seperti *Hikayat Muhammad aneuk Abdullah* (hikayat Nabi Muhammad anak Abdullah), *hikayat sahabat peut* (hikayat empat sahabat, hikayat Hasan Husein dan *hikayat prang bada* (hikayat perang Badar). Nenekanda Nyak Puteh juga sering menceritakan kepada Ali Hasjmy mengenai hal ehwal peperangan dan hikayat perang sabi (Ar-Raniry 2004: 1-29). Pendidikan dalam keluarga ini menjadi dasar utama bagi pembentukan peribadi Ali Hasjmy yang kemudian disokong oleh pendidikan seterusnya.

Selain itu, Ali Hasjmy juga belajar di Meunasah, sebagai tempat pendidikan pada masa itu, di kampungnya sendiri, Montasik. Pada 1921, dalam usia 7 tahun, dia dimasukkan ke Sekolah Rakyat atau dalam bahasa Belanda disebut Volk school di Montasik, Aceh Besar yang didirikan oleh pemerintah Belanda. Dia belajar di sekolah ini hanya dalam tempoh tiga tahun sahaja. Di sekolah ini, kebanyakan gurunya berasal dari Mandailing dan Minangkabau. Menyentuh tentang pengajiannya di sini Ali Hasjmy menyimpulkan bahawa para guru tersebut sangat berjasa dalam usaha mencerdas “angkatan baru Aceh”, di mana rakyat Aceh selama berpuluh-puluh tahun hidup dalam suasana perang bagi mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan bangsanya yang kemudian menjadi bangsa Indonesia yang merdeka. Kemudian, pada 1924, Ali Hasjmy dimasukkan ke Sekolah Dasar Negeri atau dalam bahasa Belanda disebut Guverment Inlandsch School (GIS), juga di Montasik. Dia belajar di sekolah ini hanya selama dua tahun. Jadi, pendidikan sekolah dasar Ali Hasjmy hanya lima tahun, tiga tahun di Volk school dan dua tahun di Guverment Inlandsch School (GIS) (Ali Hasjmy 1985: 31-38).

Belajar di sekolah Belanda bagi Ali Hasjmy adalah penuh dengan cabaran. Ini disebabkan kempen anti penjajahan Belanda sudah berakar umbi dalam masyarakat Aceh sehingga 1910-an dan 1920-an. Apapun yang datanginya daripada kebijakan pemerintah Belanda, termasuk pembangunan institusi pendidikan, tidak akan diterima oleh majoriti masyarakat Aceh. Mereka tidak mahu menyekolahkan anak-anak mereka di sekolah Belanda, kerana khawatir anak-anak mereka akan menjadi ‘kafir’ atau akan ‘dikafirkan’ (Ismail Sunny et al. 1980: 330), meskipun mereka sentiasa dipujuk rayu oleh Hulubalang yang menjadi kakitangan pemerintah Belanda. Ketika para Hulubalang menganggap bahawa

pendekatan pujuk rayu sudah tidak berjaya, maka dicuba pula dengan memperguna kekuatan 'polis Hulubalang' untuk memberi tekanan kepada ibu bapa yang mempunyai anak usia sekolah supaya dimasukkan ke sekolah Belanda. Jika pihak ibu bapa menentang, maka akan disekap beberapa hari oleh 'polis Hulubalang' (Ali Hasjmy 1985: 34-35). Pendekatan ini juga ternyata tidak berjaya seperti yang diharap, malah banyak sekolah Belanda dibakar oleh masyarakat sebagai kesinambungan sebuah peperangan rasmi terhadap Belanda yang tidak pernah dinyatakan berhentinya (Ali Hasjmy 1976a: 43-50, 1978b: 10-18, 1985: 36). Oleh itu, pendidikan anak-anak berusia 6 hingga 7 tahun masih tetap diberi dalam lingkungan keluarga sahaja. Kalaupun para ibu bapa membolehkan anak-anaknya masuk ke sekolah Belanda, itu hanyalah anak-anak yang sudah berumur sepuluh tahun ke atas, setelah mereka menerima doktrin pendidikan agama di rumah.

Agak berbeza dengan nenekanda Nyak Puteh, meskipun dia sangat membenci Belanda dan menganggap Raja Belanda yang kafir tidak boleh memerintah rakyat Aceh yang beragama Islam, namun dia mempunyai fahaman bahawa menimba ilmu diboleh sekalipun di 'sekolah kafir'. Nenekanda Nyak Puteh berkata kepada cucunya, Ali Hasjmy dalam bahasa Aceh; '*geutanyou ureung Islam wajib tameureunou, beulahat u naggrou Cina keudeh; meumankeuh hadih Nabi geutanyou*' (Kita orang Islam wajib belajar, sekalipun ke Negeri Cina; begitulah hadis daripada Nabi kita) (Ali Hasjmy 1985: 35). Pandangan ini menjadi pegangan yang kuat bagi Ali Hasjmy untuk terus belajar di sekolah Belanda, iaitu Volk school dan Guverment Inlandsch School (GIS). Sungguhpun begitu, pada waktu petang Ali Hasjmy juga belajar di *Dayah (zāwiyah)* (Ali Hasjmy 1978b: 66-69, Tempo no. 48, 1991: 45, Azyumardi Azra 1991: xviii, Hanun Asroah 2001: 148-149).

Selepas tamat GIS, Teungku Hasjim berkeinginan supaya puteranya Ali Hasjmy belajar di sekolah HIS (Holland Islandsche School), tetapi tidak diterima. Ini disebabkan, sekolah HIS hanya dikhas bagi putera-puteri Belanda, pegawai Belanda dan Hulubalang sahaja. Manakala Teungku Hasjim, ayah Ali Hasjmy adalah putera Pang Abbas, seorang musuh Belanda. Belanda memang sentiasa menjalani politik adu domba (*devides et impera*) dan diskriminasi dalam bidang pendidikan sehingga Ali Hasjmy terus belajar di *Dayah* Montasik (Ali Hasjmy 1985: 38).

Pada 1928 dia mulai belajar di madrasah dengan sistem baru (Sekolah Menengah Islam Moden) yang ditubuh oleh Teungku Muhammad Yunus Reudeup. Madrasah ini mengguna sistem pendidikan klasik dan berbeza dengan sistem pendidikan tradisional yang mengguna *sistem halaqah*.

Penubuhan madrasah moden ini adalah akibat kelogikan daripada pembaharuan sistem pendidikan Islam yang terjadi di kawasan Timur Tengah, khususnya Mesir. Di madrasah ini Ali Hasjmy belajar cara baris-berbaris dan kepanduan (kepramukaan) (Ali Hasjmy 1997: 152).

Pada 1930, Ali Hasjmy belajar di Sekolah Menengah Islam Pertama di Seulimum. Di Seulimum, dia juga belajar di lembaga pendidikan dayah, iaitu *Dayah Keunalo*, yang dipimpin oleh Teungku Abdul Wahab. Selepas itu, atas saranan nenekanda Nyak Puteh, Ali Hasjmy belajar di Thawalib School, Tingkat Menengah, iaitu sekolah Islam yang setaraf dengan SLTA (Sekolah Lanjutan Tingkat Atas), di mana tempoh belajarnya adalah tiga tahun (Tempo, no. 48, 1991:45). Pada 1932, Ali Hasjmy berserta hampir dua puluh orang pemuda (pelajar) berangkat ke Padang untuk menuntut ilmu. Ali Hasjmy memilih Madrasah Thawalib Padang, Panjang. Madrasah Thawalib mempunyai dua tingkatan, iaitu *Madrasah Ibtidaiyah* dan *Madrasah Thanawiyah*. *Madrasah Ibtidaiyah* menetap tempoh belajarnya selama empat tahun, dan menerima pelajar yang telah tamat GIS. Manakala *Madrasah Thanawiyah* menetap tempoh belajarnya selama tiga tahun, dan pelajar yang diterima di sini ialah mereka yang telah berjaya menamat sekolah dasar (pesantren) dan berjaya dalam peperiksaan awal. Selepas berjaya menempuh peperiksaan awal, Ali Hasjmy langsung ditempatkan di dalam kumpulan pelajar *Madrasah Thanawiyah* tahun pertama. Dia berjaya memperoleh kelulusan pada 1935 (A. Ghazaly 1978: 7).

Sepanjang tempoh belajar di Madrasah Tawalib Padang Panjang, Ali Hasjmy, selain menerima pelbagai pelajaran agama dan pelajaran umum seperti ilmu pendidikan, ilmu jiwa, sejarah dan lain-lain, dia juga menerima semangat kemerdekaan dan pergerakan yang disampaikan oleh para gurunya. Pelajaran apa pun yang diajar memang sentiasa dihubungkan dengan semangat kebangsaan, cita-cita kemerdekaan dan para murid diajak untuk menjadi pemimpin. Bahkan, kitab pelajaran yang diguna adalah kitab yang mengandungi semangat kemerdekaan, seperti *Idah al-nashi'in* karya Sheikh Mustafā al-Ghalāyainī, seorang pemimpin pergerakan kemerdekaan Syria dan kitab *‘ilmu al-nafs* karya Mukhtar Lutfi.

Ketika Ali Hasjmy pulang ke Aceh pada 1935, ilmu yang diperoleh di Madrasah Tawalib diajar dan dikembangkan di Perguruan Islam Seulimum di bawah bimbingan Teungku Abdul Wahab di samping menyempurnakan sistem baru pendidikan Islam di Madrasah tersebut bersama dengan Ibrahim Ali. Perguruan Islam Seulimum (PIS) kemudian dikembangkan menjadi dua tahap, iaitu *Madrasah Ibtidaiyah* dan *Madrasah Thanawiyah*. Kurikulumnya disusun hampir sama dengan kurikulum

Madrasah Thawalib Padang Panjang dan Perguruan Muslim Bukit Tinggi. Dengan usaha yang bersungguh-sungguh, akhirnya Perguruan Islam Seulimum muncul menjadi 'Perguruan Agama' yang berkualiti dan termasyhur di Tanah Aceh di mana pelajarinya datang dari seluruh Aceh (Ali Hasjmy 1985: 48-53).

Selepas Perguruan Islam Seulimum berkembang baik sesuai dengan kurikulum baru, pada 1938, Ali Hasjmy bersama Said Abubakar berangkat ke Padang, Sumatera Barat, untuk menyambung pendidikan di *Al-Jami'ah al-Islamiyyah*, jabatan *Adab al-lughah wa tarikh al-thaqafah al-Islamiyyah* (Perguruan Islam jabatan Sastra dan Sejarah Kebudayaan Islam) yang dipimpin oleh Ustaz Mahmud Yunus (alumni Universiti *Dār al-'Ulūm*, Kaherah). *Al-Jami'ah al-Islamiyyah* ini setaraf dengan 'Akademi', tempoh belajarnya adalah empat tahun (Ali Hasjmy 1985: 53, 1997: 237). Sepanjang tempoh belajar di sini, Ali Hasjmy semakin terpengaruh dengan idea pembaharuan dan pergerakan yang disampaikan oleh Mahmud Yunus, Mukhtar Luthfi dan para guru lainnya. Hal ini tentu semakin memperkukuh lagi semangat pembaharuan dalam jiwa Ali Hasjmy untuk membangun dan mengadakan pembaharuan pendidikan sebagai sebahagian daripada gerakan dakwahnya di Aceh.

Sungguhpun begitu, idea pembaharuan Islam terutama pembaharuan sistem pendidikan Islam sudah lama berkembang di Aceh. Idea ini disampaikan oleh Syeikh Abdul Hamid Samalanga, seorang ulama yang sempat melarikan diri ke Mekah daripada serangan tentera Belanda sekitar 1926 (Misri A. Muhsin no.2 jil.3 2002: 7-8). Ketika berada di Mekah, dia mengirim surat khabar *Umm al-qura* ke Aceh, di mana di celah-celah teks surat khabar ini, ditulis idea pembaharuan pendidikan yang disampaikan kepada ulama Aceh, Teungku Haji Abdullah Ujong Rimba. Idea ini kemudiannya dikembangkan oleh ulama PUSA (Persatuan Ulama Seluruh Aceh) di bawah pimpinan Teungku Muhammad Daud Beureueh (Ali Hasjmy 1997: 158-159). Oleh itu, idea pembaharuan ini bukan sesuatu yang baru bahagi Ali Hasjmy. Tambahan lagi, seperti yang dipaparkan sebelum ini bahawa pada 1928, Ali Hasjmy sendiri pernah belajar di Madrasah Montasik, di mana sistem pendidikan di Madrasah ini sudah mengalami pembaharuan, bukan lagi mengikuti sistem pendidikan dayah (*zawiyah*). Madrasah ini dibina dan dilaksanakan pembaharuan oleh Teungku Muhammad Yunus Beureueh.

Idea mengenai pergerakan bagi Ali Hasjmy juga bukan satu perkara baru sehingga ketika idea pergerakan dan semangat kemerdekaan yang disampaikan oleh para gurunya diterima "bagaikan gayung bersambut". Ini disebabkan di Aceh sendiri masih dalam suasana perang gerila. Oleh itu,

ketika pulang ke Aceh dia terus mengambil bahagian dalam organisasi PUSA. Hal ini semakin diperkuat oleh saranan dan himbauan Mahmud Yunus yang hadir dalam kongres PUSA pertama di mana dia mengajak murid-muridnya yang berasal dari Aceh supaya menjadi penyokong PUSA (Ali Hasjmy 1985: 80).

Sebagai pelajar dari Jabatan Sastera dan Sejarah Kebudayaan Islam di *al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah*, Ali Hasjmy juga berupaya mengguna ilmu sastera dan sejarah sebagai pendekatan dakwah. Sambil belajar, dia sudah mengguna sastera sebagai media penyampaian dakwah dengan menulis pelbagai karya sastera. Minatnya yang mendalam dalam bidang sastera menjadi dia mampu menganalisis pelbagai karya sastera ulama Aceh, seperti Ruba'i karya Hamzah Fansuri, Hikayat Perang Sabi, Hikayat Pocut Muhammad dan sebagainya sehingga dia diiktiraf sebagai "pengamat sastera Melayu klasik Aceh yang gigih" (Badrulrazaman Ismail et al. 1994: 95). Bahkan dia juga mampu menterjemah ayat-ayat al-Qur'an dengan gaya bahasa sastera yang indah (Ali Hasjmy 1982: 2-34, 1984: 5-25). Kegemaran dan kepakarannya dalam bidang sastera bukan hanya diakui sebagai sasterawan Indonesia angkatan "pujangga baru", tetapi juga diakui di rantau nusantara. Selain itu, dia juga menggunakan pendekatan sejarah dan falsafah dalam pengembangan pemikiran dakwahnya, di mana dengan kedua pendekatan ini pemikiran dakwahnya hampir kesemuanya dihubungkan dengan data sejarah dan rasional sebagai hasil analisis yang tajam dan mendalam.

Selepas menyelesaikan mendapat pendidikan di *al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah*, Ali Hasjmy kembali lagi ke Seulimum, dan dia dilantik menjadi Guru Kepala pada 1939-1942 Masihi. Lebih kurang sepuluh tahun kemudian, pada 1951-1953 Masihi, Ali Hasjmy menyambung lagi pendidikan formalnya di Fakultas Hukum Universiti Islam Sumatera Utara, Medan (A. Ghazaly 1978: 11). Namun, dia tidak sempat menamat pengajiannya di Universiti ini, mungkin kerana kesibukannya sebagai pegawai kerajaan. Tambahan lagi keadaan politik pada waktu itu, hampir kesemua tokoh Aceh di Medan, termasuk Ali Hasjmy, ditangkap oleh tentera pemerintah kerana dituduh terbabit dalam pemberontakan DI/TII (Darul Islam/Tentera Islam Indonesia) di Aceh yang meletus pada 21 September 1953 Masihi.

Meskipun Ali Hasjmy tidak sempat menamat pengajiannya pada tahap Perguruan Tinggi, namun perjalanan pendidikan di sekolah Belanda, dayah (zawiyah), madrasah dan *al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah* bukan hanya menjadi dia mampu memahami 'ilmu umum' dan 'ilmu agama', tetapi juga mampu menerima pemikiran pembaharuan dan semangat pergerakan

Islam yang berkembang pada masanya. Kesedaran tentang pentingnya ilmu pengetahuan yang disokong oleh semangat belajar dan daya bacaan yang tinggi menjadikan Ali Hasjmy mampu memahami dan menguasai banyak cabang ilmu pengetahuan (Ali Hasjmy 1975: 32-33). Hal ini, selain dipengaruhi oleh pendidikan sejak kecil, juga kesedarannya untuk mengamal firman Allah ayat 1-5 surah al-*Alaq* (Ali Hasjmy 1991: 2). Kecemerlangan Ali Hasjmy memahami banyak cabang ilmu pengetahuan menjadi modal utama bagi pengembangan ilmu keislaman, khususnya ilmu dakwah dan pembangunan masyarakat Aceh pada khususnya.

Jika disemak karya Ali Hasjmy dalam bidang dakwah misalnya, pemikirannya juga dipengaruhi oleh ulama pembaharuan Timur Tengah, seperti Ibnu Taimiyah dengan karyanya *al-Imān*, Sayyid Qutub dengan tafsirnya *Fi zilāl al-Qur'ān*, Muhammad 'Izzah Durūzah dengan karyanya *al-Dustūr al-Qur'ānī* dan Muhammad Al-Ghazālī dengan karyanya *Ma'ā Allāh dirāsah fī al-da'wah wa al-dur'āh*. Sebab pemikiran mereka ini sering kali menjadi sebagai rujukan dan sandaran oleh Ali Hasjmy dalam penulisan karyanya *Dustur dakwah*, terutama ketika menafsir ayat-ayat al-Qurān dan keterangan lain yang berhubung kait dengan dakwah. Pemikiran dakwah Ali Hasjmy juga mempunyai pertalian dengan pemikiran Mohammad Natsir sebagai tokoh dakwah dan tokoh politik MASYUMI (Majlis Syura Muslimin Indonesia) dengan karyanya *Fiqhul dakwah* dan Toha Yahya Omar dengan karyanya *Ilmu dakwah*, di mana kedua-dua karya ini juga menjadi sebagai rujukan dalam pengembangan konsep dakwahnya.

Faktor Organisasi

Selain faktor pendidikan, organisasi juga menjadi faktor yang banyak mempengaruhi pemikiran Ali Hasjmy. Sentuhan dunia organisasi mulai membentuk peribadi dan pemikirannya sejak dia belajar di Padang Panjang. Organisasi HPII (Himpunan Pemuda Islam Indonesia) adalah organisasi pertama yang menjadi tempat dia berorganisasi sebagai Wakil Ketua Pimpinan Cabang Padang Panjang. Melalui organisasi ini, dia menerima semangat pergerakan daripada pemimpin PERMI (Persatuan Muslimin Indonesia). Perlu diketahui bahawa PERMI adalah organisasi politik sehingga dalam pelbagai kesempatan, terutama dalam pertemuan HPII, maka pemimpin dan anggota PERMI sentiasa membina para anggota HPII dengan semangat pergerakan, kemerdekaan dan sejarah pergerakan dalam dunia Islam. Tambahan lagi, organisasi HPII boleh dianggap sebagai 'anak kandung' organisasi PERMI sehingga hampir kesemua tokoh PERMI

juga berperanan dalam HPII. Antara mereka ialah Mukhtar Lutfi, Ilyas Ya'kub, Duski Samad, Rasuna Said dan Zainal Abidin Ahmad sebagai tokoh PERMI, Rahmah El-Yunusiah (Pemimpin Madrasah Diniyah Puteri Padang Panjang) dan Hamka. Ceramah mereka begitu mempengaruhi pemikiran Ali Hasjmy dan kawan-kawannya sehingga mereka dengan segera memasuki ke dalam kancah politik. Berkenaan dengan hal ini Ali Hasjmy menulis seperti berikut:

Dengan mendengar pidato pembinaan daripada tokoh-tokoh partai (parti) politik PERMI, kami menjadi matang politik, bahkan ada di antara kami yang matangnya melewati umur mudanya, sehingga cepat-cepat mencebur (masuk) diri ke dalam organisasi politik, sekalipun dengan memalsu umurnya yang sebenarnya belum mencapai 18 tahun tetapi dengan akal kancil disulap (dilakukan di luar peraturan rasmi) menjadi 18 tahun atau lebih. Penyulapan (aktiviti di luar peraturan rasmi) demikian banyak terjadi. Di antara para pemuda yang berbuat demikian, iaitu (yang masih saya ingat); Muhammad Ali Piyung, Mahmud Harun Idic, Abubakar Takengon, Teuku Banta Syam Padang Tiji, Ali Hasjmy Montasick, Abdussalam Blangkejren, Kalikobat Takengon, Abdul Jalil Takengon dan Tenku Ali Basyah Montasick. Dengan jalan ini, kami lulus masuk PERMI dan mendapat kesempatan luas untuk mendapat pendidikan politik.

(Ali Hasjmy 1985: 61-65)

Ketika pulang ke Aceh, Ali Hasjmy juga berdiri organisasi SPLA (Serikat Pemuda Islam Aceh) pada tahun 1935 Masihi, yang kemudian bertukar nama menjadi PERAMINDO (Persatuan Angkatan Muda Islam Indonesia). Tidak lama kemudian dia melanjutkan pelajaran ke *al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah*. Ketika dia pulang ke Aceh, selepas menamatkan *al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah*, dia mulai bergabung dengan PUSA. Perlu diketahui bahawa PUSA adalah sebuah organisasi ulama yang secara *dejure* bukan parti politik, kerana pemerintah Belanda melarang pertubuhan parti politik. Tetapi, secara tersembunyi, PUSA juga adalah organisasi ulama yang berpolitik.

Peranan PUSA dalam melakukan pembaharuan pendidikan dan pergerakan, terutama untuk melawan bangsa penceroboh dan kakitangannya memang mengukir sejarah yang gemilang (Muhammad Nur el-Ibrahimi 1982) sehingga pemikiran Ali Hasjmy sebagai tokoh muda turut dipengaruhi oleh PUSA dalam menghadapi pelbagai persoalan umat. Pengaruh ini, bukan hanya kerana keakrabannya dengan para pemimpin PUSA seperti Teungku Muhammad Daud Beureueh, Teungku Abdul Wahab Sculimum, Teungku Amir Husein al-Mujahid dan sebagainya, sehingga dia sangat memahami peribadi para ulama PUSA, tetapi juga kerana dia mengambil peranan aktif dalam pergerakan bersama

PUSA dan organisasi lain di bawah PUSA (Pemuda PUSA dan Kasyafatul Islam), terutama untuk mengusir bangsa penceroboh hingga Indonesia memperoleh kemerdekaan. Hal ini tentu sekali menjadi Ali Hasjmy sangat memahami perjuangan PUSA, besarnya penglibatan dan pengorbanan rakyat Aceh di bawah pengaruh ulama PUSA dalam usaha gigih meraih kemerdekaan Indonesia. Hal ini tentu juga menjadi modal yang berharga bagi Ali Hasjmy dalam menghadapi pelbagai masalah di Aceh kemudian hari.

Dari sudut lain, Ali Hasjmy juga memahami benar sikap dan kebijakan yang tidak bijak yang diaku pemerintah pusat terhadap kepentingan rakyat Aceh selepas Indonesia merdeka dan masa-masa sesudahnya, meskipun rakyat Aceh sudah mengorbankan segala-galanya untuk mempertahankan kemerdekaan Indonesia. Namun, ketika meletusnya pemberontakan DI/TII (Darul Islam/Tentera Islam Indonesia), sebagai reaksi keras terhadap kebijakan pemerintah pusat tersebut, dia tidak mengambil bahagian dalam pemberontakan itu dan tidak menyalahi munculnya pemberontakan yang dipimpin oleh ulama PUSA dan kawan-kawan seperjuangannya. Ini disebabkan dia benar-benar mengetahui hakikat perjuangan ulama PUSA dan rakyat Aceh yang berupaya mendirikan Negara Islam, yakni Negara Islam Indonesia yang bersifat federal. Tambahan lagi, pemimpin pemberontakan ialah Teungku Muhammad Daud Beureueh, ulama dan pemimpin yang dikenali bukan hanya sebagai pemimpin PUSA, tetapi juga sebagai bekas 'Gabenor Militer' yang menguasai wilayah Aceh, Langkat dan Tanah Karo. Ali Hasjmy sendiri pernah bekerja sebagai seorang kakitangan 'Gabenor Militer' dengan jawatan 'Mayor Tituler' (A. Ghazaly 1978: 46). Pada waktu yang sama, dia juga tidak menampak secara nyata tentang kesalahan pemerintah pusat, meskipun dia tahu bahawa pemerintah pusat sudah tersalah jalan, bahkan dirinya sendiri pun sebagai pegawai kerajaan pada awal pemberontakan dimasukkan ke dalam penjara selama lapan bulan (Ali Hasjmy 1976b: 11, 20, 67-72, 93).

Sikap tidak menyalahi mana-mana pihak tersebut timbul kerana dia sedar bahawa salah-menyalah akan mengeruh lagi suasana dan tidak menyelesaikan masalah. Tambahan lagi, dia sedar bahawa pemerintah pusat sudah dipengaruhi oleh pihak yang tidak suka terhadap tegaknya Negara Islam Indonesia, terutamanya pihak bukan Muslim, PKI (Partai Komunis Indonesia) dan orang nasionalis sekuler. Akhirnya, dia memilih untuk bersabar sambil memikirkan tentang jalan keluarnya. Sikap Ali Hasjmy ini di kemudian hari ternyata memberi pengaruh yang signifikan dalam menjalani dakwah di Aceh, terutama dalam menghadapi konflik bersenjata (DI/III) di mana dia tampil sebagai tokoh yang berusaha mendamai antara pihak

DI/TII Aceh dengan pemerintah pusat (Indonesia) (Hardi 1993: 138-139). Semuanya ini tidak terlepas daripada kematangan politik yang diperoleh melalui organisasi sama ada ketika dia masih belajar di Padang Panjang mahupun ketika berjuang di Aceh.

Ali Hasjmy, memang sangat suka berorganisasi dan ia sentiasa mengambil bahagian dalam pelbagai organisasi sama ada organisasi sosial mahupun organisasi politik sehingga organisasi bukan hanya mempengaruhi kehidupannya, tetapi juga berjuang dan berdakwah melalui organisasi. Hal ini boleh dilihat dengan jelas dalam huraian mengenai pengalaman dakwahnya dalam bab tiga di mana organisasi dijadikan sebagai satu model dakwah dalam mengatasi pelbagai masalah yang melanda masyarakat Aceh. Peranannya dalam pelbagai organisasi yang dikukuh dengan pelbagai macam bentuk perjuangan lainnya, sama ada melalui karya mahupun pembangunan umat, menjadi dia bukan hanya dikenali di daerah Aceh, tetapi namanya harum di seluruh nusantara. Pemerintah Indonesia pun menaruh simpati kepadanya sehingga dia pernah dilantik sebagai Gabenor Aceh pada masa pemerintahan 'orde lama' (Presiden Soekarno) dengan tugas yang amat berat dan mendapat anugerah "Bintang Maha Putera Utama" pada masa pemerintahan 'orde baru' (Presiden Soeharto) (Badruzzaman Ismail et al. 1994: 35).

Faktor Kebudayaan Aceh

Aceh sebagai wilayah pertama agama Islam bertapak dan pusat penyebaran Islam ke seluruh Nusantara bukan sahaja di sana pernah mengalami berdiri tegak pelbagai Kerajaan Islam dan Kerajaan. Aceh Darussalam yang dicatat dalam sejarah sebagai antara lima negeri besar kekuatan dunia pada abad ke-XIV, dan kemudian diruntuh oleh kafir Belanda dalam perang (1873-1942), tetapi Aceh juga memiliki warisan intelektual, kebudayaan ataupun peradaban Islam yang kaya (Mohammad Said 1961), (Ajdam Iskandar Muda 1968: 144-145), (Ismail Suny et al. 1980: 27-44), (Ali Hasjmy 1984). Ali Hasjmy sebagai seorang pelajar yang mencintai sejarah dan kebudayaan Islam tentu sahaja menaruh perhatian yang begitu besar pada warisan intelektual Aceh. Hal ini boleh dilihat dalam kajian dan karyanya mengenai pelbagai bidang warisan intelektual Aceh.

Ali Hasjmy sedar bahawa Aceh mempunyai warisan sejarah peradaban Islam yang gemilang. Kesedaran ini menimbul minat membaca yang tinggi terhadap sejarah dan peradaban Aceh, yang kemudian menjadi satu faktor dalam mempengaruhi peribadi dan pemikirannya. Ali Hasjmy memang bukan murid Hamzah Fansuri, Syamsuddin al-Sumatrani,

Nuruddin ar-Raniry, Abcül Rauf al-Singkili, Jalaluddin al-Tursani, Teungku Chik Kuta Karang ataupun Teungku Chik Pante Kulu, tetapi kesukaan Ali Hasjmy membaca dan mengkaji karya mereka dan pelbagai karya ulama Aceh yang lain telah menjadinya seorang yang memahami dan menguasai warisan intelektual ulama Aceh yang masyhur hingga ke hari ini. Hal ini kemudian bukan hanya membentuk peribadi dan pemikiran di mana dia tampil sebagai tokoh sejarah, adat dan budaya Aceh, tetapi juga berupaya mendakwah kebudayaan Aceh sebagai sebahagian daripada kebudayaan Islam ke mana pun dia pergi, sama ada melalui tulisan, pendidikan, seminar ataupun tindakan jelas sebagai orang yang menjaga dan mengembang budayanya seperti yang akan dijelaskan dalam bab tiga. Oleh itu, bukan sesuatu yang dilebih-lebih jika Ali Hasjmy dianggap sebagai pakar sejarah dan kebudayaan Aceh.

Faktor Keadaan Masyarakat Aceh

Selain faktor pendidikan, organisasi dan warisan intelektual Aceh, faktor keadaan masyarakat Aceh juga turut membentuk keperibadian dan pemikiran Ali Hasjmy. Keadaan masyarakat Aceh yang dimaksudkan di sini adalah suasana perjuangan dan peperangan di medan jihad yang berlaku di Aceh. Cuba diperhati, perang Aceh melawan Belanda mengikut pandangan Paul van't Veer berlaku sejak 1873-1942 Masihi (selama 69 tahun) (Paul Van't Veer 1977: 8), (Ali Hasjmy 1978b: 11) sehingga Belanda berhasil diusir dari bumi Aceh. Jika dilihat dari tarikh kelahiran Ali Hasjmy (28 Mac, 1914 M.), maka jelas bahawa dia dilahir bukan hanya dalam rumah tangga pejuang di mana Pang Husein (datuk disebelah ibunya) syahid di medan jihad dan Pang Abbas (datuk di sebelah ayahnya) sebagai pejuang pada masa perang melawan Belanda, tetapi juga di luar rumahnya di seluruh Aceh masih berlangsung jihad dalam bentuk perang gerila. Meskipun suasana tampak tenang, tetapi keadaan di Aceh tetap bagaikan api dalam sekam.

Keadaan tersebut secara psikologi tentu memberi pengaruh dalam jiwa dan pemikirannya, di mana dia menganggap bahawa Belanda sebagai musuh agama dan bangsanya yang harus diperangi, kerana Belanda telah merosak dan menghancurkan Kerajaan Aceh Darussalam secara khususnya dan dakwah Islamiah di Nusantara secara umumnya. Tambahan lagi, ketika dia sedang belajar di Padang Panjang, sikap penceroboh Belanda dan kakitangannya tidak pernah memberi ruang kebebasan kepada bangsanya. Dia dan kawan-kawan seperjuangannya dimasukkan ke dalam penjara, bahkan institusi tempat dia belajar turut digeledah dan beberapa

orang gurunya dilarang mengajar, kerana dituduh melanggar undang-undang Belanda yang disebut sebagai *Vergadering Verbond* (larangan mesyuarat) (Ali Hasjmy 1985: 61-68).

Implikasi lebih jauh terhadap perjuangan Ali Hasjmy dapat dijejaki antaranya ialah sejak masih muda lagi dia sudah mulai berjuang melawan Belanda dengan karyanya dan pada waktu yang bersesuaian, dia pun mengangkat senjata meneruskan perjuangan datuk, para syuhada dan rakyat Aceh lainnya untuk melawan penceroboh Belanda (Ali Hasjmy 1980a: 23). Bahkan, dalam karyanya *Dustur Dakwah* dia mengungkap bahawa jihad (perang) adalah perlu dalam mempertahankan dan melindungi dakwah Islamiyah (Ali-Hasjmy 1974: 56-57, 69, 315-317, 386-389). Pandangan Ali Hasjmy ini juga disokong oleh Hamka dalam karyanya, *Prinsip dan Kebijaksanaan Dakwah Islam* (Hamka 1981: 7).

Jika disemak sejarah perjuangan dan pergolakan yang berlaku di Aceh, maka keperibadian dan pemikiran Ali Hasjmy tidak pernah luput dari suasana perang, di mana pemimpin dan rakyat Aceh terus berjuang melawan kezaliman bangsa penceroboh Belanda (1873-1942), melawan Jepun (1944-1945), melawan Hulubalang Cumbok (kakitangan penceroboh Belanda) pada 1945, melawan agresi (serangan) Belanda (1947-1948), melawan kezaliman pemerintahan 'orde lama' yang dikenali dengan pemberontakan DI/TII (Darul Islam/Tentera Islam Indonesia) (1953-1962), melawan pengkhianat P.K.I (Parti Komunis Indonesia) pada 1965 dan perang melawan pemerintah pusat, yakni pemberontakan GAM (Gerakan Aceh Merdeka) 1976-2005. Panjangnya sejarah perang di Aceh, bukan hanya membentuk peribadi dan pemikiran Ali Hasjmy sahaja, tetapi juga seluruh masyarakat Aceh terpengaruh sehingga dalam masyarakat Aceh berkemah pepatah yang menggambarkan keadaan dan watak masyarakat Aceh yang terkenal dengan kegigihan mempertahankan kebenaran, harkat dan martabatnya meskipun melalui jalan peperangan (Hasanuddin Yusuf Adan 2007: 51-52). Sebagai tokoh Aceh yang hidup dalam keadaan perang, Ali Hasjmy berjuang, berdakwah dan membangun Aceh juga dalam keadaan perang, bahkan pada waktu dia meninggal pun (18 Januari 1998, hari Minggu, pukul 15.00 WIB di Rumah Sakit Zainal Abidin Banda Aceh) (Kompas online 1998), keadaan Aceh masih dalam perang gerila antara GAM dengan pemerintah pusat. Perdamaian antara GAM dan Pemerintah Republik Indonesia baru dicapai pada 15 Ogos 2005 dengan ditandatanganinya 'Perjanjian Helsinki'. Ringkasnya, keperibadian dan pemikiran Ali Hasjmy juga dipengaruhi oleh situasi peperangan yang berlaku di Aceh sejak dia lahirkan ke dunia sehingga dia meninggal dunia.

Karya Ali Hasjmy

Seperti mana yang diungkap dalam pengenalan bab ini bahawa pembahasan mengenai karya Ali Hasjmy akan dipapar kandungannya secara umum, terutama mengenai beberapa karya yang dihasilkannya. Antara hal menarik daripada ketokohan Ali Hasjmy adalah ia sebagai seorang penulis. Sebagai seorang penulis, Ali Hasjmy sudah menghasilkan pelbagai karya dalam pelbagai bidang ilmu, antaranya agama, sastera, dakwah, sejarah kebudayaan, pendidikan, politik, tafsir dan akhlak. Apa pun pendapat orang mengenai karyanya, namun tidak diragu lagi bahawa Ali Hasjmy adalah ulama dan intelektual yang produktif dalam berkarya. Dalam catatan sejarah hidupnya, Ali Hasjmy sudah mulai menulis sejak berusia 20 tahun. Sampai ke akhir hayatnya dia telah menulis hampir 60 buku dan pelbagai kertas kerja, sajak, puisi dan roman yang diterbitkan dalam beberapa majalah dan surat khabar serta beberapa terjemahan dan saduran sebagai rujukan dalam tulisan ini. Manakala selebihnya akan disebut tajuknya sahaja secara lengkap sesuai dengan data yang ada. Beberapa buku Ali Hasjmy yang akan dipapar kandungannya secara umum di sini adalah seperti berikut;

1. *Melalui Jalan Raya Dunia*, diterbitkan oleh Indiche Dukkrij, Medan 1939. Buku ini adalah karya yang ditulis dalam bentuk roman sejarah mengenai kisah seorang pemuda bekas penuntut *al-Jami'ah al-Islamiyah* di Sumatera Barat. Pemuda ini bercita-cita untuk mendirikan sebuah pusat pengajian Perguruan Tinggi Islam dengan nama *Seulawah Jantan Institut*. Institut ini diharap bukan hanya mempelajari ilmu agama, tetapi juga ilmu umum seperti pertanian, teknik, kedokteran dan sebagainya. Kandungan novel ini tidak lain adalah cita-cita dakwah Ali Hasjmy sebagai penulis cerita yang ingin membangun sebuah pusat pendidikan representatif di bumi Aceh. Cita-cita dakwah ini kemudian menjadi kenyataan sejak dia memegang jawatan sebagai Gabenor Aceh (1957-1962), iaitu berdirinya Kopelma (Komplek Pelajar dan Mahasiswa) Darussalam di Banda Aceh dengan dua institut perguruan tinggi: Universitas Syiah Kuala dan Institut Agama Islam Negeri ar-Raniry.
2. *Di mana Letaknya Negara Islam*, diterbitkan oleh Pustaka Nasional, Singapura 1970 dan Bina Ilmu, Surabaya 1984. Buku ini selesai disusun pada 19 Disember 1967. Secara umum kandungannya adalah mengenai politik yang mencakupi dasar-dasar dan matlamat negara Islam, syarat pemimpin, khilafah, kewajipan dan hak khilafah dan

rakyat, sistem pembaiatan dalam Islam dan kesetaraan hak kepemimpinan laki-laki dan perempuan. Sungguhpun begitu, di dalamnya juga diselikan masalah dakwah, pendidikan dan kemanusiaan.

3. *Pemimpin dan Akhlaknya*, diterbitkan oleh Majelis Ulama Daerah Istimewa Aceh, Banda Aceh 1973. Buku ini pada mulanya adalah kumpulan bahan pelajaran yang pernah disampaikan dalam pelbagai kegiatan pendidikan jurudakwah dan pemimpin-pemimpin agama. Buku ini membahas tentang akhlak pemimpin secara komperhensif, tidak kira di mana pun kepemimpinan itu dijaian dan apa pun namanya.
4. *Dustur Dakwah Menurut Al-Quran*, diterbitkan oleh Bulan Bintang, Jakarta 1974 dan 1994. Secara umum, kandungan buku ini membincang mengenai pengertian dan tujuan dakwah, hajat hidup manusia terhadap dakwah, dakwah dan *sabiillillah*, garis-garis kebijaksanaan dakwah, dakwah Islamiyah suatu amanah Allah, hukum dan pesan dakwah (meskipun tidak dijelaskan dalam sebuah tajuk khusus), gaya bahasa al-Quran sebagai media dakwah, jurudakwah beserta sifat-sifat dan sikap pelakunya, nada dan irama dakwah, *amar makruf* dan *nahi mungkar*, media dakwah serta sejarah dakwah. Buku ini ditulis dengan harapan dapat memberi manfaat bagi usaha pembinaan dan pengembangan dakwah.
5. *Sejarah Kebudayaan Islam Indonesia*, diterbitkan oleh Bulan Bintang, Jakarta, 1975, 1990 dan 1993. Buku ini sudah diulang cetak untuk ketiga kalinya. Isinya mengungkap bukti-bukti sejarah kejayaan tamadun (peradaban) Islam masa lampau, sama ada dari segi politik, ekonomi, sosial mahupun seni budaya. Kajiannya dimulai dari kebudayaan dunia Islam hingga sampai ke revolusi Islam dan kemajuan peradabannya. Kemajuan Islam dilihat dari aspek sejarahnya tidak terlepas daripada kecintaan umat Islam kepada ilmu pengetahuan. Oleh itu, tidak hairanlah kalau umat Islam pernah menguasai supremasi ilmu pengetahuan dunia selama beberapa abad. Seluruh rangkaian aktiviti dan kreativiti yang dikembang umat Islam berorientasi pada kebangkitan dan kejayaan yang kemudian melahirkan kebudayaan. Ini yang kemudian dinamai kebudayaan Islam, iaitu: penjelmaan akal dan rasa manusia Muslim dan bersumber pada manusia Muslim.
6. *Risalah Akhlak Surat Ayah kepada Anaknya*, diterbit oleh Bulan Bintang, Jakarta 1975. Buku ini adalah kumpulan 16 surat yang pernah dikirim Ali Hasjmy kepada anaknya pada 1975 yang berada di Jakarta,

Yogyakarta, Merauke, Pontianak dan Medan. Ketika Ali Hasjmy berada di luar Aceh atau jauh daripada keluarganya di Aceh, dia pun mengirim surat kepada anaknya yang berada di Banda Aceh. Isi surat-surat itu kemudian dijadi buku yang berkenaan dengan "Wasiat Lukman Kepada Anaknya", "Makhluk yang Paling Mulia", "Doa dalam Islam", "Mensyukuri Nikmat", "Hari-hari Bersejarah dalam Bulan Mai", "Anak Angkat", "Peringatan Harijadi", "Harijadi Pancasila", "Kepemimpinan dalam Islam", "Nakhoda Khalifah", "Pembinaan Keluarga", "Wanita Aceh dalam Sejarah", "Armada Aceh ke Nias", "Tugas dan Kedudukan Ulama", "Peristiwa Isra Mi'raj" dan "Hari jadi RI ke 30". Semua surat ini berisi nasihat, pendidikan dan dakwah sang ayah (Ali Hasjmy) kepada anak-anaknya dan generasi muda umumnya. Membaca buku ini akan mengingat pembaca pada salah satu karya Imam al-Ghazali, dengan tajuk *Aiyuha al- Walad* (Wahai Anak).

7. *Surat-surat dari Penjara (surat-surat Ayah kepada Puterinya)*, diterbitkan oleh Bulan Bintang, Jakarta 1976. Buku ini adalah kumpulan surat yang dituju kepada puterinya yang masih berumur empat bulan, di mana pada waktu itu Ali Hasjmy sedang ditahan dalam penjara Medan oleh pemerintah Indonesia, kerana diuduh terbabit dalam pemberontakan DI/TII Aceh. Isinya mencakupi pelbagai topik mengenai manusia, antaranya mutiara pusaka, manusia dan agama, manusia dan cinta kasih, manusia dan masyarakatnya, manusia dan lingkungannya, manusia dan penjara, manusia Muslim dan manusia munafik, manusia antara kawan dan lawan, manusia sebagai makhluk sosial, manusia dan amal bakti, manusia dan golongannya, manusia dan pemecahan masalah, manusia dan keutamaan tauhid, manusia dan pembuktian tauhid, manusia dan dakwah tauhid, manusia dan pentafsiran tauhid, manusia yang rindukan kebebasan, manusia dan cita-citanya. Selain itu, ditambah juga dengan dua topik lain mengenai surat-surat dari penjara dan Digul (Irian Jaya) yang saya dengar dan yang saya lihat. Buku ini memperlihatkan pandangan Ali Hasjmy mengenai kisah penangkapannya selama dalam penjara, kesusahannya mengenai penyelesaian masalah DI/TII dan pancangannya mengenai manusia sama ada sebagai renungan dan pengalaman daripada hasil hacaan tentang ajaran Islam mahupun hasil interaksinya dengan kumpulan manusia selama dalam penjara.
8. *Peranan Islam dalam Perang Aceh dan Perjuangan Kemerdekaan Indonesia*, diterbit oleh Bulan Bintang, Jakarta 1976. Buku ini pada mulanya adalah kertas kerja yang dibentang dalam "Seminar

Perjuangan Aceh sejak 1873 hingga Indonesia Merdeka, yang berlangsung pada 22 s/d 26 Mac, 1976 di Medan. Setelah dilaku perbaikan dan tambahan lalu diterbitkan menjadi buku yang secara umum kandungannya adalah; i. Muqaddimah, huraianya mencakupi dakwah mengenai sejarah eksistensi kerajaan Aceh hingga terbentuk Kerajaan Aceh Darussalam; ii. Landasan berpijak Kerajaan Aceh Darussalam, iaitu Qanun Meukuta Alam yang berlandas pada al-Quran, al-Hadis, Ijma' dan Qiyas; iii. Sikap Kerajaan Aceh Darussalam yang menentang ancaman perang pihak Belanda, di mana Sultan Aceh mengambil prinsip "menang perang atau mati syahid" dengan membentuk kabinet perang dan dilanjutkan dengan khutbah Kerajaan di hadapan Balai Majlis Mahkamah Rakyat yang diucapkan oleh Leftenan Jeneral Said Abdullah di Mulek; iv. Aceh tidak pernah menyerah kedaulatannya kepada Belanda; v. Peranan ulama dalam perang Aceh; vi. Dengan pendidikan memperjuangkan kemerdekaan kembali; vii. Peranan Agama Islam dalam revolusi 45 di tanah Aceh. Selain itu, dalam buku ini dilampirkan juga sejumlah salinan undang-undang Kerajaan Aceh Darussalam dan beberapa surat keputusan lainnya.

9. *Apa Sebab Rakyat Aceh Sanggup Berperang Puluhan Tahun Melawan Agresi Belanda*, diterbitkan oleh Bulan Bintang, Jakarta 1977. Buku ini adalah perubahan nama daripada karya Ali Hasjmy sebelumnya setelah dilaku beberapa perubahan, iaitu; *Hikayat Perang Sabi Menjiwai Perang Aceh Lawan Belanda*, diterbitkan oleh Pustaka Faraby, Banda Aceh 1971. Isi buku ini secara umumnya membahas masalah 'Hikayat Perang Sabi', sebuah hikayat yang ditulis oleh ulama Aceh, Teungku Chik Pante Kulu dalam masa perang Aceh melawan kafir Belanda. Hikayat ini terdiri daripada empat bahagian, iaitu; Kisah Ainul Mardhiyah, Kisah Pasukan Gajah, Kisah Sa'id Salmay dan Kisah Muhammad Amin (Budak Mati Hidup Kembali). Pembahasan yang menarik di sini bukan hanya setakat mendeskripsi kembali kisah ini yang mampu membangkitkan semangat jihad rakyat Aceh, tetapi juga analisis Ali Hasjmy terhadap hikayat ini, di mana dia menyimpulkan bahawa hikayat perang sabi mengandungi seni bahasa yang tinggi, juga mengandungi nilai pendidikan dan pesan dakwah Islamiah.
10. *59 Tahun Aceh Merdeka di bawah Pemerintahan Ratu*, diterbitkan oleh Bulan Bintang, Jakarta 1977. Buku ini mengungkap dan sekaligus menunjukkan kepada dunia bahawa Aceh pernah dipimpin secara berturut-turut oleh empat orang ratu, iaitu; Ratu Safiatuddin (1641-1675 M), Ratu Nurul Alam Naqiatuddin (1675-1678 M), Ratu

Zakiatuddin Inayat Syah (1678-1688) dan Ratu Kamalat Syah (1688-1699). Di sini diungkap bahawa Aceh sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat pernah dipimpin oleh para ratu selama 59 tahun lamanya. Selama pemerintahan para ratu ini, Kerajaan Aceh Darussalam masih cukup terkenal, hubungan luar negara terus mantap, pemerintahan masih teratur, ekonomi masih baik dan angkatan perang masih kuat. Semuanya ini menunjuk bahawa rakyat Aceh telah memberi hak memimpin kepada perempuan yang setara dengan lelaki. Buku ini boleh dipandang sebagai sejarah politik perempuan di Aceh dan barangkali inilah sejarah *gender* yang hebat dan menakjub dalam sejarah politik Islam.

11. *Bunga Rampai Revolusi dari Tanah Aceh*, diterbitkan oleh Bulan Bintang, Jakarta 1978. Buku ini adalah kumpulan aneka revolusi yang bergolak di Aceh, seperti revolusi dalam dunia wanita, revolusi terhadap gagasan Negara Sumatera, revolusi Sultan yang sedang dalam tawanan, revolusi dalam dunia pendidikan, revolusi pemikiran dalam dunia ulama, revolusi bawah tanah terhadap kekuasaan Hindia Belanda menjelang kedatangan Jepun, revolusi pemuda terhadap kekuasaan Jepun dan lain-lain lagi. Aneka revolusi yang menjadi pengisian buku ini berasal daripada beberapa tulisan yang pernah diterbitkan dalam pelbagai majalah dan surat khabar 'Sinar Darussalam', 'Santunan' dan 'Waspada'.
12. *Dakwah Islamiyah dan Kaitannya dengan Pembangunan Manusia*, diterbitkan oleh penerbit Mutiara, Jakarta 1978. Buku ini pada awalnya adalah pidato ilmiah pada hari pengukuhannya sebagai profesor dalam bidang Ilmu Dakwah yang berlangsung pada 20 Mei 1976 di IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh. Dua tahun kemudian, ia diterbitkan menjadi buku. Kandungan buku ini secara umumnya adalah berkenaan dengan pertelagahan antara kebenaran dengan kejahatan, keadaan manusia dan masyarakat sebelum datangnya Islam, langkah-langkah Islam untuk membangun manusia kembali menjadi manusia baru dan masyarakat baru dan hanya dakwah Islamiyah yang sanggup membina manusia kembali.
13. *Mengapa umat Islam mempertahankan Pendidikan Agama dalam Pendidikan Nasional?* Diterbitkan oleh Bulan Bintang, Jakarta 1979. Buku ini membicarakan masalah sebab-musabab umat Islam mesti mempertahankan pendidikan agama dalam sistem pendidikan nasional. Selain itu, di sini juga dibahas sepintas lalu mengenai peranan Departemen Agama dalam pengembangan pendidikan Islam di Indonesia.

14. *Sastra dan Agama*, diterbitkan oleh Badan Harta Agama, Daerah Istimewa Aceh 1980. Buku kecil ini berasal daripada kertas kerja yang disampaikan dalam pertemuan Sasterawan Nusantara II (Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei) pada 28 Disember, 1979 di Jakarta. Isinya menghurai masalah pandangan Islam mengenai kesenian, di mana dia membuat kesimpulan bahawa Islam memandang kesenian sebagai sebahagian daripada 'fitrah' manusia sehingga Islam membolehkan dan tidak mengharamkan kesenian selagi kesenian itu tidak bercanggah dengan hukum syarak dari segala seginya.
15. *Perang Gerilya dan Pergerakan Politik di Aceh untuk Merebut Kemerdekaan Kembali*, diterbitkan oleh Majlis Ulama Propinsi Daerah Istimewa Aceh, Banda Aceh 1980. Buku ini juga adalah kumpulan beberapa tulisan yang pernah diterbitkan dalam majalah *Sinar Darussalam*, Banda Aceh. Secara umum isinya membincang mengenai perjuangan kemerdekaan rakyat Aceh melalui perang gerila, penubuhan kembali lembaga pendidikan sebagai alat perjuangan, organisasi, perang terhadap Belanda di Seulimum, peranan ulama Aceh dalam perjuangan kemerdekaan dan gerakan mempertahankan kemerdekaan di Aceh, di mana Ali Hasjmy sendiri menjadi salah seorang pelaku sejarahnya.
16. *Pokok-pokok Pemikiran sekitar Dakwah Islamiyah*, diterbitkan oleh Majlis Ulama Daerah Istimewa Aceh, Banda Aceh 1982. Buku ini berasal daripada sebuah makalah yang disampaikan dalam "Seminar Sejarah Dakwah Islamiyah se-Sumatera Utara" yang berlangsung di Medan pada 29 hingga 31 Mac 1981. Di dalamnya dibahas mengenai sifat dakwah Islamiah yang universal, pelaku dakwah (*da'i*) sasaran dakwah (*mad'u*), matlamat dakwah, cara pelaksanaan dakwah Islamiah dan media dakwah. Menurut Teungku Abdullah Ujong Rimba dalam sepatah kata mengatakan bahawa isi buku ini penting diketahui oleh masyarakat sejagat, terutama oleh mereka yang memilih medan dakwah sebagai lapangan jihadnya.
17. *Kebudayaan Aceh dalam Sejarah*, diterbitkan oleh Beuna, Jakarta 1983. Buku ini adalah salah satu karya Ali Hasjmy yang paling banyak mengungkap mengenai masalah kebudayaan dan peradaban Aceh dalam banyak aspeknya, sejak berdirinya Kerajaan Islam Peureuk (225 H/850 M), Kerajaan Islam Samudra/Pase, Kerajaan Islam Beunua, Kerajaan Islam Lingga, Kerajaan Islam Pidier, Kerajaan Islam Jaya, Kerajaan Islam Darussalam hingga terbentuknya Kerajaan Aceh Darussalam. Buku ini adalah salah satu karya Ali Hasjmy yang paling komprehensif mengenai sejarah dan kebudayaan

Islam di Aceh. Dalam perspektif dakwah, buku ini boleh dipandang sebagai karya Ali Hasjmy yang berupaya mendakwah kembali sejarah kebudayaan Islam yang pernah berjaya di bumi Aceh.

18. *Apa Tugas Sasterawan sebagai Khalifah Allah*, diterbitkan oleh Bina Ilmu, Surabaya, 1984. Buku ini adalah kumpulan beberapa kertas kerja dalam bidang sastera yang pernah disampaikan dalam beberapa seminar kesusasteraan. Tajuk "Sasterawan sebagai Khalifah Allah" berasal daripada kertas kerja yang pernah disampaikan dalam Majlis Perbincangan Sastera Islam yang diadakan di Kuala Trengganu pada 8 hingga 10 Disember 1981. Di dalamnya dibincang masalah tugas sasterawan sebagai khalifah Allah untuk menegak *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*; kriteria sasterawan muslim dan sasterawan durjana. Tajuk "Pengaruh Islam dalam Kesusasteraan Indonesia" berasal daripada kertas kerja yang dibentang dalam Pertemuan Sastera yang dilaksana oleh Lembaga Pembina Seni Budaya Indonesia Daerah Istimewa Aceh pada 27 Februari, 1968, di dalamnya dibincang mengenai adanya pengaruh ajaran terhadap perkembangan kesusasteraan Indonesia, sama ada pengaruh langsung ataupun tidak langsung dengan menunjuk pelbagai jenis puisi karya sasterawan Indonesia. Tajuk "Nafas Islam dalam Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di Aceh," berasal daripada kertas kerja yang disampaikan dalam Pertemuan Hari Sastera 80 Malaysia yang berlangsung di Ipoh pada 19 hingga 22 April 1980, di dalamnya dibincang antaranya; betapa bahasa dan sastera Melayu sudah diguna secara meluas pada zaman Kerajaan Islam di Aceh, sebagai bahasa istana, bahasa undang-undang, bahasa ilmu pengetahuan, bahasa pengantar pengajaran, bahasa pengucapan perasaan, bahasa penghubung antara wilayah kerajaan, bahasa media dakwah, bahasa surat-menyurat dan bahasa diplomasi. Tajuk "Islam Menjiwai Alam Pemikiran Melayu Lama, Sebuah Studi Tentang Naskah Safinatul Hukkam", berasal daripada kertas kerja yang disampaikan dalam Simposium Antarabangsa Kesusasteraan Melayu Tradisional, yang berlangsung di Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia pada 4 hingga 6 November 1982. Di sini dibincang mengenai kitab *Safinatul Hukkam* karya ulama Aceh, Syeikh Jalaluddin Tursany. Ulama ini pernah menjadi Kadi al-Malik al-Adil pada masa pemerintahan dua orang Sultan Aceh, iaitu; Sultan Alaidin Maharaja Lela Ahmad Syah (1139-1147 H atau 1727-1735 M) dan Sultan Alaidin Johan Syah Poteu Uk (1147-1174 H atau 1735-1760 M). Isi kitab ini antaranya adalah mengenai hukum Islam, iaitu halal, haram, wajib, sunat, mubah, makruh, sah, batil,

- syarat, tugas dan kewajiban Sultan, Hulubalang, Panglima Perang dan Pegawai Kerajaan; kaedah dan petunjuk bagi Kadi, hukum perdagangan, hukum keluarga, hukum jenayah, kedudukan hakim, rukun kerajaan, sifat raja, cara pengangkatan raja dan orang perempuan boleh menjadi raja.
19. *Semangat Merdeka Ali Hasjmy 70 tahun Menempuh Jalan Pergolakan & Perjuangan Kemerdekaan*, diterbitkan oleh Bulan Bintang, Jakarta 1985. Buku ini mengandungi catatan peristiwa sejarah yang erat kaitannya dengan perjalanan hidup Ali Hasjmy sejak 28 Mac 1914 hingga 28 Mac 1984, saat dia mengakhiri penulisan mukadimah buku ini dalam usianya yang ke-70 tahun. Buku ini yang meliputi 772 halaman (termasuk indeks) layak disebut sebagai karya yang mengandungi memori dan kisah hidup Ali Hasjmy atau yang disebut "*autobiografi*". Oleh itu, bagi siapa saja yang hendak mengkaji pemikiran Ali Hasjmy, peranan dan aktiviti dakwahnya dalam sejarah Aceh baru dan Indonesia secara umumnya, maka buku ini adalah sumber data yang amat berguna.
 20. *Ulama Aceh Mujahid Pejuang Kemerdekaan dan Pembangunan Tamadun Bangsa*, diterbitkan oleh Bulan Bintang, Jakarta 1997. Buku ini adalah karya Ali Hasjmy, di mana naskahnya mulai dipersiapkan sejak 1987 dan pada 1989 sudah diperlengkap dengan pratanya, namun baru diterbitkan pada 1997. Isinya adalah berkenaan dengan kisah hidup dan perjuangan beberapa ulama Aceh seperti "Para ulama keturunan Fairusi al-Baghdady", Teungku Haji Ismail bin Yakub, Tuanku Raja Keumala, Teungku Haji Ahmad Hasballah Inderapuri, Teungku Syeikh Ibrahim Ayanda, Teungku Haji Abdul Wahab Seulimum, Teungku Muhammad Daud Beureueh, Teungku Amir Husein al-Mujahid, Teungku Haji Abdullah Ujong Rimba, Teungku Syekh Abdul Hamid Samalanga, Teungku Muhammaa Hasbi Ash-Shiddiqiy, Teungku Haji Abubakar Aceh, Teungku Muhammad Hasan Krueng Kale, Teungku Syekh Haji Muhammad Wali al-Khalidy, Teungku Abdullah Husein, Teungku Haji Amelz, Teungku Haji Ismuha. Khusus mengenai Teungku Abdurrahman Meunasah Meucap bukanlah tulisan Ali Hasjmy seperti yang diakui oleh Ali Hasjmy sendiri, tetapi karya Haji Ismuha ketika dia mengikuti sayembara karya tulisan ilmiah yang dilaksana oleh Majlis Ulama Indonesia Pusat.

Adapun karya Ali Hasjmy yang lain dan sudah diterbitkan dalam bentuk buku mengikut tahun penerbitannya adalah seperti berikut;

1. *Kisah seorang pengembara*, sajak, diterbitkan oleh Pustaka Islam, Medan 1936.
2. *Sayap terkulai*. Buku ini adalah kisah roman perjuangan yang selesai ditulis pada 1938, namun tidak sempat diterbitkan, kerana naskahnya hilang di Balai Pustaka, ketika pendudukan Jepun.
3. *Dewan sajak*, Centrale Courant, Medan 1938.
4. *Bermandi cahaya bulan*, roman pergerakan, diterbitkan oleh Indiche Drukrij, Medan 1939 (Edisi Jakarta diterbitkan oleh Bulan Bintang, 1978).
5. *Melalui jalan raya dunia*, roman masyarakat, diterbitkan oleh Indiche Drukrij, Medan 1939 (Edisi Jakarta diterbitkan oleh Bulan Bintang, 1978).
6. *Suara azan dan lonceng gereja*, roman antara agama, diterbitkan oleh Syarikat Tapanuli, 1940. Edisi Jakarta diterbitkan oleh Bulan Bintang, 1978 dan edisi Singapura diterbitkan oleh Pustaka Nasional, 1982.
7. *Cinta mendaki*, roman filsafat/perjuangan, tidak diterbitkan kerana naskahnya hilang di Balai Pustaka, Jakarta ketika pencerobohan Jepun.
8. *Dewi Fajar*, diterbitkan oleh Aceh Simbun, Banda Aceh 1943. Buku ini adalah roman politik.
9. *Tanah Merah*, Bulan Bintang, Jakarta 1950. Buku ini adalah salah satu buku roman perjuangan.
10. *Meurah Johan*, Bulan Bintang, Jakarta 1950. Buku ini mengisahkan tentang roman sejarah Islam di Aceh.
11. *Pahlawan-pahlawan Islam yang gugur*, Bulan Bintang, 1956, 1971, 1974 dan 1981. Edisi Singapura diterbitkan oleh Pustaka Nasional, 1971 dan 1982. Buku ini adalah saduran daripada karya berbahasa Arab.
12. *Kerajaan Saudi Arabia*. Bulan Bintang, Jakarta 1957. Buku ini adalah riwayat perjalanan Ali Hasjmy ke Saudi Arabia.
13. *Rindu bahagia*, Pustaka Putro Candan, Banda Aceh 1963. Buku ini adalah kumpulan sajak dan cerpen (cerita pendek).
14. *Jalan kembali*, Pustaka Putro Candan, Banda Aceh 1963. Buku ini adalah kumpulan sajak yang bernafas Islam.
15. *Semangat kemerdekaan dalam sajak Indonesia baru*, Pustaka Putro Candan, Banda Aceh 1963.
16. *Sejarah kebudayaan dan tamadun Islam*, Penerbit IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh 1969.
17. *Yahudi bangsa terkutuk*, Pustaka Faraby, Banda Aceh 1970.
18. *Sejarah hukum Islam*, Majlis Ulama Daerah Istimewa Aceh, Banda Aceh 1970.

19. *Hikayat perang sabi menjiwai perang Aceh lawan Belanda*, Pustaka Faraby.
20. *Islam dan ilmu pengetahuan modern*, Pustaka Nasional, Singapura 1972. Buku ini adalah terjemahan daripada Bahasa Arab.
21. *Ruba'i Hamzah Fansury karya sastra sufi Abad XVII*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1974.
22. *Sejarah kebudayaan Islam*, Bulan Bintang, Jakarta 1975, 1978 dan 1982.
23. *Iskandar Muda Meukuta Alam*, Bulan Bintang, Jakarta 1977. Buku ini membahas tentang sejarah hidup Sultan Iskandar Muda.
24. *Sumbangan kesusasteraan Aceh dalam pembinaan kesusasteraan Indonesia*, Bulan Bintang, Jakarta 1978.
25. *Langit dan para penghuninya*, Bulan Bintang, Jakarta 1978. Buku ini terjemahan daripada Bahasa Arab.
26. *Apa Sebab al-Qur'an tidak bertentangan dengan akal*, Bulan Bintang, Jakarta 1978. Buku ini adalah terjemahan daripada Bahasa Arab.
27. *Nabi Muhammad sebagai panglima perang*, Mutiara, Jakarta 1978.
28. *Mengapa ibdah puasa diwajibkan*, Bulan Bintang, Jakarta 1979. Buku ini adalah terjemahan daripada Bahasa Arab.
29. *Cahaya kebenaran*, Bulan Bintang, Jakarta 1979. Buku ini adalah terjemahan al-Qur'an Juz Amma.
30. *Surat-surat dari tanah suci*, Bulan Bintang, Jakarta 1979.
31. *Sejarah masuk dan kerkembangnya Islam di Indonesia*, Al-Ma'arif, Bandung 1981.
32. *Mengenang kembali perjuangan misi Haji RI ke II*, Al-Ma'arif, Bandung 1983.
33. *Benarkah Dakwah Islamiyah bertugas membangun manusia*, Al-Ma'arif, Bandung 1983. Buku ini adalah perubahan nama daripada buku *Dakwah Islamiyah dan kaitannya dengan pembangunan manusia*, Mutiara, Jakarta 1978.
34. *Kesusasteraan Indonesia dari zaman ke zaman*, Beuna, Jakarta 1983.
35. *Sejarah kesusasteraan Islam/Arab*, Beuna, Jakarta 1983.
36. *Hikayat Pocut Muhammad dalam analisa*, Beuna, Jakarta 1983.
37. *Publisistik dalam Islam*, Beuna, Jakarta 1983.
38. *Syiah dan ahlussunnah saling rebut pengaruh di Nusantara*, Bina Ilmu, Surabaya 1984.

Selain pelbagai buku tersebut, banyak lagi kertas kerja Ali Hasjmy dan beberapa kertas kerja orang lain yang kemudian disunting dan dikemas kini menjadi buku atau masih dalam bentuk dokumen, bahkan ada juga buku sebagai hasil karya bersama, antaranya seperti berikut;

1. Apa sebab Belanda sewaktu agresi pertama dan kedua tidak dapat memasuki Atjeh. Dlm. T. Alibasjah Talsya, *Modal revolusi 45*, Daerah Istimewa Aceh: Seksi Penerangan/Dokumentasi Komite Musjawarah Angkatan 45 Daerah Istimewa Aceh, 1960.
2. Ali Hasjmy, *Konsepsi Ideal Darussalam*. Dlm. *10 Tahun Darussalam dan hari pendidikan propinsi Daerah Istimewa Aceh*, Banda Aceh: Jajasan Pembina Darussalam, 1969.
3. Ali Hasjmy, Peranan Departemen Agama dalam pembinaan manusia pancasila. Dlm. Panitia Hari Jadi ke X Jami'ah ar-Raniry, *10 Tahun IAIN Jami'ah Ar-Raniry*, Banda Aceh: t.pt, 1973.
4. Ali Hasjmy, Nafas Islam dalam Kesusasteraan Aceh, dalam Panitia Penyelenggara Musabaqah Tilawatil Qur'an Tingkat Nasional (PFMTQTN) ke-12, *Dari sini ia bersemi*, Banda Aceh: Pemerintah Daerah Istimewa Aceh, 1981.
5. Ali Hasjmy, Perjuangan rakyat Atjeh dari zaman ke zaman. Dlm. Panitia Penjambutan Pym. Presiden R.I dan Peresmian Universitas Sjah Kuala Seksi Penerangan, *Bung Karno dan Rakyat Atjeh*, Universitas Sjah Kuala: Panitia Persiapan Pendirian Universitas Negeri Sjah Kuala, 1961.
6. Ali Hasjmy, IAIN Jami'ah Ar-Raniry wujud sebuah cita-cita umat. Dlm. Ramly Maha et al., *15 tahun IAIN Jami'ah Ar-Raniry*, Banda Aceh: Panitia Hari Jadi ke XV IAIN Jami'ah Ar-Raniry, 1978.
7. Ali Hasjmy, Kapanakah kalanya, O Maha Kuasa, dalam *Widjaja*, 17 Ogos 1948 yang disadur kembali oleh Badruzzaman Ismail et al., *Delapan puluh tahun melalui jalan raya dunia A. Hasjmy aset sejarah masa kini dan masa depan*, Jakarta: Bulan Bintang, 1994.
8. Ali Hasjmy, Dengan Trikarya-utama menudju masyarakat sosialis Indonesia. Dlm. T. Alibasjah Talsya (pnryt.) *Dengan trikarya-utama menudju masyarakat sosialis Indonesia*, Banda Atjeh: Pemerintah Daerah Istimewa Aceh, 1963.
9. Ali Hasjmy, Banda Aceh Darussalam Pusat Kegiatan Ilmu dan Kebudayaan. Dlm. Ismail Suny at al., *Bunga rampai tentang Aceh*, Jakarta: Bhatara Karya Aksara, 1980.
10. Ali Hasjmy, Pidato Pembukaan Rapat-khusus/Ramah-tamah oleh Gubernur/Kepala Daerah Propinsi Atjeh. *Dokumen hasil*

perkundjungan misi Pemerintah Pusat dhp. Wk. P.M. 1 Mr. Hardi, Kutaradja: t.pt., tgl. 25 dan 26 Mei 1959.

11. Ali Hasjmy, *Pengaruh surah al-^cAlaq dalam kehidupan ilmiah Ali Hasjmy*, Dokumen Perpustakaan dan Muzeum Yayasan Pendidikan Ali Hasjmy pada 15 Januari 1991.
12. Ali Hasjmy et al., *50 tahun Aceh membangun*, Banda Aceh: MUI Aceh, 1995.
13. Ali Hasjmy et al., *Ilmu Dakwah*, Banda Aceh: IAIN Ar-Raniry, 1985.

Kesimpulan

Ali Hasjmy yang sejak muda lagi sudah gemar menulis telah banyak menyumbang karyanya dalam pelbagai surat khabar, majalah, kertas kerja yang dibentang dalam seminar; dan pelbagai karyanya yang lain, seperti khutbah, surat dan dokumen yang belum diterbitkan. Semuanya ini masih tersimpan di Perpustakaan dan Muzeum Yayasan Pendidikan Ali Hasjmy, Banda Aceh.

Bab 3

Pemikiran Dakwah Ali Hasjmy

Pengenalan

Konsep dakwah Ali Hasjmy yang diuraikan dalam bab ini menyentuh tiga perkara penting dalam perbincangan ilmu dakwah, iaitu; Pertama, berkenaan dengan pandangan Ali Hasjmy mengenai makna dakwah yang masih berselerak dalam pelbagai karyanya. Hal ini ditinjau dari dua segi sama ada dari segi etimologi mahupun terminologi. Kedua, mengenai hukum dakwah di mana Ali Hasjmy berupaya memberi pemikiran berkenaan dengan hukum dakwah sebagai perkara yang wajib. Ketiga, menyentuh tentang pandangan Ali Hasjmy mengenai sistem dakwah yang mencakupi beberapa unsur dakwah, yakni; pendakwah (*da'i*), sasaran dakwah (*ma'd'u*), pesan dakwah (*mauduf da'wah*), matlamat dakwah (*ahdâf da'wah*), metode dakwah (*manhaj da'wah*) dan media dakwah (*wasail da'wah*). Pembahasan mengenai ketiga-tiga perkara penting tersebut dijangka akan meraih pandangan yang komprehensif mengenai pemikiran dakwah Ali Hasjmy.

Makna Dakwah

Para ulama dan tokoh dakwah memang mempunyai pandangan yang beragam mengenai *da'wah* sama ada secara etimologi mahupun terminologi. Secara etimologi, makna *da'wah* antaranya ialah ajakan, panggilan, seruan, propaganda, memohon dengan penuh harapan (doa), suka kepada Allah, memohon pertolongan, seruan kebenaran, memohon untuk memperoleh rezeki, ajakan kepada semua manusia untuk mengamalkan suatu perkara, semua permintaan (*talab*) atau panggilan (*nida'*), di mana ajakan itu boleh jadi menuju ke jalan yang benar ataupun ke jalan yang sesat. Begitu juga, makna dakwah secara terminologi hampir semua ulama dan tokoh dakwah mempunyai rumusan atau definisi dakwah dalam perspektif masing-masing.

Ali Hasjmy sebagai ulama dan tokoh dakwah abad ke-XX juga mempunyai sumbangan pemikiran tersendiri mengenai makna *da'wah* sama ada secara etimologi mahupun terminologi. Secara etimologi (literal), perkataan *da'wah* dijadi sebagai *mawsūf* (sesuatu yang disifati) daripada perkataan "*Islāmiyyah*, *Qur'āniyyah* atau *Nabawiyyah*" di mana ketiga-tiga perkataan ini berfungsi sebagai *sifah* sehingga disebut dengan *da'wah Islāmiyyah*, *da'wah Qur'āniyyah* atau *da'wah Nabawiyyah* (Ali Hasjmy 1974: 28, 108-109). Hal sedemikian ini, yang dalam struktur Bahasa Arab sering dikenali dengan susunan *sifah* dan *mawsūf* atau *na'at* dan *man'ūt* yang menunjukkan bahawa dakwah pendekatan Ali Hasjmy adalah dakwah yang bersifat, berciri dan bersumber pada ajaran Islam, al-Quran dan Nabi Muhammad SAW, bukan berlandas pada ajaran lain (ajaran Iblis, syaitan atau daripada mana-mana pihak) yang bercanggah dengan ajaran Islam, al-Quran atau Hadis Nabi Muhammad SAW. Disebab, iblis, syaitan atau manusia yang sudah dibisik iblis juga mengguna perkataan *da'wah* untuk mengajak manusia ke jalan kejahatan.

Secara etimologi, *da'wah Islāmiyyah* disama juga dengan dua istilah lain, iaitu *suara nubuwwah* (suara kenabian) dan *sabīlillāh*. Dalam karyanya, *Dustur dakwah* disebut sebagai berikut;

Da'wah Islāmiyyah boleh dierti dengan istilah yang lain, iaitu *suara nubuwwah*, suara kenabian yang berkumandang untuk menyedar umat manusia dari kelalaian dan kesalahannya, mengajak mereka ke jalan Allah; suara kenabian yang telah berkumandang sejak awal sejarah manusia, dan harus tetap berkumandang sampai ke akhir sejarah manusia.

(Ibid: 30)

Pandangan Ali Hasjmy yang menyamai *da'wah Islāmiyyah* dengan *suara nubuwwah* nampaknya dipengaruhi oleh pemikiran Muhammad al-Ghazālī dalam karyanya *Ma'a Allāh dirāsah fi da'wah wa al-du'āh* di mana *da'wah Islāmiyyah* mengandungi maksud yang sama dengan *sawtun nubuwwah* (suara kenabian), iaitu suara kebenaran yang bersih dan suci, yang menjamin kebahagiaan masa kini (dunia) dan kesejahteraan masa hadapan (akhirat) (Muhammad al Ghazālī 1385/1965: 15-16). Ini disebabkan, intipati daripada *da'wah Islāmiyyah* atau *suara nubuwwah* adalah ajaran Islam yang diturunkan Allah melalui Nabi Muhammad SAW sebagai petunjuk (*hūdān*) dan (*rahmah*) bagi seluruh umat manusia. Bahkan *nubuwwah* itu sendiri ialah anugerah Allah kepada manusia pilihan yang di dalamnya mengandungi tugas dan risalah berupa bimbingan kepada seluruh umat manusia dalam meraih hakikat insaniahnya sebagai makhluk Allah (Anon 2003).

Dalam karya yang sama, *Dustur dakwah, da'wah Islāmiyyah* disamakan juga dengan *sabīlī'llāh*. Menurut Ali Hasjmy, *sabīlī'llāh* adalah segala ajaran Allah dan Rasul-Nya yang ibarat lain disebut *da'wah Islāmiyyah* (Ali Hasjmy 1970: 277; 1974: 57). Hal ini bermakna bahwa *da'wah Islāmiyyah* dan *sabīlī'llāh* mengandung pesan yang sama, yaitu pesan seluruh ajaran Islam sama ada pesan itu dalam bentuk perintah kepada yang makruf mahupun larangan daripada perbuatan mungkar. Hal ini sesuai dengan penjelasan Ali Hasjmy seperti berikut:

Da'wah Islāmiyyah atau *sabīlī'llāh* bererti melaksana tauhid, tidak tunduk selain kepada Allah, tidak menyekutu Allah dengan sesiapa pun. *Da'wah Islāmiyyah* atau *sabīlī'llāh* mengamalkan amalan salih, kebenaran, keadilan, kebaikan, kebajikan, kebaktian, menyuruh makruf, saling berwasiat dalam hal kebenaran dan kesabaran, saling bantu-membantu dalam hal takwa dan keutamaan akhlak. *Da'wah Islāmiyyah* atau *sabīlī'llāh* bererti melarang kemesuman (perbuatan maksiat), kemungkaran, kekejian, baik yang nyata atau tersembunyi, melarang mengikuti hawa nafsu yang biasa menimbulkan perpecahan dalam agama dan dunia; melarang kedustaan, keriaan, kebakhilan, keborosan dan segala macam keburukan akhlak. *Da'wah Islāmiyyah* atau *sabīlī'llāh* bererti memperkuat persaudaraan sesama Islam, persamaan lengkap, jaminan sosial yang menjalin semangat gotong-royong, saling cinta-mencintai, saling kasih-mengasihi dan bersikap toleransi, tidak ada perbezaan umat manusia dan tidak ada kasta-kasta.

(Ali Hasjmy 1970: 277-278)

Penyamaan *da'wah Islāmiyyah* dengan *sabīlī'llāh* seperti dalam kutipan tersebut menunjuk bahawa *da'wah Islāmiyyah* dan *sabīlī'llāh* mengandung makna yang luas (*muwassa'*), seluas ajaran Islam itu sendiri. Kefahaman *sabīlī'llāh* yang luas ini khususnya membeza pandangan Ali Hasjmy dengan pandangan jumhur ulama klasik, di mana *sabīlī'llāh* cenderung difahami secara sempit (*mudayyiq*), yakni terhadap pada orang-orang yang berperang membela agama Allah secara fizik (Ahmad Sarwat 2008) manakala menurut Ali Hasjmy, *sabīlī'llāh* mesti difahami dalam pengertian yang luas, berupa segala ajaran Allah yang mengatur kehidupan manusia dalam segala aspek, iman dan amal salih (ibadah, politik, ekonomi, sosial, akhlak dan sebagainya) (Ali Hasjmy 1974: 57-58), (Mahmud Shaltut 1966: 111), (M. Quraish Shihab 2002: 599). Kefahaman *sabīlī'llāh* dalam erti yang luas ini sesungguhnya adalah menjadi titik persamaan antara *da'wah Islāmiyyah* dengan *sabīlī'llāh* (Ali Hasjmy 1974: 56-58). Pandangan Ali Hasjmy ini nampaknya bukan pandangannya seorang diri sahaja, tetapi dipengaruhi oleh pemikiran Muhammad 'Izzah Duruzah (1966: 492), yang memadan makna *sabīlī'llāh* dengan *da'wah Islāmiyyah*.

Adapun pengertian dakwah secara terminologi, Ali Hasjmy juga mempunyai rumusan tersendiri. Dalam *Dustur dakwah* dirumus bahawa dakwah adalah “mengajak orang untuk meyakini dan mengamal akidah dan syaria Islam yang terlebih dahulu telah diyakini dan diamal oleh pendakwah sendiri” (Ali Hasjmy 1974: 28). Definisi ini meskipun ringkas, namun di dalamnya mengandungi beberapa unsur dakwah yakni usaha dakwah (mengajak); pesan dakwah (akidah dan syaria Islam); sasaran dakwah (orang: *mad'u*); matlamat dakwah (meyakini dan mengamal pesan dakwah); pendakwah (*dā'i*) yang terlebih dahulu telah meyakini dan mengamal pesan dakwah. Kelima-lima unsur dakwah ini dikenali juga sebagai “sistem dakwah”, di mana antara satu sama lain itu saling berhubung kait seperti yang akan dihurai kemudian.

Selain itu, jika dibanding definisi dakwah oleh Ali Hasjmy dengan pelbagai definisi dakwah yang dikemukakan oleh Ibn Taimiyah, ^oAli Mahfūz, Raūf Shalabī, Al-Bāhi al-Khūlī, Munir Mulkhan dan Amin Rais sebagaimana yang dikemuka dalam Bab Dua, ia nampakkan sesuatu yang berbeza, meskipun tidak dinafi terdapat banyak persamaan dari segi pesan dan matlamat dakwah yang terkandung dalam definisi itu. Sesuatu yang berbeza dengan pelbagai definisi dakwah oleh tokoh-tokoh tersebut nampaknya adalah rumusan definisi dakwah Ali Hasjmy yang ‘mensyaratkan’ pendakwah (*dā'i*) supaya terlebih dahulu meyakini dan mengamal pesan dakwah sebelum disampaikan kepada *mad'u*. Definisi dakwah seperti ini nampaknya menjadi suatu ciri khusus definisi dakwah Ali Hasjmy yang berbeza dengan pelbagai definisi dakwah oleh tokoh-tokoh lain yang telah disebut di sini.

Hukum Dakwah

Para ulama memang bersepakat bahawa hukum dakwah atau hukum menyampaikan seluruh ajaran Islam kepada umat manusia adalah wajib bagi seluruh umat Islam. Namun, mereka berbeza pendapat antara *fardu 'ain* dan *fardu kifāyah* (Husni Muhammad Ibrahim Ghaytas 1406/1985: 18-20). Perbezaan ini terjadi, kerana para ulama berbaza pendapat dalam memahami ayat-ayat al-Qurān yang berkenaan dengan hukum dakwah sehingga sebilangan mereka berpendapat bahawa hukum dakwah adalah *fardu 'ain* dan sebilangan lagi berpendapat *fardu kifāyah*. Selain itu, ada juga ulama yang berpendapat bahawa hukum dakwah adalah *fardu 'ain* sekali gus *fardu kifāyah*. Namun, apa yang hendak dikaji di sini bukan ingin mengulangi apa yang sudah dibahas mengenai hukum dakwah,

tetapi ingin mengkaji secara khusus pandangan Ali Hasjmy dalam memahami hukum dakwah antara *fardu ‘ain* dan *fardu kifayah*. Ini adalah kerana Ali Hasjmy juga nampaknya mempunyai pemikiran tersendiri mengenai masalah hukum dakwah.

Secara umumnya Ali Hasjmy memang berpendapat bahawa hukum dakwah adalah wajib. Dalam *Dustur dakwah* disebut bahawa “tugas pelaksanaan dakwah Islamiah adalah tugas wajib yang berat, yang harus dikerjakan oleh kaum Muslimin” (Ali Hasjmy 1974: 71). Pada halaman yang lain juga dikata bahawa “berdakwah ke arah kebenaran adalah wajib pada setiap waktu” (Ibid: 39). Dua ungkapan ini menunjuk bahawa secara umumnya hukum dakwah dalam pandangan Ali Hasjmy adalah wajib, sama seperti pandangan para ulama umumnya. Sungguhpun begitu, dalam hal apakah hukum dakwah sebagai *fardu ‘ain* atau *fardu kifayah* sahaja atau mungkin kedua-duanya sekali, nampaknya Ali Hasjmy cenderung berpendapat bahawa hukum dakwah adalah *fardu ‘ain* sekali gus *fardu kifayah* bagi umat Islam. Untuk membuktikan kebenaran ini, dapat dilihat daripada penjelasan Ali Hasjmy terhadap beberapa ayat al-Qur’an yang menjadi sebagai landasan pemikirannya. Antara ayat al-Qur’an yang menjadi sebagai sumber rujukan oleh Ali Hasjmy untuk menjelaskan kewajihan dan tanggungjawab berdakwah adalah:

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, seketengahnya menjadi penolong bagi seketengahnya yang lain: mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (at-Tawbah: 71)

Ketika menjelaskan maksud ayat tersebut, Ali Hasjmy menulis sebagai berikut:

Ayat 71 dalam surah al-Tawbah di atas secara umumnya menyatakan bahawa menjadi kewajipan seluruh kaum muslimin, baik lelaki mahupun wanita, bergotong royong bersama-sama menyuruh makruf, melarang mungkar, berdiri solat, membayar zakat dan beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Dengan demikian bererti, tiap-tiap individu orang Islam harus menjadi pendakwah bagi dakwah Islamiah.

(Ali Hasjmy 1974: 159)

Penjelasan Ali Hasjmy tersebut menunjuk bahawa hukum berdakwah adalah *fardu ‘ain* bagi setiap individu Muslim sama ada laki-laki ataupun perempuan. Hukum *fardu ‘ain* di sini nampaknya difahami dari ungkapan *amar ma’ruf dan nahi munkar* yang terkandung dalam ayat itu, yang

disetaraf dengan kewajiban dirikan solat, membayar zakat, beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Logiknya, jika mendirikan solat, membayar zakat dan beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dihukum sebagai *fardu 'ain*, maka *amar ma'ruf* dan *nahi munkar* sebagai sebahagian daripada dakwah yang mesti juga dihukum *fardu 'ain*. Hal ini juga diperkuat dengan penjelasannya, seperti berikut:

Berdasarkan surah al-Tawbah: ayat 71 di atas, ada orang yang berpendapat bahawa dakwah dalam Islam adalah suatu kewajiban menyeluruh, seperti kewajiban-kewajiban lain yang diletak di atas pundak tiap-tiap individu Muslim. Sesungguhnya ia bukan kelompok khusus, di mana orang lain terbebas daripada tanggungjawab. Seperti halnya tiap-tiap Muslim dibeban dengan tugas dirikan solat, membayar zakat, bersikap benar dan jujur, demikian pula dibeban dengan tugas memindah keimanan ke dalam hati yang kosong, memimpin orang yang bingung supaya kembali ke jalan Allah yang lurus. Oleh itu, berdakwah ke jalan Allah sama dengan sejumlah keutamaan jiwa dan tugas-tugas syariat yang tidak dikhusus kepada seorang Muslim saja, tetapi mencakupi semua Muslim.

(Ibid: 161)

Berdasarkan penjelasan tersebut, maka jelaslah bahawa dari satu segi, hukum dakwah dalam pandangan Ali Hasjmy adalah *fardu 'ain*. Sungguhpun begitu, dari segi yang lain Ali Hasjmy juga mempunyai pandangan yang menunjukkan bahawa dakwah hukumnya *fardu kifayah*. Hal ini dapat difahami berdasarkan penjelasan umumnya terhadap surah 'Ali 'Imran: ayat 102-105, iaitu:

Ayat-ayat daripada surah Ali 'Imrān ini mewajib umat Islam agar membentuk jemaah khusus, suatu organisasi yang bertugas di bidang dakwah (ayat 104), dan organisasi itu haruslah berdiri di atas dua asas utama; keimanan dan persaudaraan (ayat 102-103) sehingga dengan dua asas ini jemaah Muslimah (kaum Muslimin) akan sanggup menunaikan tugas beratnya dalam kehidupan manusia dan dalam sejarah kemanusiaan; tugas menyuruh makruf dan mencegah mungkar; menegak kehidupan di atas dasar makruf dan membersihkannya daripada kotoran mungkar. Kemudian kepada kaum Muslimin yang berkumpul dalam jemaah itu diperingat agar mereka jangan bercerai-berai dan bersengketa sesama sendiri (ayat 105), supaya mereka tetap teguh.

(Ibid: 71-72)

Jika dilihat sekilas pandang mengenai penjelasan Ali Hasjmy tersebut, memang dia tidak secara tegas mengatakan bahawa hukum dakwah adalah *fardu kifayah*. Namun, ungkapan Ali Hasjmy mengenai kewajiban umat Islam membentuk jemaah khusus atau organisasi dakwah, di mana organisasi ini menjadi perintis dalam menjalani misi dakwah secara sistematik dan terprogram menunjuk kecondongannya bahawa hukum

dakwah adalah *fardu kifāyah*. Ini disebabkan, kewajiban membentuk jemaah khusus atau organisasi dakwah pada hakikatnya adalah *fardu kifāyah* sebagai hasil pentafsiran ayat 104 dalam surah Ali ‘Imrān yang mengandung maksud *li al-tab‘īd* di mana dalam bahasa Melayu (Indonesia) sering diterjemah dengan ungkapan ‘sebahagian’, ‘sebilangan’, ‘di antara’ atau ‘di kalangan’ umat Islam untuk menjalani dakwah.

Berdasarkan huraian tersebut, secara umumnya pandangan Ali Hasjmy mengenai hukum dakwah lebih condong kepada *fardu ‘ain* sekali gus *fardu kifāyah*. Hal ini semakin kukuh, ketika dilihat penjelasannya terhadap maksud ayat 104 dalam surah Ali ‘Imrān dalam dua karyanya yang lain. Dalam karyanya, *Pokok-pokok fikiran* disebut bahawa antara maksud dari ayat 104 ialah “di samping kewajipan tiap-tiap individu Muslim, untuk melaksana dakwah Islamiah, perlu juga dibina satu kelompok *da‘āh* yang khusus” (Ali Hasjmy 1982: 21). Hal yang hampir sama juga dijelas oleh Ali Hasjmy dalam karyanya, *Di mana letaknya negara Islam*, di mana dia mengatakan bahawa “tiap-tiap individu umat Islam berkewajipan menjalani *da‘wah Islāmiyyah* menurut kadar kemampuannya. Manakala, untuk menjalani tugas tersebut dengan secara berencana diharus ada di kalangan umat satu jemaah khusus” (Ali Hasjmy 1970: 277).

Kecondongan pandangan Ali Hasjmy bahawa hukum dakwah adalah *fardu ‘ain* sekali gus *fardu kifāyah* adalah sama dengan pendapat Abu Zahrah yang disokong oleh Husni Muhammad Ghaitas. Abu Zahrah menganggap bahawa hukum berdakwah *fardu ‘ain* sekali gus *fardu kifāyah* sebagaimana penjelasannya bahawa kewajipan berdakwah harus dijalani oleh setiap individu dan kelompok khusus (jemaah atau organisasi) yang memahami kitab Allah. Begitu juga dengan pandangan Husni Muhammad, bahawa hukum *da‘wah Islāmiyyah* adalah *fardu ‘ain* ke atas setiap individu umat Islam menurut apa yang diketahuinya mengenai urusan agama dan sekali gus *fardu kifāyah* bagi jemaah yang mendalami urusan agama (Husni Muhammad Ibrāhīm Gaitas 1406/1985: 22).

Sistem Dakwah

Pandangan Ali Hasjmy mengenai sistem dakwah dapat dilihat dalam pelbagai penjelasannya mengenai unsur dakwah yang mencakupi; pendakwah (*da‘ī*), sasaran dakwah (*mad‘u*), pesan dakwah, matlamat dakwah, metode dakwah dan media dakwah. Meskipun semua unsur ini tidak dijelas dalam sebuah karya khusus, namun Ali Hasjmy mempunyai

pemikiran yang jelas mengenai kesemua unsur ini. Oleh itu, untuk memberi kejelasan pandangan Ali Hasjmy mengenai kesemua unsur ini, maka dihurai di sini satu persatu.

Pendakwah

Pendakwah (*dā'i*) dalam kajian ilmu dakwah bukan hanya dipandang sebagai salah satu unsur utama, tetapi juga mempunyai peranan strategik dalam pelaksanaan dan pencapaian matlamat dakwah. Pendakwah boleh diibaratkan sebagai pendidik (guru) dalam kajian ilmu pendidikan, kerana guru juga menyeru manusia ke arah kebenaran dan pengamalan ajaran Islam (Ghazali Darussalam 1996: 156-162). Oleh itu, para ilmuwan yang berjuang dalam bidang ilmu dakwah termasuk Ali Hasjmy, sama ada dia sebagai *dā'i*, pendidik ataupun pemimpin berupaya memberi sumbangan pemikiran mengenai pendakwah.

Sebagai jujukan daripada kecondongan Ali Hasjmy bahawa hukum dakwah adalah *fardu 'ain* sekali gus *fardu kifayah* ini, maka kewajipan berdakwah bukan hanya dilaku oleh individu dan jemaah, tetapi juga oleh pemimpin negara, malah seluruh pengurusan umat juga diwajibkan menjalankan dakwah sesuai dengan penjelasan berikut;

Dengan memerhati bahawa urusan itu (urusan dakwah atau menegakkan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*) memerlukan kekuatan dan organisasi militan (Teuku Iskandar, *Kamus aewan* 1994: 769) dalam pelaksanaannya, yang jika tidak dilaksana dengan baik akan timbul kekacauan dan kerosakan di atas muka bumi; yang jika dikerjakan dengan sempurna akan menghasilkan kemaslahatan (*faedah*) untuk umum, maka dengan memerhati hal-hal itu, jelaslah bahawa ia menjadi kewajipan negara. Dengan melihat bahawa urusan itu erat hubungannya dengan akhlak dan kekhususan nyata yang tidak tersembunyi akan kebenaran, kemanfaatan, kebaikan, kesilapan, kebatalan, kemelatan dan kejahatan di dalamnya; yang jika tidak dilaksanakan oleh individu-individu umat Islam akan mengakibatkan kekacauan; maka dengan memerhatikan itu semua, jelaslah bahawa urusan itu juga menjadi kewajiban tiap-tiap individu, di samping kewajiban jemaah dan Negara.

(Ali Hasjmy 1974: 264)

Pandangan Ali Hasjmy tersebut dari satu segi menunjuk bahawa dakwah bukan hanya ditaklif kepada setiap individu dan jemaah Muslimin, tetapi juga kepada kepala negara muslim (*uli al-amri*) sebagai penanggungjawab tertinggi bagi mencapai kemaslahatan (*faedah*) untuk umat Islam. Dalam hal ini, pandangan Ali Hasjmy sama dengan pendapat Ibn Taimiyah yang mengatakan bahawa “diwajibkan kepada ulil amri,

yakni ulama, umara dan tokoh-tokoh bagi setiap kumpulan untuk menyeru kepada yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar” (Yasir bin Husain Barhāmī t.th: 10). Dari segi lain, penjelasan Ali Hasjmy dalam kutipan di atas juga menunjuk bahawa sekurang-kurangnya orang yang bertanggungjawab sebagai pendakwah dapat dibagikan kepada tiga komponen yang saling berkaitan dalam pencapaian matlamat dakwah. Ketiga-tiga komponen yang dimaksud di sini akan dijelaskan sebagai berikut;

Setiap Individu Muslim adalah Pendakwah

Ali Hasjmy mengakui bahawa kaum Muslim wajib menjalani dakwah menurut kadar kemampuannya. Hal ini bermakna bahawa semua orang Islam boleh dinamai ‘pendakwah’ (*dā‘i*) menurut kadar kemampuannya. Pandangan umumnya memang begitu, namun pendakwah mempunyai tanggungjawab yang besar dalam menjalani dakwah sehingga pengakuan sebagai seorang Muslim sahaja dipandang belum cukup untuk mengambil peranan sebagai seorang *dā‘i* profesional. Peranan *dā‘i* bukan hanya berdakwah kepada dirinya sendiri, tetapi juga kepada manusia lain dengan berbagai-bagai bentuk latar belakang, situasi dan keadaan yang mencabar. Tambahan lagi, dengan kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi, selain membawa manfaat kepada manusia, juga semakin meluasnya timbul pelbagai krisis sebagai cabaran yang mesti dihadapi oleh pendakwah. Oleh itu, persoalan yang menjadi dasar dalam perbincangan Ali Hasjmy mengenai *dā‘i* adalah siapakah sebenarnya yang dinamai pendakwah? (Ali Hasjmy 1974: 159).

Berdasar hukum kewajipan berdakwah, maka secara ringkasnya jawapan terhadap persoalan tersebut ialah bahawa setiap individu Muslim mestilah menjadi dirinya sebagai pendakwah dan perlunya jemaah (organisasi) dakwah. Jawapan ini selaras dengan pentafsiran Ali Hasjmy terhadap ayat 102-105 dalam surah Ali ‘Imrān dan ayat 71 dalam surah al-Tawbah (Ibid: 71-72, 159-162; 1982: 21). Sungguhpun begitu, jawapan ringkas ini dipandang belum memadai, kerana realiti menunjukkan bahawa sebilangan orang mengaku dirinya Muslim, tetapi mengikut Muhammad ‘Abduh mereka sebenarnya tidak memahami Islam, kerana sikap dan perilaku mereka menyimpang daripada ajaran agama dan tidak mempunyai komitmen dalam *dakwah Islāmiyyah* (Muhammad ‘Abduh 2005: 1-5).

Realiti yang hampir serupa, juga disedari oleh Ali Hasjmy, bahawa ada orang (pendakwah) bersifat ‘fanatik buta’ yang ditimbul oleh iman

lemah dan ilmu yang dangkal sehingga dia bekerja tanpa asas dan tanggungjawab tanpa nilai (Ali Hasjmy 1974: 25). Begitu juga, betapa banyak organisasi atau pertubuhan yang bergerak dalam bidang dakwah, tetapi usahanya tidak berkesan apa-apa, dakwah yang disampaikan hilang lenyap bagai ditiup angin lalu, bagai air dicurah ke daun keladi, kejahatan dan kemungkaran semakin menular dan berkembang, kelompok bajingan dan manusia durjana semakin ramai (Ibid: 24). Oleh itu, Ali Hasjmy berpendapat bahawa **pendakwah** (sebagai individu, jemaah, ataupun negara), bahkan seluruh sistem *da'wah Islāmiyyah* dalam konteks apa pun, perlu dibina di atas asas ilmu pengetahuan, iman, amal salih dan *ukhuwah Islāmiyyah* (Ibid: 13, 17, 24-25, 132-134) (Ali Hasjmy 1978a: 55). Jika dakwah benar-benar dibina di atas asas-asas ini, maka apa pun profesion seseorang dan dalam konteks apa pun keberadaannya, bahkan pemberontak terhadap kezaliman dan pembangkang terhadap kedurjanaan, sepatutnya layak disebut sebagai pendakwah bagi *da'wah Islāmiyyah* (Ali Hasjmy 1974: 163).

Pendakwah bagi Ali Hasjmy bukan hanya setakat melepas kewajipan, tetapi juga profesional. Dalam konteks ini, Ali Hasjmy merumus beberapa pensyaratan dan sifat-sifat yang mesti ada pada pendakwah. Ali Hasjmy, mengikut pandangan Muhammad al-Ghazālī merumus dua pensyaratan utama bagi seorang pendakwah iaitu mempunyai ilmu pengetahuan (*usūl* dan *furū'*) yang mendalam tentang Islam dan pendakwah itu sendiri mestilah menjiwai kebenaran sebagai teladan hidup (Ibid: 166-167, 208). Kedua-dua pensyaratan utama ini saling berhubung kait dalam erti kata bahawa pendakwah bukan hanya dituntut memahami Islam secara mendalam sekali gus mengamalnya supaya menjadi tauladan hidup (*qudwah*) bagi *mad'u*, tetapi juga memahami proses internalisasi dan transformasi ajaran Islam yang melibatkan unsur *dā'i*, *mad'u*, pesan, tujuan, metode dan media bahkan *ruang* dan *waktu* sehingga mudah menjalani tugasnya.

Selain itu, Ali Hasjmy juga merumus sifat-sifat yang sepatutnya dimiliki oleh pendakwah. Dalam karyanya *Dustur dakwah*, dirumus beberapa sifat pendakwah, antaranya; mesti sentiasa berhubungan dengan Allah, mengislah diri, mempunyai harga diri, berjiwa besar (mengaku kesalahannya, pemaaf, tidak putus asa, tabah dan sanggup menahan marah), berbudi luhur (sopan-santun, berhati bangsawan, lemah lembut dan ikhlas) dan berani (bukan penakut dan pengecut) (Ibid: 171-206). Sifat-sifat pendakwah juga disebut dalam karyanya, *Surat surat dari Penjara*, antaranya; mestilah mencintai Allah dan Rasul-Nya lebih daripada segala-galanya, menyayangi orang-orang yang berdosa, seperti

halnya tabib menyayangi orang sakit, meyakini bahawa kemenangan akan datang daripada Allah, rindu akan mati syahid sehingga sakit tidak boleh menjadi alasan untuk tidak menerima panggilan jihad (Ali Hasjmy 1976b: 80-84).

Pendakwah dalam pandangan Ali Hasjmy juga dianggap sebagai pemimpin (Ali Hasjmy 1974: 136) sama ada pemimpin terhadap diri sendiri, keluarga, jemaah, masyarakat ataupun pemimpin negara. Oleh itu, dalam karyanya *Pemimpin dan akhlaknya* dirumuskan beberapa sifat pendakwah sebagai pemimpin berserta ciri-cirinya, iaitu; i. Tanggungjawab, antara cirinya adalah berilmu pengetahuan, menegak *al-haq* (kebenaran), membina *al-islāh* (perdamaian), memimpin, adil, menepati janji, suka bermesyuarat, memberi pendapat dan menerima pendapat orang lain serta bekerjasama; ii. Harga diri, antara cirinya adalah kesesuaian ucapan dengan perbuatan, menyerah tugas kepada ahlinya dan memulai sendiri apa yang hendak diperintah kepada orang lain; iii. Jiwa besar, antara cirinya adalah berani kerana benar, berani mengakui kesalahan, bercita-cita tinggi dan tidak putus asa; iv. Berhati tabah, antara cirinya adalah tahan uji dan jiwanya tenang; v. Budi mulia, antara cirinya adalah sopan-santun, bijaksana, jujur, benar, berhati mulia dan lemah lembut (Ali Hasjmy 1973: 1-48).

Jika disemak makna dakwah secara terminologi yang dirumuskan Ali Hasjmy, maka di sini dikehendaki bahawa pendakwah dalam konteks apa pun mesti orang yang sudah mengamalkan ajaran Islam. Sangat aneh seandainya pendakwah itu mengajak orang lain ke jalan *dakwah Islāmiyyah* sedangkan dia sendiri berada di luar garis dakwah. Pendakwah yang berada di luar garis dakwah diumpamakan, seperti 'pita rakaman' atau 'piring hitam' di mana pita atau piring itu sendiri tidak tahu apa-apa yang diperkatakan. Pendakwah seumpama ini akan dianggap boleh merosakkan kehidupan manusia (Ali Hasjmy 1974: 174). Oleh itu, dalam pandangan Ali Hasjmy, pendakwah bukan hanya dikehendaki memiliki beberapa persyaratan dan sifat mulia, tetapi mesti orang yang mengamalkan pesan dakwah itu sendiri. Ini yang dimaksudkan dalam ungkapannya bahawa "jurudakwah adalah dakwah" (ibid: 170-171).

Jemaah sebagai Pendakwah

Selain setiap individu Muslim dengan segala persyaratan dan sifat-sifat mulianya yang berkewajipan menjalani dakwah, menurut Ali Hasjmy, juga diperlukan jemaah khusus (organisasi) yang menjalani dakwah secara sistematik dan terprogram (Ali Hasjmy 1970: 277), (Muhammad 'Izzah

Durūzah 1966: 370-376). Dalam karyanya, *Pokok-pokok fikiran* dijelaskan bahawa pelaksanaan dakwah Islamiah selain daripada menjadi kewajipan setiap individu Muslim, maka diperlu juga suatu kelompok *du'āh* (para pendakwah) yang terdidik dan terlatih, sama ada kumpulan *du'āh* yang dididik dan dibentuk untuk menghadapi kelompok manusia kafir dengan segala jenisnya ataupun kumpulan *du'āh* yang dididik dan dilatih untuk menghadapi manusia Muslim dalam segala jenisnya (Ali Hasjmy 1982: 21). Jemaah khusus yang dimaksud di sini adalah perkumpulan yang bergerak di bidang dakwah. Perkumpulan ini boleh jadi dalam bentuk organisasi tertentu yang secara intensif dan berterusan menjalani dakwah secara sistematik dan boleh jadi juga perkumpulan yang dibentuk dengan segera ekoran terdapatnya perkara-perkara dalam urusan dakwah yang mesti dihadapi.

Ali Hasjmy mengakui bahawa banyak jemaah (pendakwah) yang sudah membentuk organisasi dakwah sama ada di Aceh mahupun di Indonesia pada umumnya. Namun, menurut pandangannya, hampir-hampir tidak ada organisasi dakwah yang tersusun rapi, militan dan disiplin dalam menjalani tugasnya untuk kepentingan dakwah. Padahal, organisasi yang kuat dan teratur sangat diperlukan, kerana tanpa organisasi yang sedemikian, dakwah Islamiah akan menjadi tidak berdaya. Oleh itu, penubuhan organisasi dakwah yang kukuh dianggap oleh Ali Hasjmy sebagai sesuatu yang sangat penting diwujudkan, meskipun hal ini sering menjadi keluhan orang dengan alasan kekurangan sumber kewangan. Keluhan sedemikian ini bagi Ali Hasjmy bukan satu cabaran serius. Ini disebabkan, kekayaan harta benda bukan syarat utama untuk menubuh suatu organisasi, tetapi yang dianggap syarat utamanya ialah kedisiplinan dan individu berjiwa militan¹ yang menjadi anggota dalam organisasi itu (Ali Hasjmy 1974: 25).

Organisasi yang berdisiplin dan berjiwa militan, mengikut pandangan Sayyid Qutub sebagaimana dikutip oleh Ali Hasjmy mestilah dibina di atas dua asas utama, iaitu keimanan (tauhid) dan *ukhuwah Islāmiyyah* (Sayyid Qutub 1408/1987: 2-28). Asas keimanan akan membezakan perkumpulan Islam dengan perkumpulan lain. Ali Hasjmy mengatakan bahawa tanpa asas keimanan, semua perkumpulan akan menjadi organisasi jahiliyah, semua jalan akan menjadi jalan jahiliyah dan semua pemimpin akan menjadi pemimpin jahiliyah. Begitu juga dengan asas *ukhuwah Islāmiyyah*, asas ini akan membentuk persaudaraan yang terpancar dari iman dan takwa, bukan persaudaraan dan persatuan jahiliyah (Ali Hasjmy 1974: 72).

Negara sebagai Pendakwah

Pembahasan Ali Hasjmy mengenai negara bermula daripada suatu pertanyaan yang timbul sendiri olehnya mengenai kewujudan negara, iaitu “perluakah adanya negara menurut hukum Islam? Pertanyaan ini dijawab sendiri oleh Ali Hasjmy bahawa kewujudan negara menurut hukum Islam adalah wajib. Untuk memperkukuh jawapannya, Ali Hasjmy berpijak pada tiga dalil iaitu (Ali Hasjmy 1970: 2); Pertama, *dalīl ‘aqlī* iaitu dalil akal (Ali Hasjmy 1980b: 8). Ali Hasjmy, dengan mengutip pandangan Ibnu Khaldun dan Majid Khadduri, berpendapat bahawa manusia adalah makhluk sosial, di mana dia hanya boleh hidup sebagai anggota masyarakat. Sebagai makhluk sosial, manusia memerlukan kepada manusia yang lain, sebab dia tidak mampu memenuhi keperluan hidupnya tanpa bantuan orang lain. Dengan mengambil pendapat al-Fārabi, Ali Hasjmy menegaskan lagi pandangannya bahawa manusia tidak diberi kuasa untuk mencapai semua keperluan hidupnya tanpa bantuan orang lain. Jika seseorang pernah mencapai kesempurnaan hidup pasti dia telah mengambil bahagian dalam masyarakat dengan sikap saling tolong-menolong (Ali Hasjmy 1970: 2-7). Oleh itu, manusia perlu mengumpul kekuatan bersama bagi memperoleh keperluan hidup bersama dan bermasyarakat. Hal ini, tentu memerlukan peranan negara sebagai suatu kekuatan untuk mengurus segala bentuk keperluan masyarakat.

Kedua, *dalīl shar‘ī* atau *dalīl naqlī* iaitu dalil yang dinukil daripada al-Qurān atau pun al-Sunnah mengenai keperluan menegak negara. Ketika mentafsir ayat 55 dalam surah al-Nūr, Ali Hasjmy menulis sebagai berikut:

Jika dalam ayat ini tertera janji Allah kepada mukmin yang berbakti akan diangkat menjadi pemimpin dunia (khalifah), agamanya (Islam) akan kekal abadi, kehidupan cemas akan digantikan dengan kehidupan damai bahagia; ini semua tidak akan dapat berlaku tanpa ada negara dan pemerintahan.

(Ibid: 8)

Ayat 159 dalam surah Ali ‘Imrān dan ayat 105 dalam surah al-Nisā’, juga boleh dijadikan sebagai *dalīl shar‘ī* mengenai keperluan menegak negara. Berkenaan dengan ayat-ayat ini, Ali Hasjmy mengatakan seperti berikut;

Jika ayat-ayat yang dituju kepada Muhammad ini, membawa berita ajakan Muhammad membiasa diri dengan berbagai-bagai urusan; peradilan, peperangan, pemerintahan, musyawarah dan sebagainya, maka semua itu baru dapat dilaksanakan dengan adanya negara dan pemerintahan.

(Ibid)

Ali Hasjmy juga menunjuk beberapa ayat lainnya sebagai dalil keperluan menegak negara. Antaranya ialah surah al-Baqarah: ayat 178 dan 90, surah al-Nisā': ayat 58 dan 59, surah al-Mā'idah: ayat 38, surah al-Tawbah: ayat 4 dan surah al-Anfāl: ayat 60. Berkenaan dengan ayat-ayat ini, Ali Hasjmy mengambil suatu kesimpulan umum seperti berikut:

Apabila ayat-ayat tersebut mengandungi ketentuan-ketentuan hukum yang berkenaan dengan qisas, kewajipan berjihad, ketaatan kepada Allah, Rasul dan ketua pemerintahan, memotong tangan pencuri, memperlengkapkan diri menghadapi musuh dan menurati janji dengan pihak lawan, maka semua urusan itu adalah urusan negara dan pemerintahan.

(Ibid: 9)

Beberapa ayat al-Qurān tersebut dipandang cukup sebagai *dalil shar'ī*, bahawa tegaknya negara bagi kaum Muslimin adalah wajib hukumnya. Bagi memperkukuh pendapatnya, Ali Hasjmy juga merujuk pada pandangan al-Mawardi dan Rashīd Ridā. Menurut al-Mawardi, kepimpinan negara bertujuan menjaga agama dan mengatur dunia dan mengangkat orang yang akan mentadbir negara adalah wajib hukumnya. Manakala Rashīd Ridā menganggap bahawa para ulama ahl al-sunnah dan golongan-golongan lain telah hersepakat bahawa pelantikan imam (pemberian mandat kepadanya untuk mentadbir umat) hukumnya wajib ke atas kaum Muslimin. Berdasar beberapa pandangan Ali Hasjmy membuat kesimpulan bahawa menurut syarak hukum tegaknya negara bagi kaum Muslimin juga wajib (Ibid: 12).

Ketiga, *dalil tārīkhī* iaitu paparan al-Qurān mengenai sejarah adanya 'negara' dan 'pemerintahan' pada zaman sebelum Islam, seperti yang terdapat dalam kisah Nabi Ibrahim dengan raja Namruz, kisah Nabi Yūsuf sebagai perdana menteri di Mesir, kisah Nabi Musa dengan Firaun dan kisah Nabi Sulaiman dengan Ratu Balqis. Kisah-kisah ini bukan sahaja menceritakan adanya negara sebelum Islam, bukan juga setakat kisah untuk dibaca sahaja, tetapi untuk menjadi sebagai pedoman oleh Nabi Muhammad dan kaum Muslimin dalam mendirikan 'negara' dan 'pemerintahan'. Selain itu, tegaknya kota Madinah yang dibangun oleh Rasulullah SAW sendiri adalah fakta yang kukuh mengenai menubuh negara.

Persoalannya kini adalah apakah negara sebagai institusi berkewajipan menjalani dakwah? Ali Hasjmy berpendapat bahawa negara sebagai institusi berkewajipan menjalani tugas dakwah Islamiah dalam erti yang luas. Dalam *Dustur dakwah*, Ali Hasjmy menulis, seperti berikut:

Amar ma'rūf dan *nahi munkar* mutlak ditugaskan kepada kaum Muslimin untuk melaksanakannya seperti ditegas oleh ayat-ayat al-Qur'an. Seperti halnya ia menjadi kewajiban bagi tiap-tiap individu Muslim, maka demikian pula dibeban kepada jemaah Muslimin, bahkan kepada negara, karena adanya nas yang pasti. Ayat 104 daripada surah Ali 'Imrān umpamanya mendalilkan pengawajiban atas jemaah, sementara ayat 41 daripada surah al-Haj mendalil kewajiban kepada negara.

(Ali Hasjmy 1974: 263)

Ali Hasjmy juga berpendapat bahawa sejarah dakwah Rasulullah SAW bermula dari pembentukan individu, keluarga, jemaah hinggalah kepada pembentukan masyarakat Muslim dalam satu kekuatan *dawlah Islāmiyyah* yang diisytihar pada 16 Rabiulawal 1 H (20 September 622 M) (Ibid: 266). Kenyataan ini menunjuk bahawa 'kekhilafatan' (negara) atau 'kepemimpinan dunia' bermula daripada usaha dakwah, bahkan negara akan menjadi lembab tanpa sokongan dakwah (Ibid: 133). Namun, apabila umat Islam sudah mampu membentuk suatu kekuatan yang dinamai *dawlah Islāmiyyah* bukan bermakna dakwah sudah selesai. Justeru, negara dengan segala unsurnya mestilah dijadikan sebagai kekuatan bagi menegak *amar ma'rūf* dan *nahi munkar*, melindungi, memperkukuh dan menyebarkan dakwah bukan hanya kepada masyarakat dalam negara itu, tetapi juga dalam konteks yang lebih luas lagi. Hal ini sudah dilaku oleh Rasulullah SAW sebagai ketua pemerintah kota Madinah, di mana selain baginda berdakwah bagi umatnya dan menyusun undang-undang (piagam Madinah) bagi kepentingan masyarakat di Madinah, baginda juga menyampaik dakwah Islamiah kepada bangsa lain di luar kota Madinah (Ibid: 318).

Pandangan Ali Hasjmy yang menempatkan *amar ma'rūf* dan *nahi munkar* sebagai sebahagian daripada tugas negara bukan hanya mirip dengan pandangan 'Ali bin Nāyif Shahūd yang dengan tegas mengatakan bahawa pihak kerajaan mesti menegak *amar ma'rūf* dan *nahi munkar* (dakwah) ('Ali bin Nāyif Shahūd 1428/2007: 7-8), tetapi juga sejalan dengan pandangan Shah Waly 'Ilāh al-Dahlawī, seperti yang dikutip oleh Abdul Ghafar Don (Zulkiple Abd. Gani & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus 1999: 37-38). Menurut al-Dahlawī, negara Islam mesti bertanggungjawab dalam hal menjamin kebajikan rakyat daripada beban atau tekanan riba, mencegah kejadian-kejadian rompakan dengan mewujudkan pasukan polis dan sebagainya. Tanggungjawab seperti ini boleh dipandang sebagai dakwah dalam hal *siyāsah al-madīnah* (pengaturan negara). Selain itu, negara juga bertanggungjawab bagi memasti agama Islam berada pada kedudukan tertinggi mengatasi agama-agama lain dan menghalang masyarakat Islam daripada menjadi murtad. Ini dapat dilaku melalui

beberapa mekanisme penting, antaranya institusi kehakiman, hudud dan jihad. Tanggungjawab seperti ini adalah antara contoh praktik dakwah dalam hal *siyāsah al-millah* (pengaturan agama).

Berdasarkan huraian tersebut, maka dapat dikata bahawa tegaknya *dawlah Islāmiyyah* menurut Ali Hasjmy mestilah disokong dengan kekuatan dakwah yang bermula daripada pembentukan individu Muslim, keluarga, jemaah dan masyarakat (umat) Islam hingga mampu membentuk suatu negara. Kemudian, negara dengan segala unsur pimpinannya mesti menjalani fungsi dan tugas *amar ma'ruf nahi munkar* bagi memperoleh kesejahteraan dan kebahagiaan warga negara dan umat manusia. Pandangan seperti ini dari satu sudut menunjuk bahawa Ali Hasjmy tidak memisah antara negara dan dakwah Islamiyah seperti dia tidak memisah antara negara dan agama atau antara politik dan agama (Ali Hasjmy 1970: 44). Manakala dari sudut lain juga menunjuk bahawa dalam menjalani dakwah maka diperlu kerjasama semua pihak sama ada individu, jemaah, masyarakat mahupun pemimpin negara sehingga dakwah benar-benar mencapai matlamat yang diharap bagi kesejahteraan umat manusia.

Sasaran Dakwah

Setiap *dā'i* mesti memahami sasaran dakwah (*mad'u*), iaitu manusia. Secara ontologi, menurut Ali Hasjmy, manusia terbahagi kepada dua unsur, yakni jasmani (*maddi*) dan rohani (*rūhī*). Hal ini sesuai dengan ungkapannya sendiri bahawa "manusia yang terdiri daripada rohani dan jasmani dicipta dalam keadaan yang amat sempurna; sempurna akal dan budi, sempurna bentuk tubuh badan dan sempurna kemampuan ciptaan" (Ibid: 51). Ungkapan ini mengandungi makna bahawa manusia sebagai *mad'u* sentiasa berhajat pada keperluan jasmani dan rohani. Dalam konteks dakwah Islamiah kedua-dua unsur ini perlu diberi perhatian bagi memperoleh kemajuan (kemajuan fizikal dan kemajuan jiwa) untuk membuat manusia sebagai *mad'u* menjadi *insān kāmil* (Ali Hasjmy 1974: 66; 1978a; 1980b: 7). Sungguhpun begitu, Ali Hasjmy juga berpendapat bahawa hakikat manusia ada pada unsur rohani (Ali Hasjmy 1980b: 4; 1984: 64). Hal ini seiring dengan pandangan Imam al-Ghazālī, bahawa hakikat manusia bukan unsur fizikal (jasmani), tetapi unsur jiwa (rohani) (Al-Ghazālī 1988:61), (Syabuddin Gade, Mekanisme et al. 2005: 345-348).

Ali Hasjmy mengakui bahawa dalam diri manusia terdapat unsur fitrah (Ali Hasjmy 1980b: 6-7). Istilah *fitrah* berasal daripada perkataan

fatara-yuftiru—'fitrah' yang dari segi bahasa bermakna 'kejadian', iaitu kejadian yang dibawa sejak manusia dilahirkan (Teuku Iskandar 1994: 353). Pendapat Ali Hasjmy selaras dengan pendapat Muhammad Rāwī yang mengatakan bahawa yang dimaksud dengan fitrah adalah fitrah asli yang sempurna yang daripadanya menjelma amal rohani (Ali Hasjmy 1980b: 7), (Muhammad Rāwī 1962: 56-57). Sebagaimana kebanyakan psikologi Muslim, Ali Hasjmy mengakui bahawa fitrah agama (*fitrah al-dīniyyah*) adalah *fitrah* yang paling tinggi diberi Allah kepada manusia sehingga dengan *fitrah* ini batin manusia mengakui dan sentiasa mencari Tuhan serta berhajat pada agama (Ali Hasjmy 1976b: 14-16, 1980b: 6), meskipun ada manusia yang tidak percaya (ateis) kepada Tuhan dan ajaran-Nya (Ali Hasjmy 1982: 14). Sungguhpun begitu, dalam kenyataannya, kualiti 'fitrah agama' manusia berbeza-beza bergantung pada faktor luaran yang mempengaruhinya sehingga manusia ada yang menjadi Muslim, kafir ataupun munafik.

Selain fitrah agama, Ali Hasjmy juga mengakui bahawa dalam diri manusia terdapat akal, kalbu, bakat, nafsu, emosi dan fitrah sosial. Setakat penyelidikan ini, Ali Hasjmy tidak memberi suatu penjelasan terperinci mengenai hakikat semua unsur-unsur psikologi ini. Mengenai akal khususnya, dia hanya mengakui dan membincang akal dari segi epistemologi dan aksiologi. Secara epistemologi, pancaindera, akal dan *qalb* (hati) adalah unsur-unsur pelengkapan manusia yang dengannya manusia berfikir, menerima, mengolah pesan-pesan luaran, menggarap bumi untuk diambil manfaatnya serta mengenal rahmat Allah dan bersyukur kepada-Nya (Ali Hasjmy 1970: 13-14). Pandangan ini, hampir sama dengan pandangan al-Rāzī yang mengatakan bahawa akal adalah alat untuk memahami manfaat yang terkandung dalam substansi manusia; alat untuk memahami semua hal yang ada alam maya dan alat untuk mencapai makrifat Allah (Abu Bakr Muhammad Zakariyā al-Rāzī 1987: 30-31). Secara aksiologi, menurut Ali Hasjmy, akal juga berfungsi sebagai timbangan bagi membeza mana yang baik dan mana yang buruk dalam kehidupan ini. Oleh itu, Islam menyuruh manusia memelihara akal dan melarang segala apa yang dapat merosak akal (Ali Hasjmy 1978a: 63). Jika hal ini mampu dilakukan, mengikut pandangan al-Rāzī, maka akal akan menjadi sangat jernih dan manusia akan bahagia kerana memperoleh anugerah dan nikmat Allah melalui akal (Al-Rāzī 1987: 31), (Muhammad Utsman Najati 1993: 47). Sungguhpun begitu, kemampuan akal mempunyai hadnya. Ini disebabkan, betapa tinggi pun kekuatan akal fikirannya, manusia tetap sahaja ada punca-punca kelemahannya sehingga manusia sentiasa memerlukan petunjuk daripada Allah dan Rasul-Nya.

Berkenaan dengan *qalb* (hati), sering diungkap ketika Ali Hasjmy membahas mengenai manusia dalam beberapa karyanya. Dalam karyanya *Di mana letaknya negara Islam*, Ali Hasjmy menulis bahawa “Allah yang telah mencipta manusia daripada tanah, membentuknya dalam keadaan yang amat sempurna, menjadi lelaki dan wanita, memperlengkapi mereka dengan mata, telinga, hati, otak dan fikiran, semoga mereka sedar dan mengenal rahmat Allah serta bersyukur atas kurnia Yang Maha Besar itu” (Ali Hasjmy 1970: 13-14). Ungkapan ini memberi maksud bahawa ‘hati’ disepadankan dengan ‘akal’ sebagai daya berfikir, pengolah maklumat dan alam maya dan sebagai alat untuk bersyukur kepada Allah. Selain itu, dalam karyanya *Sastera dan agama*, juga dijelaskan bahawa “Allah mencipta hati manusia dan mencurahkan ke dalam hati ini agama ini, agar hati itu menjadi baik, sihat, tenteram dan damai” (Ali Hasjmy 1980b: 5). Ungkapan ini memberi maksud bahawa ‘hati’ adalah tempat bersemayamnya fitrah agama. Manakala dalam *Risalah akhlak*, ‘hati’ juga dianggap sebagai tempat melaknatnya ilmu (Ali Hasjmy 1975: 13).

Pandangan Ali Hasjmy tersebut nampaknya dipengaruhi oleh pandangan Al-Ghazālī mengenai *qalb* iaitu; esensi manusia yang menalar dan mengetahui informasi atau pengetahuan, bahkan *qalb* juga tempat ilmu (*inna mahalla al-‘ilmi huwa al-qalb*) (Imām al-Ghazālī t.th: 3, 12). Al-Ghazālī juga mengatakan bahawa *qalb* adalah *latifah rabbaniyah* (sesuatu yang sangat halus yang bersifat ketuhanan). Ini bermakna bahawa *qalb* adalah potensi *rabbāniyah* dalam diri manusia yang dengannya manusia dapat menerima ilmu *mukāshafah* (ilmu yang diperolehi daripada Allah melalui latihan jiwa) dan ilmu *mu‘āmalah* (ilmu yang diperolehi melalui belajar) (Ibid: 12-13).

Ali Hasjmy juga mengakui bahawa dalam diri manusia ada ‘bakat’. Dalam *Kamus Dewan* ‘bakat’ mengandungi beberapa pengertian, namun ‘bakat’ yang dimaksud di sini ialah kebolehan semula jadi yang masih terpendam (Teuku Iskandar 1994: 92). Agar ‘bakat’ menjadi kebolehan yang nyata, maka tentu sahaja diperlukan pendidikan atau latihan. Tetapi, masalah ‘bakat’ tidak dibahas oleh Ali Hasjmy secara terperinci seperti yang dilakukan oleh kebanyakan ahli psikologi. Dalam karyanya *Dimana letaknya negara Islam*, Ali Hasjmy hanya menulis bahawa “Allah telah membahagi-bahagikan bakat dan kecekapan kepada individu-individu umat, sehingga tergolong mereka dalam kelompok yang masing-masing akan menguasai satu cabang atau lebih bidang ilmu dan keahlian yang khusus” (Ali Hasjmy 1970: 254). Ungkapan ini menunjuk bahawa ‘bakat’ manusia sebagai anugerah Allah yang berbeza-beza antara satu sama

lain. Perbezaan 'bakat' ini berimplikasi pada perbezaan taraf kemampuan dalam penguasaan ilmu dan keahlian tertentu dalam kalangan manusia.

Ali Hasjmy juga mengakui bahawa dalam diri manusia ada nafsu. Perkataan 'nafsu' yang berasal daripada bahasa Arab, mengikut *Kamus Dewan*, mengandungi beberapa maksud, iaitu keinginan yang kuat, kehendak hati yang kuat, kemahuan yang kuat, dorongan hati untuk melakukan sesuatu yang kurang baik, panas hati, kemarahan, kemahuan semula jadi, naluri dan melakukan sesuatu dengan sesuka hati (Teuku Iskandar 1994: 916). Pengertian nafsu hampir sama dengan 'motivasi', iaitu "keinginan yang kuat dalam diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan" (Ibid: 898).

Dalam pandangan Ali Hasjmy, 'nafsu' atau 'hawa nafsu' difahami sebagai keinginan yang kuat dalam diri manusia untuk melakukan hal-hal yang kurang atau tidak baik. Ini disebabkan, 'nafsu' khususnya *nafsu ammārah* condong untuk mendorong manusia melakukan kejahatan atau hal-hal yang melampaui batas (Ali Hasjmy 1978a: 22). Oleh itu, Ali Hasjmy menggambarkan bahawa 'hawa nafsu', terutamanya *nafsu ammārah* bagaikan penjara yang hakiki. Dalam karyanya *Surat-surat dari penjara* yang dituju kepada anaknya, Ali Hasjmy menulis bahawa "penjara yang sebenarnya, iaitu hawa nafsu manusia sendiri, sehingga orang yang mengenalnya lebih gemar memilih apa yang dinamai penjara daripada tunduk kepada hawa nafsu sebagai penjara yang hakiki" (Ali Hasjmy 1976b: 39).

Manusia yang tunduk kepada hawa nafsunya dalam pandangan Ali Hasjmy, adalah manusia yang terpesong jiwanya, bukan berjiwa merdeka (Ali Hasjmy 1970: 58). Oleh itu, jiwa manusia perlu dibebaskan daripada pesongan hawa nafsu. Untuk membebaskan jiwa manusia dari pesongan hawa nafsu, Ali Hasjmy memberi pedoman khusus. Antara resepi khusus yang dimaksud ialah manusia perlu melatih diri untuk tidak menggantung nasib kepada makhluk mana pun; tidak menghamba diri kepada manusia mana pun, dan yakin bahawa hanya Allah-lah yang sanggup membantu dan memakbul doa dan permohonan manusia (Ali Hasjmy 1976b: 41-42).

Hawa nafsu yang terdapat dalam diri orang-orang yang mendapat rahmat atau kasih sayang Allah, tidak akan mendorong manusia untuk melakukan kejahatan (Ali Hasjmy 1978a: 22). Antara orang yang mendapat rahmat Allah adalah orang-orang yang mahu memperguna akal secara benar di bawah payung ajaran Allah sehingga akal mampu memimpin nafsu ke arah yang diredai Allah. Nafsu yang dipimpin oleh

akal dan selari dengan ajaran Islam akan menjadi satu kekuatan yang mencerahkan kehidupan manusia. Sebaliknya, jika nafsu yang berkuasa di luar batas ajaran agama, di mana seluruh potensi manusia lain dijadi sebagai rakyat jelata, maka itu petanda awal kejatuhan manusia ke dalam lubang kehancuran, meskipun manusia itu mengisytiharkan dirinya sebagai Muslim (Mukmin).

Ali Hasjmy juga menjelaskan bahawa manusia mempunyai emosi. Dalam kajian psikologi, emosi adalah perasaan jiwa yang kuat (Teuku Iskandar 1994: 335), atau perasaan batin seseorang yang boleh memberi kesan kepada anggota dan alat-alat dalam badan manusia (Fariza Md. Sham, Siti Rugayah Hj. Tibek & Othman Hj. Talib 2006: 69), seperti perasaan cinta, benci, gembira, sedih, malu, berani, takut, cemburu, hasad, sombong, marah, dan sebagainya (Muhammad Utsman Najati 2004: 71). Dia memang tidak memberi definisi khusus mengenai maksud emosi, tetapi dalam pembahasannya mengenai manusia sering kali disebut-sebut "emosi" manusia antaranya rasa cinta-kasih (Ali Hasjmy 1976b: 21-26), berani (Ali Hasjmy 1973: 26-27), takut (Ali Hasjmy 1970: 54-55), gelisah (keluh-kesah) (Ali Hasjmy 1973: 34-35; 1978a: 22), gembira (suka cita) (Ali Hasjmy 1976b: 66, 90), dengki (iri hati) (Ali Hasjmy 1973: 46), sombong (angkuh) (Ali Hasjmy 1978a: 27) dan marah (Ali Hasjmy 1973: 36-37). Semua emosi ini menurut Ali Hasjmy, mesti dikawal oleh ajaran agama supaya tidak memberi impak buruk bagi kehidupan manusia.

Secara sosiologi, Ali Hasjmy sebagaimana al-Fārabī, Ibnu Khaldūn dan Majid Khadduri, berpendapat bahawa manusia menurut *fitrahnya* adalah makhluk sosial (Ali Hasjmy 1970: 6-7), (Majid Khadduri 1969: 3-5). Dia mengatakan bahawa *fitrah* manusia yang masih murni adalah *fitrah sosial*, iaitu "manusia ingin berhubung antara satu sama lain dalam ikatan persaudaraan tanpa ada dendam, tanpa ada permusuhan" (Ali Hasjmy 1976b: 53, 57). Pendapat ini, menurut Ali Hasjmy mempunyai dasar nas yang tegas dan jelas (Ibid: 54), antaranya seperti disebut dalam Al-Qurān surah al-Hujurāt: ayat 13 yang bermaksud;

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah mencipta kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu sama lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

Berkenaan dengan ayat tersebut, Ali Hasjmy memberi pandangan bahawa antara hikmah penciptaan manusia yang terdiri daripada kaum

lelaki dan perempuan dengan berbagai-bagai suku dan bangsa, dengan pelbagai bahasa dan warna kulit, adalah supaya mereka saling berkenalan, mengadakan perhubungan dan ikatan, saling membantu dan mencintai; bukan saling bermusuhan dan membenci (Ibid: 54). Pandangan seperti ini adalah sebahagian daripada keperluan sosial. Ini disebabkan, dengan *ta'aruf* (perkenalan) akan membuka peluang yang besar dalam menjalin hubungan sosial antara sesama manusia dalam segala aspeknya. Dalam konteks hari ini, hubungan *ta'aruf* ini tentu akan semakin mudah dilakukan oleh manusia kerana disokong oleh kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi yang semakin canggih dalam dunia globalisasi.

Manusia sebagai makhluk sosial juga dibukti sendiri oleh Ali Hasjmy melalui pengalaman yang diperoleh sepanjang terperap di dalam penjara di mana dia mengamati bahawa manusia yang berada dalam penjara merasai adanya keakraban dan hubungan sosial yang kuat antara sesama mereka. Pada hal sebelumnya, ketika di luar penjara, mereka belum pernah berkenalan sesama sendiri atau sebaliknya pernah bermusuhan. Berkenaan dengan hal ini, Ali Hasjmy menulis seperti berikut:

Kaedah ilmu sosiologi ini akan kita temui kebenarannya dalam penjara. Para penghuni penjara merasa dirinya sangat terikat antara satu sama lain, sekalipun waktu di luar mereka tidak pernah berkenalan atau bermusuhan. Tiap ada orang baru yang masuk dalam waktu yang cepat dia telah berhubungan dan berkenalan dengan para penghuni lama, sekalipun waktu di luar dunianya berbeza. Selain kami, orang-orang tawanan peristiwa Aceh yang semuanya ditempatkan dalam blok A, juga banyak orang-orang hukuman yang dihukum kerana melakukan berbagai-bagai kejahatan, besar dan kecil. Dalam waktu yang cepat, antara kami dan mereka terjalin hubungan yang akrab.

(Ibid: 53)

Sebagai makhluk sosial, manusia memerlukan kehidupan bermasyarakat (*ijtima'i*) (Ali Hasjmy 1980b: 8). Kehidupan bermasyarakat adalah keperluan fitrah manusia sama ada dalam konteks keluarga, masyarakat mahupun bernegara. Ini disebabkan, manusia tidak mampu memenuhi semua hajat kehidupannya tanpa bantuan orang lain sama ada bantuan daripada keluarga, masyarakat mahupun bantuan negara. Oleh itu, manusia yang kehidupan sosialnya terus terganggu akan mudah sekali menjadi emosional, dan jika hal ini berlangsung dalam jangka waktu yang lama, maka manusia itu mengalami pelbagai tekanan psikologi sehingga boleh menimbulkan pelbagai sikap dan perilaku di luar perhitungan manusia.

Selain itu, pendakwah mesti juga memahami manusia sebagai sasaran dakwah (*mad'u*) dari sudut teologinya. Ali Hasjmy membahagi manusia dengan berdasar latar belakang teologi kepada tiga kumpulan, iaitu

“manusia Muslim, Manusia kafir, Manusia munafik” (Ali Hasjmy 1976b: 60; 1982: 13). Manusia Muslim menurut Ali Hasjmy dibagi lagi kepada empat kategori, yaitu manusia Muslim yang berimbang dengan iman dan amal salihnya; manusia Muslim yang tidak berimbang antara iman dan amal salihnya; manusia Muslim yang taat dan bertakwa; manusia Muslim yang mengamal maksiat dan durhaka.

Manusia kafir dibagi kepada tiga kategori, yaitu manusia *kāfir kitābī samawī*, yaitu Nasrani (Katolik, Protestan dan sebagainya) dan Yahudi; manusia *kāfir kitābī bukan samawī*, yaitu Hindu, Buddha, Zoroaster dan lain-lain; manusia *kāfir ilhadi* yaitu ateisme, komunisme dan lain-lain yang benar-benar tidak percaya adanya Tuhan; *sekularisme* dan *sosialisme maddī* (sosialisme materialisme) yang dalam kenyataan dan perbuatan melawan Tuhan; aliran-aliran kepercayaan (kebatinan) yang memperkata bahwa makhluk wujud terlebih dulu daripada Allah dan sehangsanya. Adapun manusia munafik dibagi kepada dua kategori, yaitu *munafik paripurna* (munafik *tām*), yakni benar-benar munafik yang pada hakikatnya dia adalah *kāfir*; *munafik perbuatan*, yaitu orang yang perkataannya adalah perkataan orang beriman, tetapi perbuatannya adalah perbuatan kafir (Ali Hasjmy 1982: 14; 1976b: 43-45, 60-62).

Pembahagian manusia secara teologi sedemikian itu memberi implikasi terhadap pembahagian manusia secara sosiologi sebagai *mad'u*, khususnya dalam pandangan Ali Hasjmy, di mana masyarakat sebagai sasaran dakwah dibahagikan kepada empat kategori, yaitu; masyarakat manusia mukmin, masyarakat manusia bukan mukmin, masyarakat manusia munafik dan masyarakat manusia campuran (Ali Hasjmy 1982: 14).

Berdasar huraian di atas, pandangan Ali Hasjmy mengenai *mad'u* boleh dikatakan suatu pandangan yang bersepadu. Artinya, *mad'u* bukan hanya dilihat secara ontologi dan psikologi sahaja, tetapi juga secara teologi dan sosiologi. Bahkan, Ali Hasjmy juga berpandangan bahawa *mad'u* bukan hanya orang lain atau masyarakat di luar diri pendakwah, tetapi juga pendakwah itu sendiri perlu menjadikan diri sendiri sebagai *mad'u* (Asep Muhiddin 2002: 213), selain bertindak sebagai juru bicara agama (Ali Hasjmy 1974: 76-77).

Pesan Dakwah

Pesan dakwah (*maudū' al-dā'wah*) adalah kandungan ajaran, pesan atau bahan fikiran yang disampaikan *dā'i* kepada *mad'u*. Dalam hal ini, para ulama bersepakat bahawa yang menjadi pesan *dā'wah Islāmiyyah*

itu adalah keseluruhan ajaran Islam. Ini disebabkan, Islam adalah sebagai cara hidup yang telah mengatur kehidupan manusia dengan lengkap (Abdul Ghafar Hj. Don 1999: 27). Sungguhpun begitu, para ilmuwan Muslim mempunyai rumusan yang berbeza-beza mengenai pesan dakwah. Perbezaan rumusan boleh dipandang sebagai hal yang wajar sahaja, kerana Islam adalah agama universal, bukan hanya dari segi kemanfaatannya sebagai rahmat bagi seluruh umat manusia dan alam, tetapi juga dari segi isi ajarannya yang mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia (dunia dan akhirat). Hal ini tentu sahaja membuat para ulama dan cendekiawan muslim, termasuk Ali Hasjmy, mengkaji dan mengeksplorasi isi ajaran Islam sebagai pesan dakwah mengikut kadar kefahaman, keilmuan dan konteks perbincangannya.

Pesan dakwah dalam pandangan Ali Hasjmy tidak dirumus dalam satu karya khas, tetapi berselerak dalam pelbagai karyanya. Jika disemak penjelasannya dalam *Dustur dakwah* mengenai intisari surah *al-Fātiḥah*, di dalamnya terkandung dua aspek pesan dakwah, iaitu; akidah dan syariaḥ atau disebut juga sebagai iman dan amal salih (Ali Hasjmy 1974: 13). Jika disemak rumusannya mengenai definisi dakwah, di dalamnya terdapat pembahagian pesan dakwah, iaitu; meyakini (keimanan), mengamal akidah dan syariaḥ (Ibid: 28). Jika disemak makna *da'wah Islāmiyyah* yang disamakan dengan *suara nubuwwah* dan *sabīlil'lāh*, maka pesan dakwah adalah seluruh ajaran Allah dan Rasul-Nya yang mengatur kehidupan manusia dalam segala bidang; iman dan amal salih (politik, ekonomi, sosial, akhlak, ibadah dan sebagainya) (Ibid: 57-58). Jika disemak penjelasannya bahawa alam ini menggantung harapan untuk memahami sejumlah hakikat yang dibawa Islam, maka sejumlah hakikat itu sebagai pesan dakwah yang mencakupi aspek akidah, ibadah, akhlak dan *mu'āmalah* (Ibid: 42). Selain itu, jika disemak pentafsirannya mengenai ayat 106 dalam surah *al-Anbiyā'* bahawa "orang-orang yang benar-benar beribadah kepada Allah, al-Qurān telah cukup sebagai pedoman dalam hidupnya, kerana di dalamnya telah tercantum prinsip-prinsip daripada berbagai-bagai persoalan: akidah dan *mu'āmalah* (politik, ekonomi, sosial dan lain-lain), maka dalam ungkapan ini jelas terkandung dua aspek pesan dakwah, iaitu akidah dan *mu'āmalah* (Ibid: 44). Begitu juga ketika mentafsir ayat 177 dalam surah *al-Baqarah*, dia menjelas tentang iman dan amal salih yang tersimpul dalam perkataan *al-ḥir* (kebajikan) adalah intisari (pesan) *da'wah Islāmiyyah* (Ibid: 60-65).

Dalam karyanya *Dakwah Islamiyah*, Ali Hasjmy juga menghurai pelbagai pesan dakwah yang mencakupi; akidah ibadah dan ilmu pengetahuan; mencari, menjaga dan mengagihkan harta kekayaan sebagai

amal salih; memelihara kehormatan, kesihatan, akal, jasmani dan rohani; membina kekuatan negara; membangun persamaan, perundangan, undangan; membangun masyarakat; akhlak, asas hukum dan sumber syarak (Ali Hasjmy 1978a: 57-76). Begitu juga dalam karyanya *Apa tugas sasterawan sebagai khalifah Aliah*, Ali Hasjmy menghurai pesan dakwah yang mencakupi akidah dan syariah mengikut pendapat Mahmūd Shaltūt. Manakala mengikut ‘Abd al-Qādir ‘Audah, pesan dakwah mencakupi akidah dan organisasi (Ali Hasjmy 1984: 77).

Jika disemak pelbagai huraian tersebut, maka dapat dibuat satu kesimpulan umum bahawa pesan dakwah dalam pandangan Ali Hasjmy adalah bukan hanya akidah semata-mata, tetapi mencakupi syariah dan akhlak dalam pengertian yang luas. Ini disebabkan, keseluruhan isi ajaran Islam atau disebut juga Islam universal (*kāffah*) adalah pesan dakwah yang berfungsi sebagai petunjuk dan undang-undang bagi kehidupan manusia dalam segala aspeknya. Jadi, pesan *da‘wah Islāmiyyah* pada hakikatnya adalah pesan Allah dalam al-Qurān dan pesan Rasul dalam sunnahnya yang di dalamnya menjanjikan kesejahteraan manusia di dunia dan di akhirat kelak. Hal ini menunjukkan juga bahawa Ali Hasjmy memandang pesan dakwah sangat syumul sesuai dengan ciri-ciri ajaran Islam yang memangnya syumul. Kesyumulan pandangannya yang sedemikian tentu memberi implikasi luas dalam pelaksanaan dakwah di mana pencakupan, liputan kerja dan tanggungjawab dakwah sangat luas, bukan hanya berkenaan dengan masalah iman semata-mata, tetapi juga mencakupi segala aspek kehidupan yang membawa kemaslahatan kepada manusia di dunia dan di akhirat.

Matlamat Dakwah

Mengenai matlamat dakwah (*ahdāf al-da‘wah*) memang terdapat perbezaan tentang rumusan di kalangan para ilmuwan, termasuk Ali Hasjmy. Dakwah sebagai rangkaian kegiatan pastinya mempunyai matlamat yang hendak dicapai. Ini adalah kerana, tanpa matlamat yang jelas seluruh kegiatan dakwah akan menjadi sia-sia. Dalam konteks ini, Ali Hasjmy sebagaimana para ilmuwan Islam lainnya, memandang matlamat dakwah sebagai suatu unsur terpenting dalam kajian dakwah, bahkan ketika membincang sesuatu perkara sedapat-dapatnya dihubungkan dengan matlamat dakwah sehingga sedar atau tidak, Ali Hasjmy telah merumus beberapa matlamat dakwah dengan rumusan yang beragam dalam beberapa karyanya. Keragaman rumusan matlamat dakwah, bukan hanya terjadi antara seseorang ilmuwan dengan yang lainnya, tetapi boleh

jadi seorang ilmuwan mempunyai keragaman rumusan dalam satu atau beberapa karyanya sebagaimana yang terdapat dalam karya Ali Hasjmy dan Hamka.

Ali Hasjmy dengan tegas menyatakan bahawa banyak ayat al-Qurān yang memberi petunjuk kepada hala tuju manusia dan masyarakat manusia (Ali Hasjmy 1982: 16). Oleh itu, keragaman rumusan matlamat dakwah dalam pelbagai karya Ali Hasjmy adalah sesuatu yang tidak dapat dihindar. Pertanyaan yang sering diajukan adalah apakah perbezaan rumusan matlamat dakwah dalam beberapa karya Ali Hasjmy menimbulkan percanggahan antara satu sama lain?

Sebelum pertanyaan tersebut dijawab, perlu dikaji terlebih dahulu tentang pelbagai rumusan Ali Hasjmy mengenai matlamat dakwah dalam beberapa karyanya. Dalam *Dustur dakwah*, terdapat dua ungkapan yang boleh dianggap sebagai matlamat dakwah Ali Hasjmy, iaitu; *Pertama* disebut bahawa matlamat dakwah, iaitu “mengajak manusia berjalan di atas jalan Allah, mengambil ajaran Allah menjadi jalan hidupnya” (Ali Hasjmy 1974: 28). Matlamat ini dirumus dalam konteks pentafsirannya mengenai surah Yūsuf: ayat 108 sebagai pedoman dalam perumusan definisi dan matlamat dakwah. Pentafsiran ayat ini, dalam perspektif Ali Hasjmy berhubung kait dengan sikap dan pendirian Nabi Muhammad dalam berdakwah, iaitu menuju ke jalan Allah, bukan jalan musyrik yang kemudian dirumus sebagai tujuan dakwah. *Kedua*, selepas dirumuskan definisi dakwah, ditegaskan lagi dengan ungkapan “*tujuan dakwah Islamiyyah iaitu membentangkan jalan Allah di atas bumi agar dilalui umat manusia*” (Ibid: 28). Kedua-dua rumusan matlamat dakwah ini mengandungi makna yang sama, meskipun kedua-dua rumusan itu nampak berbeza tentang cara pengungkapannya.

Rumusan matlamat dakwah dalam *Dustur dakwah* berbeza lagi dengan apa yang dirumus dalam *Pokok-pokok fikiran*. Dalam karya ini diungkap bahawa matlamat *da‘wah Islāmiyyah* adalah “membawa manusia dan masyarakat ke arah *al-haq*, iaitu kepada kebenaran Allah; sedikit pun tidak boleh menyimpang daripadanya, kerana jika telah menyimpang daripada *al-haq* itu maka ia bukan lagi *da‘wah Islāmiyyah*”. Ungkapan ini memperlihatkan bahawa matlamat dakwah berupaya mengarah manusia kepada kebenaran Allah dengan sikap yang istiqamah dan tidak menyekutu-Nya. Hal ini selaras dengan maksud ayat 213 dalam surah al-Shu‘arā’, di mana dalam melakukan dakwah dilarang mempersekutu Allah dengan tuhan yang lain (Ali Hasjmy 1982: 15). Selanjutnya, dengan berpedoman ayat 153 dalam surah al-An‘ām, Ali Hasjmy merumus bahawa *da‘wah Islāmiyyah*, iaitu “membawa manusia dan

masyarakatnya ke jalan Allah yang lurus, bukan ke jalan yang lain” (Ibid: 16-17). Oleh itu, untuk memasti agar manusia sentiasa berjalan di atas jalan yang lurus (*al-sirāt al-mustaqīm*), Allah mewajib manusia agar berdoa sekurang-kurangnya 17 kali dalam tiap-tiap 24 jam, iaitu sewaktu membaca surah *al-Fātiḥah* dalam solat wajib.

Rumusan matlamat dakwah dalam *Pokok-pokok pikiran* adalah berhubung kait dengan konteks pebincangan Ali Hasjmy mengenai hakikat manusia dan tugas (misi) dakwah sebagai bahagian yang tidak terpisah daripada matlamat dakwah. Hal ini dapat dibukti daripada rumusan Ali Hasjmy mengenai misi dakwah, iaitu; a. Tugas *daʿwah Islāmiyyah* yang menjadi dasar, iaitu berusaha untuk menjadi manusia yang pandai memanfaatkan hati, mata dan telinga untuk memahami ayat-ayat Allah yang tersurat dan yang tersirat (Ibid: 22); b. *Daʿwah Islāmiyyah* memainkan peranan untuk mengarah individu manusia agar berjalan di atas jalan yang lurus (*sirāt al-mustaqīm*) dan manusia mesti diajak untuk membangun masyarakat yang adil makmur, dan aman damai yang disebut *darussalam* (Ibid: 17-19).

Rumusan matlamat dakwah tersebut juga berbeza dengan rumusan dalam beberapa karya Ali Hasjmy yang tidak membincang mengenai konsep dakwah. Dalam karyanya *Apa sebab rakyat Aceh sanggup berperang puluhan tahun melawan agresī Belanda*, Ali Hasjmy menulis beberapa matlamat *daʿwah Islāmiyyah* sebagai berikut:

Menegakkan kebenaran dan membasmi kejahatan, mengajak manusia berbuat kebajikan, menyuruh makruf dan melarang mungkar, menyampaikan berita pahala dan berita siksa, mengajak manusia membina masyarakat aman damai, menyatakan kerasulan Muhammad meliputi segala umat manusia, menyatakan bahawa agama kebenaran yang dibawa Muhammad untuk menggantikan segala agama sebelumnya.

(Ali Hasjmy 1977a: 66-67)

Matlamat dakwah tersebut dirumus dengan berpedomankan kepada beberapa ayat al-Qurān dalam konteks perbincangan dan analisis Ali Hasjmy tentang kandungan ‘hikayat prang sabi’ (Ibid: 47-55). Menurut Ali Hasjmy, ‘hikayat prang sabi’ mengandungi fungsi dakwah. Sebagai karya sastera, ‘hikayat prang sabi’ telah memenuhi syarat sebagai karya yang berhasil dalam mencapai sasarannya, kerana hikayat ini menjadi salah satu pendukung yang membangkit semangat jihad rakyat Aceh melawan imperialis Belanda (Antony Reid 1969: 204). Hal ini tentu sahaja selaras dengan tujuan *daʿwah Islāmiyyah*.

Dalam karyanya *Di mana letaknya negara Islam*, Ali Hasjmy juga merumuskan matlamat dakwah. Dia menulis bahawa “tujuan dakwah

Islamiah adalah membebaskan umat manusia dari perbudakan hawa nafsu dan ikatan kedurjanaan, membentuk penyatuan dan persaudaraan umat di bawah petunjuk al-Qur'an dan tauhid dengan jalan membangun asas penyatuan, kewajiban, dasar ajaran dan kaedah-kaedah yang berdasar pada jiwa keimanan, politik, sosial, moral, keperibadian dan kemanusiaan" (Ali Hasjmy 1970: 278). Di sini matlamat dakwah dirumuskan dalam konteks perbincangan *sultah murāqabah* dan *taqwīm* (kekuasaan terhadap pengawasan dan pembaikan) sebagai salah satu unsur kekuasaan dalam negara Islam (Ibid: 247-283). Kekuasaan terhadap pengawasan dan pembaikan negara agar negara berada dalam kekuasaan yang sewajarnya sekali gus menjadi kewajiban masyarakat, umat atau warga negara untuk menjalaninya menurut kemampuan yang ada. Oleh itu, setiap warga negara sebagai umat terbaik seharusnya berkewajiban mengawasi, memperbetul dan mengawal selia pemerintah dan pembantunya sebagai sebahagian daripada *da'wah Islāmiyyah*.

Rumusan matlamat dakwah dalam perspektif Ali Hasjmy memang nampak berbeza-beza dalam pelbagai karyanya. Keragaman rumusan sedemikian ini juga terdapat dalam karya Hamka, *Prinsip dan kebijaksanaan dakwah Islam*. Dalam karyanya ini, Hamka menulis dua rumusan yang boleh dipandang sebagai matlamat dakwah. Pada satu peringkat dia menulis bahawa maksud (matlamat) dakwah ialah menyedar manusia akan erti yang sebenarnya tentang hidup. Hamka menerangkan bahawa hidup ini bukan hanya untuk makan, tetapi menghayati segala amal perbuatan, ibadah dan muamalah di mana kesemuanya digarap dengan kesedaran sehingga matlamat dakwah akan membawa kepada hidup yang bererti. Rumusan ini berpedoman kepada surah al-An'āl: ayat 24 yang bermaksud; "Wahai orang-orang yang beriman, perkenan seruan daripada Allah dan seruan daripada Rasul, apabila Dia mendakwahi kamu kepada apa yang akan menghidupkan kamu..." Pada peringkat yang lain, Hamka menulis bahawa matlamat dakwah ialah "mengeluarkan dari gelap kepada terang-benderang" (Hamka 1981: 54-55). Rumusan ini berpedoman kepada surah Ibrahim: ayat 1 yang bermaksud; "Alif-Lām-Rā; (Inilah) Kitab yang Kami turunkan kepadamu (Muhammad) agar engkau mengeluarkan manusia dari kegelapan kepada cahaya terang-benderang dengan izin Tuhan, iaitu menuju ke jalan Tuhan yang Maha Perkasa lagi Maha Terpuji". Kedua-dua rumusan tersebut mempunyai matlamat yang sama, di mana dakwah berusaha membawa manusia kepada hidup yang penuh erti sehingga segala aspek kehidupan manusia berada dalam cahaya kebenaran berasas kepada ajaran Allah.

Meskipun heberapa rumusan matlamat dakwah Ali Hasjmy didapati berbeza-beza antara satu sama lainnya dari segi gaya rumusannya, namun tidak terdapat perbezaan substansi. Justeru, substansi matlamat dakwah Ali Hasjmy nampak bersepadu dan saling melengkapi antara satu rumusan dengan yang lainnya, di mana dakwah Islamiah adalah mengajak manusia (Muslim, kafir dan munafik) untuk meyakini dan mengamal ajaran Islam yang universal (*kāffah*) dalam segala aspek kehidupan dengan sebenar-benarnya, bukan hanya dalam konteks kehidupan peribadi individu, tetapi juga dalam keluarga, masyarakat, negara bahkan seluruh umat manusia sehingga tercapai kehidupan yang aman dan damai (Ali Hasjmy 1982: 17-18). Hanya rumusan matlamat dakwah Ali Hasjmy sahaja nampak lebih kelainannya berbanding rumusan Muhammad Husain, Wan Hussein, Husnain ataupun Hamka. Perbezaan rumusan menunjuk kefahaman dan kepakaran Ali Hasjmy dalam bidang dakwah sehingga dia mampu menyampaikannya dalam berbagai-bagai konteks perbincangan keilmuan. Hal ini tentu berhubung kait juga dengan latar belakang keilmuannya yang memahami –untuk tidak mengatakan menguasai– banyak disiplin ilmu.

Jika disemak pelbagai rumusan matlamat dakwah di atas, maka secara umumnya dapat dikata bahawa matlamat dakwah Ali Hasjmy meskipun berselerak dalam pelbagai karyanya, namun substansinya adalah sama, iaitu membina kesejahteraan dan kebahagiaan hidup *mad'u* (individu, jemaah, masyarakat, negara dan seluruh umat manusia) manakala perincian rumusan matlamatnya hanya sebagai arah penentu bagi pendakwah dalam menjalani dakwah sekali gus untuk memudahkannya dalam memberi suatu penilaian sejauhmana sudah tercapai matlamat daripada setiap kegiatan dakwah. Oleh itu, meskipun para tokoh dakwah merumus pelbagai bentuk matlamat dakwah dengan caranya masing-masing, namun kesemuanya bermuara pada kesejahteraan dan kebahagiaan *mad'u* sama ada ketika menjalani hidup di dunia mahupun di akhirat kelak. Ringkasnya, matlamat dakwah adalah sama dengan matlamat turunya agama Islam itu sendiri sebagai pedoman hidup bagi umat manusia dan rahmat bagi seluruh alam.

Beberapa rumusan matlamat dakwah Ali Hasjmy tersebut secara umumnya dapat dibahagikan kepada tiga bentuk matlamat, iaitu; 'matlamat praktik', 'matlamat realistik' dan 'matlamat idealistik'. Matlamat praktik dalam berdakwah adalah matlamat merealisasi peringkat permulaan untuk menyelamatkan umat manusia dari lembah kegelapan dan membawanya ke tempat yang terang-benderang, dari jalan yang sesat ke jalan yang lurus, dari lembah kemusyrikan dengan segala bentuk kesengsaraan menuju

kepada 'tauhid' yang menjanjikan kebahagiaan. Matlamat realistik adalah matlamat yang antaranya ialah terlaksananya ajaran Islam secara keseluruhan dengan cara yang benar berdasar keimanan sehingga mewujudkan masyarakat yang menjunjung tinggi kehidupan beragama dengan mengamal ajaran Islam secara *kāffah*. Adapun matlamat idealistik adalah matlamat akhir pelaksanaan dakwah, yakni wujudnya masyarakat Muslim yang adil, makmur, damai dan sejahtera di bawah limpahan rahmat, kurniaan, keampunan dan keredaan Allah sama ada di dunia mahupun di akhirat kelak.

Selain itu, berdasarkan rumusan Ali Hasjmy, matlamat dakwah boleh juga diklasifikasi dengan melihat aspek sasaran (*mad'u*) dan pesan dakwah. Dilihat dari segi sasarannya, matlamat dakwah adalah antaranya matlamat perorangan, yakni terbentuknya individu Muslim yang memiliki iman yang teguh dan menjalani hukum-hukum Allah serta berakhlak mulia; matlamat keluarga, yakni terbentuknya keluarga *sakinah, mawaddah wa rahmah* (bahagia dan cinta kasih); matlamat untuk masyarakat, yakni terbentuknya masyarakat sejahtera selaras dengan ajaran yang digaris Allah dan; matlamat untuk seluruh umat manusia, yakni terbentuknya *dawlah Islāmiyyah* (negara Islam) dan masyarakat dunia yang penuh dengan kedamaian, ketenangan, ketenteraman dan kebahagiaan berasaskan ajaran Islam. Adapun matlamat dakwah dilihat dari segi pesan dakwah, antaranya ialah matlamat di bidang akidah, yakni tertanamnya akidah tauhid yang mantap di dalam hati setiap manusia, sehingga keyakinannya terhadap ajaran-ajaran Islam adalah mantap dan tidak diikuti dengan sebarang keraguan; matlamat bidang *sharī'ah* atau *mu'āmalah* yakni kepatuhan dan pengamalan setiap manusia terhadap segala aspek ajaran Islam yang bersangkutan dengan *sharī'ah* dan *mu'āmalah*, yang telah ditetapkan Allah dalam segala konteks kehidupan; matlamat bidang akhlak, yakni terbentuknya individu Muslim yang berbudi luhur dan dihiasi dengan sifat-sifat terpuji serta bersih daripada sifat-sifat yang tercela, dalam konteks apa pun dia berada.

Metode Dakwah

Metode dakwah (*manhaj al-da'wah*) sangat penting peranannya dalam penyampaian pesan dakwah, kerana sesuatu pesan itu meskipun baik, tetapi jika disampaikan dengan metode yang tidak benar, maka pesan dakwah tersebut mungkin ditolak oleh *mad'u*. Oleh itu, perbincangan mengenai metode dakwah adalah sesuatu yang tidak boleh tidak dalam kajian dakwah. Dari segi bahasa 'metode' berasal daripada dua perkataan; *meta*

(melalui) dan *hodos* (jalan, cara) (M. Arifin 1991: 61), yang dalam bahasa Yunani disebut *methodos* atau dalam bahasa Arab disebut *manhaj* atau *tariq* (Hasanuddin 1996: 35). Dalam *Kamus Dewan*, 'metode' bermakna "cara melakukan sesuatu" (Teuku Iskandar 1994: 887). M. Syafa'at Habib menjelaskan bahawa metode bermakna "suatu cara yang boleh ditempuh atau cara yang ditentu dengan jelas untuk mencapai dan menyelesaikan suatu tujuan, rencana sistem, tafafikir manusia" (M. Syafa'at Habib 1982: 160). Mengikut Ahmad Tafsir, 'metode' dapat dierti sebagai cara yang paling cepat dan tepat dalam melakukan sesuatu (Ahmad Tafsir 1996: 3). Berdasarkan definisi ini, maka metode dakwah bermakna cara penyampaian pesan dakwah atau cara yang paling cepat dan tepat dalam penyampaian dakwah Islamiah kepada *mad'u*.

Pembahasan mengenai metode dalam berbagai-bagai maklumat dakwah pada umumnya disandar pada kajian terhadap ayat 125 dalam surah al-Nahl yang bermaksud; "serulah manusia ke jalan Tuhanmu, dengan cara hikmah, pelajaran yang baik dan berdiskusilah dengan mereka dengan cara yang lebih baik pula. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk" (Ali Hasjmy 1974: 66; 1982: 19). Ali Hasjmy juga berpedoman kepada ayat ini dalam pembahasan mengenai metode dakwah iaitu metode *hikmah*, *maw'izah hasanah* dan *mujadalah*. Untuk memperjelas pandangan Ali Hasjmy mengenai ketiga-tiga metode ini, maka dihurai sebagai berikut:

Metode Hikmah

Para ahli agama memberi pengertian yang mempunyai kelainannya mengenai makna *bi al-hikmah*, antaranya; "dengan al-Qur'an" (Al-Jalalayn Muhammad bin Muhammad bin Ibrahim al Mahalli dan Jalal al-Din al-Suyuti 1987: 226); "wahyu Allah yang telah diturun kepadamu" (Ahmad Mustafā A-Marāghī 1946: 161); "ucapan-ucapan yang benar dan munasabah yang mengandungi hujah yang kukuh, bernas dan meyakinkan" (Muhammad bin 'Ali Al-Shawkāni 1973: 2); "perkataan yang jelas dengan dalil yang terang, yang dapat mengantar pada kebenaran dan menyingkap keraguan" (Wahbah al-Zuhayli 1991: 267); *wad'u al-shai'i fi maudi'ihi* (menempat sesuatu perkara pada tempatnya) (Muhammad Husain Fadlullāh 1982: 47). Mengikut rangkuman Asep Muhidin, *hikmah* mengandungi beberapa makna, iaitu *'adl* (keadilan), *hilm* (kesabaran dan ketabahan), *nubuwwah* (kenabian), *'ilm* (ilmu

pengetahuan), al-Qurān, kebijakan, pemikiran atau pendapat yang baik, *haq* (kebenaran), meletak sesuatu pada tempatnya, kebenaran sesuatu, dan mengetahui sesuatu yang paling utama dengan ilmu yang paling utama (Asep Mahiddin 2002: 163).

Tanpa menafi pelbagai makna *hikmah* tersebut, Ali Hasjmy lebih condong menjelaskan makna *hikmah* dalam dua pengertian; Pertama, menurut Ali Hasjmy, dari segi bahasa *hikmah* adalah 'kebijaksanaan' (Ali Hasjmy 1982: 20), atau 'bijaksana' (Ali Hasjmy 1973: 41). Pendapat ini sama dengan pendapat Hamka, bahawa erti *hikmah* yang diguna dalam bahasa Indonesia ialah bijaksana (Hamka 1981: 63). 'Bijaksana' atau 'kebijaksanaan' mempunyai akar kata yang sama iaitu; 'bijak' (pandai, cerdik, pintar), yang berkaitan dengan peribadi orang dan perihalnya yang berakal budi, arif, pandai, cerdik dan berhati-hati, penuh perasaan tanggungjawab dan keberanian (Teuku Iskandar 1994: 156). Jika 'bijaksana' atau 'kebijaksanaan' dilabel kepada pendakwah, bermakna pelaku dakwah mesti berakal budi, arif, pandai, cerdik, penuh perasaan tanggungjawab dan mempunyai keberanian dalam menyampaikan dakwah.

Pemaknaan *hikmah* dengan 'bijaksana' atau 'kebijaksanaan' boleh dipandang sebagai sepadan, meskipun *hikmah* dalam bahasa Arab mengandungi erti yang lebih luas berbanding erti 'bijaksana' atau 'kebijaksanaan' dalam bahasa Indonesia (Melayu). Ini disbabkan, 'kebijaksanaan' (pandai, cerdik, pintar, berakal budi, arif, bertanggungjawab dan mempunyai keberanian) adalah salah satu modal asas bagi pendakwah dalam menjalani misi dakwahnya. Bahkan dengan adanya sikap bijaksana, pendakwah akan lebih arif, bertanggungjawab, berani dan mampu menempatkan sesuatu pada tempatnya, bersikap adil dan lemah lembut. Namun kesemua ini, mestilah disokong dengan ilmu pengetahuan, ilmu yang sahih sesuai dengan salah satu di antara makna yang terkandung dalam *hikmah* itu sendiri.

Kedua, Ali Hasjmy, sebagaimana Mohammad Natsir, mengakui pendapat ulama yang mengatakan bahawa makna *Hikmah* adalah 'ilmu pengetahuan' (Ali Hasjmy 1982: 20). Pendapat ini nampaknya dipengaruhi oleh pandangan Muhammad 'Abduh yang mengatakan bahawa *Hikmah* adalah "ilmu yang sahih yang menggerakkan kemahuan untuk melakukan sesuatu perbuatan yang bermanfaat" (Mohammad Natsir 1420/2000: 164). Bagi Ali Hasjmy, 'ilmu pengetahuan' adalah asas bagi pelaksanaan dakwah (Ali Hasjmy 1982: 20). Ini adalah kerana tidak mungkin seseorang itu mampu menyampaikan dakwah tanpa ilmu pengetahuan, bahkan setiap *mad'u* mesti mempunyai ilmu pengetahuan.

Selanjutnya, mengikut pendapat Sayyid Qutub, Ali Hasjmy menjelaskan beberapa kaedah operasional metode dakwah dengan *hikmah* sebagai berikut:

Berdakwah haruslah dengan *hikmah*, dengan memerhatikan keadaan orang-orang yang didakwahi (*mad'u*) dan lingkungannya, dengan menggariskan tahap pelajaran yang akan disampaikan kepada mereka, supaya tidak memberatkan mereka dengan tugas-tugas yang banyak sebelum mereka benar-benar bersedia dari segi mental untuk menerima, juga dengan melihat pada sistem dakwah yang digunakan serta menyesuainya dengan keperluan agar tidak keterlaluan dalam menyemarakkan semangat, pembelaan dan keghairahan yang melampaui *hikmah*.

(Ali Hasjmy 1974: 67)

Berdasar penjelasan tersebut, pendakwah yang ingin berdakwah dengan *hikmah* mesti melihat pada beberapa kaedah secara bersepadu: Pertama, pendakwah mesti mengkaji dan meneliti persekitaran sosial dan taraf kemasyarakatan orang atau masyarakat yang menjadi sasaran dakwah (*mad'u*). Ini disebabkan *mad'u* bukan makhluk yang tidak bernyawa, tetapi makhluk hidup yang memiliki pelbagai potensi dan sentiasa mengalami perubahan, sesuai dengan perkembangan kehidupan di sekelilingnya. Tanpa memahami keadaan *mad'u* dan kehidupan persekitarannya, maka hal ini bukan hanya akan menyusahkan pendakwah itu sendiri, tetapi juga berakhir dengan 'kegagalan' dalam usaha berdakwah. Kedua, kadar dan material dakwah yang akan disampaikan kepada sasaran dakwah agar bersesuaian dengan tahap kefahaman dan intelektual pihak *mad'u*. Ketiga, penyampaian dakwah perlu diguna pakai kepelbagaian kaedah agar ia sesuai dengan keperluan dan dapat membangkitkan semangat pihak *mad'u* sehingga pesan dakwah dapat diterima dengan hati dan fikiran yang terbuka (Sayyid Qutub 1408/1987: 122).

Keragaman makna *hikmah* tersebut sama ada dalam pandangan Ali Hasjmy ataupun beberapa tokoh yang lain, sebetulnya merupakan sifat asas daripada bahasa Arab di mana satu lafaz mungkin mengandungi banyak erti mengikut konteks penggunaannya. Hal ini bukan bermakna bahawa dalam *hikmah* terkandung percanggahan makna asas sehingga terpisah ertinya antara satu sama lain, tetapi saling berkaitan, bahkan keragaman erti *hikmah* menunjuk betapa luasnya penggunaan metode *hikmah* yang pada tahap aplikasi akan memberi ruang gerak bagi pendakwah untuk menyesuaikan kaedah dan taktik penyampaian dakwahnya sesuai dengan keadaan *mad'u*.

Metode *Maw'izah Hasanah*

Perkataan *maw'izah* berasal daripada *wa'zu*, iaitu 'nasihat'. Al-Qur'an mengemuka konsep *maw'izah* dalam konteks pendidikan dan pembangunan manusia (Al-Qur'an, Al-Nahl: 125; Hūd: 32-34; Luqmān: 12-19) sebagai sebahagian daripada pelaksanaan dakwah. Para mufasir, termasuk Ali Hasjmy, memang memiliki pandangan dan rumusan masing-masing mengenai makna *maw'izah hasanah*. Pandangan Ali Hasjmy yang khusus mengenai makna '*maw'izah hasanah*' terdapat dalam karyanya, *Pokok-pokok fikiran dan Dustur dakwah*. Dalam karyanya *Pokok-pokok fikiran* dijelaskan bahawa *maw'izah hasanah* bermakna "pelajaran yang indah, yang disenangi (suka) orang ketika mendengarnya, yang memasuki ke dalam sel-sel otak dan relung-relung hati" (Ali Hasjmy 1982: 19). Berdasarkan pengertian ini, maka dakwah dengan *maw'izah hasanah* mesti dilakukan dengan memerhati beberapa hal, iaitu; i. Pesan dakwah mesti disampaikan dalam bentuk yang indah sehingga menarik minat *mad'u*. Keindahan di sini bukan hanya dari segi bentuk luarannya sahaja, misalnya gaya bahasa, intonasi dan susunannya, tetapi juga keindahan dalaman dalam erti kandungan maknanya. ii. Pesan dakwah perlu disusun sedemikian rupa sehingga mampu membangkit perasaan suka dan gembira pihak *mad'u*. Perasaan suka dan gembira ini dijangka akan memudahkan *da'i* untuk melakukan perubahan terhadap *mad'u* agar menjadi lebih baik daripada keadaan sebelumnya; iii. Pesan dakwah mesti disampaikan secara rasional dan meyakini fikiran *mad'u*. sekurang-kurangnya pesan yang disampaikan bukan perbualan dan tidak merosak akal dan jiwanya.

Kedua, pandangan Ali Hasjmy mengenai *maw'izah hasanah* juga dipaparkan dalam karyanya *Dustur dakwah*. Dalam karyanya ini disebut seperti berikut;

Berdakwah haruslah dengan *maw'izah hasanah*, pelajaran yang indah, yang akan masuk ke dalam hati dengan licin; menyelami perasaan dengan lembut, bukan dengan bentakan dan herdikan yang tidak perlu dan bukan pula dengan menghanjurkan kesalahan yang kadang-kadang biasa terjadi kerana jahil atau niat baik. Sesungguhnya lemah lembut dalam memberi pelajaran sering kali dapat membuka hati kesat dan dapat melenbutkan hati batu dan mendatangkan hasil lebih baik daripada cengan gertak, ancaman dan penghinaan.

(Ali Hasjmy 1974: 67-68)

Pandangan Ali Hasjmy dalam *Dustur dakwah* tersebut menunjuk bahawa pelaksanaan dakwah dengan *maw'izah hasanah* perlu diperhati tentang beberapa perkara penting sama ada berkenaan dengan pesan dakwah mahupun dengan pihak *da'i*, iaitu; Pertama, pesan dakwah mesti

disusun secara indah sehingga boleh menggugah jiwa *mad'u* untuk menerima pesan dakwahnya. Kedua, pesan dakwah mesti disampaikan secara lemah lembut; Ketiga, pendakwah mesti menghindari sikap kasar dan kata-kata sindiran yang boleh menjatuh maruah, harga diri dan kehormatan pihak *mad'u*, misalnya tidak mengherdik dan tidak mencerca kesalahan yang pernah dilaku *mad'u*. Keempat, pendakwah perlu menyedari bahawa berdakwah dengan lemah lembut akan lebih berkesan berbanding dengan bersikap kasar dan mengeluarkan kata-kata yang kesat.

Jika diperhatikan pandangan Ali Hasjmy mengenai metode *maw'izah hasanah* tersebut sama ada yang dihurai dalam karyanya, *Pokok-pokok fikiran* mahupun dalam *Dustur dakwah* nampaknya terdapat kesamaan dan saling melengkapi. Bahkan, pandangan Ali Hasjmy mengenai metode *maw'izah hasanah* secara umum boleh dipandang sama dengan pelbagai pandangan yang pernah dirangkum oleh Asep Muhidin mengenai makna dan peraturan pelaksanaan metode *maw'izah hasanah*, sebagaimana yang dihurai dalam bab dua. Sungguhpun begitu, dalam konteks perkembangan zaman moden ini, pelaksanaan metode *maw'izah hasanah* bukan hanya setakat memilih pesan dakwah yang indah dan memilih gaya bahasa ataupun teknik penyampaian yang dapat menggugah jiwa pihak *mad'u*, tetapi juga perlu diperluas kefahamannya. Ini disebabkan *maw'izah hasanah* bukan hanya dilaku secara lisan (*da'wah bi al-lisān*) seperti berceramah atau berkhotbah, tetapi juga boleh dilaku dengan tulisan (*da'wah bi al-kitābah*) dan dengan pelbagai kegiatan dakwah lain yang di dalamnya mengandungi pelajaran (pendidikan) yang baik. Tambahan lagi, dalam kehidupan masyarakat hari ini ada kalanya *mad'u* lebih bersedia menerima *maw'izah hasanah*, bahkan berupaya mencari dan mendapat *maw'izah hasanah* melalui pelbagai kegiatan dakwah yang di dalamnya dapat diperoleh ilmu pengetahuan dan rasa kesedaran mereka terhadap kehidupan beragama dan bermasyarakat.

Metode *Mujādalah*

Metode dakwah yang ketiga dalam surah al-Nahl: ayat 125 adalah *mujādalah*. Perkataan *mujādalah* lazimnya diterjemah ke dalam bahasa Melayu dengan 'perbantahan' atau 'perdebatan'. Perkataan debat itu sendiri berasal daripada bahasa Inggeris *debate* yang mempunyai pengertian *to talk about reasons for and against (something)*, *consider-discuss* atau *to argue about (a question or topic) in a public meeting* (Clarence I. Barhart & Robert K. Barnhart 1978: 534). Pengertian mana pun yang diguna pakai, *mujādalah* sentiasa mengandungi

erti kemampuan bagi kedua-dua pihak (*da'ī* dan *mad'u*) untuk saling mengemukakan alasan rasional tentang suatu masalah menurut pengetahuan dan pandangan mereka masing-masing.

Dalam perspektif Ali Hasjmy, *mujadalah* sebagai metode dakwah bukan perdebatan untuk “menegak benang basah”, tetapi perdebatan di sini mempunyai peraturan pelaksanaannya. Dalam *Pokok-pokok pikiran*, dijelaskan bahwa “perdebatan mestilah dilaku dengan akal yang sehat; hati mungkin menjadi panas, tetapi otak harus menjadi dingin” (Ali Hasjmy 1982: 20). Kemudian, dengan berpandu pada ayat 108 dalam surah Yūsuf, Ali Hasjmy berpendapat bahwa berdakwah dengan metode *mujadalah* mesti diaplikasi dengan alasan, dalil yang kukuh dan logik, yang di dalam al-Qurān disebut dengan istilah *da'wah 'alā hasīrah* (Ibid). Istilah ini bukan hanya bermaksud mengaju hujah yang kukuh dan logik sebagaimana pandangan Ali Hasjmy atau mendakwah ajaran Islam yang mencakupi aspek iman, Islam dan ihsan sebagaimana dalam pandangan Ibn Taimiyah (Taqī al-Dīn Ibn 'Abd al-Halīm Ibn Taimiyah juz 5: 157-158), tetapi juga bermakna bahwa pendakwah mesti menyampaikan Islam kepada manusia sepanjang zaman dan di mana-mana sahaja dengan *uslub* dan media yang selari dengan keadaan *mad'u* ('Abd al-Na'īm Muhammad Husnain 1405/1984: 23).

Pada tahap aplikasi, metode *mujadalah*, selain dilaku dengan alasan, dalil yang kukuh dan logik, Ali Hasjmy juga berpendapat bahwa pendakwah mesti mengaplikasi metode *mujadalah* dengan cara terbaik. Apa yang dimaksud dengan cara terbaik? Dalam karyanya, *Dustur Dakwah*, Ali Hasjmy menjelaskan sebagai berikut:

Berdakwah haruslah melakukan perdebatan dengan cara yang terbaik, dengan tidak menekankan orang yang mempunyai pendapat yang berbeza, dan tidak merendharkannya; pendakwah haruslah mengerti bahawa tujuannya bukanlah untuk meraih kemenangan dalam perdebatan, tetapi dapat memuaskan hati pihak lawan dan membawanya ke jalan kebenaran. Pada kelazimannya manusia berjiwa sombong dan berwatak keras kepala; dia tidak mahu mengalah daripada pendapat yang dipertahankannya, kecuali dengan secara lemah lembut sehingga dia tidak berasa yang dia kalah. Jika manusia berasa bahawa pendapatnya bernilai, maka dianggap mengalah daripada pendapatnya itu merupakan satu kejatuhan terhadap kehebatan, kehormatan dan kedudukannya. Berdebat dengan cara yang baik, iaitu menghindari sikap bongkak dan sombong sehingga orang yang diajak berdebat merasa bahawa zatnya terpelihara, nilainya mulia dan penda'i (jurudakwah) membuka zat hakikat dan menunjukinya ke jalan Allah, bukan ke jalan yang memihak kepada dirinya sendiri, bukan untuk kemenangan pendapatnya dan kekalahan pendapat pihak lawan.

(Ali Hasjmy 1974: 68)

Berdasar kutipan tersebut, aplikasi metode mujadalah dengan cara terbaik sekurang-kurangnya pihak *dā'i* perlu melaksananya dengan berlandas peraturan asas secara bersepadu yakni; *dā'i* tidak menekan dan merendah maruah *mad'u* lantaran perbezaan pendapat; *dā'i* mesti bersikap lemah lembut terhadap *mad'u* dan *dā'i* perlu memahami bahawa tujuan perdebatan bukan untuk memenang diri sendiri atau mengalahkan *mad'u*, tetapi untuk memuaskan hati *mad'u* dan mengajaknya kepada kebenaran (jalan Allah). Ketiga-tiga peraturan *mujadalah* ini sama dengan pandangan al-Zamakhsharī dan al-Baidawī (Abu al-Qāsim Mahmūd bin 'Umar Al-Zamakhsharī 1392/1972: Juz 1: 435).

Jika disemak peraturan-peraturan mujadalah tersebut, maka aplikasi metode *mujadalah* dalam pandangan Ali Hasjmy, bukan dalam menghadapi *mad'u* daripada golongan yang tidak berilmu, kerana orang-orang yang tidak berilmu jelas tidak layak diajak bermujadalah. Aktiviti bermujadalah hanya layak dilaku apabila *dā'i* berhadapan dengan *mad'u* daripada golongan cerdik pandai, terpelajar dan memiliki skop yang luas, kerana dalam kehidupan sehari-hari mereka telah terbiasa dengan bertikir secara kritis dan logik. Oleh itu, aplikasi metode *mujadalah* lebih condong diguna dalam menghadapi *mad'u* yang masih mencentang atau mencabar ajaran Islam yang sebenar, seperti dalam kisah Nabi Nuh, Nabi Ibrahim dan Nabi Muhammad SAW (Sulaiman Ibrahim 1998: 2-13). Tambahan lagi, pada era kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi kini, pihak *dā'i* dalam menjalani dakwahnya tentu semakin mencabar dalam menghadapi *mad'u* yang bersikap kritis terhadap segala sesuatu yang dianggap tidak logik atau tidak dapat dibukti dengan hujah yang kukuh.

Selain itu, dalam *Dustur dakwah*, Ali Hasjmy juga mengemuka beberapa uslub dakwah yang dibina berdasarkan al-Quran antaranya; *ta'lim* dan *tarbiyah* (pengajaran dan pendidikan), *tauhkīr* dan *tambih* (peringatan dan penyegaran kembali), *targhīb* dan *tabshīr* (penggemaran dan khabar gembira), *'tarhīb*' dan *indhar* (penakutan dan berita siksaan) *qasas* dan *riwāyat*, (ceritera dan kisah masa lampau), *amar* dan *nahi* (perintah dan larangan) (Ali Hasjmy 1982: 24-28; 1974: 230-265). Ali Hasjmy memang tidak memberi definisi khas mengenai makna *uslub* dakwah, namun jika disemak daripada beberapa uslub tersebut, dapat dilihat bahawa makna *uslub* adalah kaedah, langkah atau metode yang dikembangkan daripada ketiga-tiga metode asas; *hikmah*, *maw'izah* *hasanah* dan *mujadalah*.

Media Dakwah

Media dakwah *wasā'il al-da'wah* adalah sarana yang diguna pakai untuk menyampaikan pesan dakwah kepada *mad'u*. Untuk menyampaikan ajaran Islam kepada *mad'u*, pendakwah boleh memanfaatkan berbagai-bagai sarana. Ali Hasjmy menganggap bahawa media sangat diperlu dalam penyampaian pesan dakwah kepada umat manusia (Ali Hasjmy 1974). Para tokoh dakwah mempunyai pandangan yang beragam mengenai sarana dakwah. Hamzah Ya'qub, misalnya, membahagi media dakwah kepada lima kategori, iaitu media lisan, tulisan, lukisan, audio visual, dan akhlak (M. Munir dan Wahyu Ilaihi 2006: 124). Pembahagian ini berbeza dengan pembahagian oleh 'Abd al-Na'im, yang mengklasifikasi media penyampaian dakwah *wasā'il al-da'wah* kepada empat kategori; media lisan *al-tabligh bi al-qawl*, amal *al-tabligh al-'amali*, siri teladan *al-tabligh bi al-sirah al-hasanah* dan media massa *wasā'il al-'lām* (Abd al-Na'im 1405/1984: 91-118). Perbezaan sedemikian dipandang sebagai hal yang wajar, bukan hanya kerana media dakwah banyak ragamnya (Abd al-Na'im 1405/1984: 109), tetapi juga kerana para tokoh dakwah mempunyai sudut pandangannya yang tersendiri (Fakhri, Yusri Daud & Syukri Syama'un 2006: 19).

Sebagaimana Hamzah Yakob dan 'Abd al-Na'im, Ali Hasjmy juga mempunyai pandangan tersendiri mengenai media dakwah. Meskipun tidak dirumuskan suatu definisi mengenai hakikat media, namun dalam karyanya, *Dustur dakwah*, dijelaskan beberapa media dakwah, antaranya mimbar dan khitabah (pidato); qalam (pena) dan kitabah (tulisan); *masrah* (pementasan) dan *malhamah* (drama); seni bahasa dan seni suara (Ali Hasjmy 1974: 269-270; 1982: 29). Beberapa media dakwah ini meskipun masih terkesan sederhana, namun semua itu secara umum mencakupi media lisan (mimbar, pidato), tulisan (pena, kitabah) dan pengambilan peranan *masrah* dan *malhamah* yang dalam konteks masa kini mungkin mirip dengan dunia lakonan seperti iklan, sinetron ataupun filem. Berkenaan dengan seni bahasa dan seni suara khususnya boleh dipandang sebagai sebahagian daripada media lisan ataupun sekali gus tulisan. Untuk lebih jelas lagi, media-media ini akan dihurai sebagai berikut:

Mimbar dan Khitabah

Perkataan *mimbar* yang berasal daripada bahasa Arab bermakna pentas atau panggung yang biasanya diguna sebagai tempat berpidato, manakala *khitabah* adalah pidato itu sendiri. Pendakwah boleh menyampaikan pesan

dakwah kepada *mad'u* melalui media ini, meskipun media ini dianggap sebagai media tradisional atau bukan hasil reka bentuk teknologi moden. Pendakwah yang memanfaatkan media ini mesti benar-benar menjadi "orang mimbar" yang ahli, memiliki pengetahuan luas dalam bidang retorika, menguasai teknik khutbah dan menguasai norma-normanya (Ali Hasjmy 1974: 22). Media *khutbah* ini dalam pandangan ^cAbd al-Na'im termasuk unsur media dakwah melalui lisan (^cAbd al-Na'im 1405/1984: 97).

Menurut Ali Hasjmy *mimbar* dan *khutbah* sebagai media dakwah mempunyai dasar panduan yang jelas, iaitu kandungan surah al-Jum'ah: ayat 11. Antara kandungannya ialah perintah wajib solat Jumaat yang di dalamnya juga diwajibkan khutbah (Ali Hasjmy 1974: 270). Dalam konteks ini, khutbah bukan hanya dipandang sebagai sesuatu yang wajib dilakukan pada waktu menunaikan solat Jumaat, tetapi juga dipandang sebagai asas penggunaan media *khutbah* di luar solat Jumaat untuk memberi penerangan kepada umat. *Khutbah* sebagai media penerangan kepada umat memang tidak selamanya boleh menjadi efektif seperti yang diharapkan apalagi *mad'u* yang dihadapi itu adalah *mad'u* yang jiwanya masih mengutamakan keuntungan duniawi. Oleh itu, menurut Ali Hasjmy, pendakwah yang memanfaatkan *khutbah* sebagai media dakwah mestilah bersabar terhadap kemungkinan munculnya perilaku kurang baik di kalangan *mad'u*. Hal ini selari dengan sikap Rasulullah s.a.w seperti diisyaratkan dalam surah al-Jum'ah: ayat 11, di mana ketika baginda sedang berkhotbah, para jemaah meninggalkan baginda dan mereka berpaling ke arah rombongan perdagangan dan permainan (kesenian), tetapi Rasulullah SAW tidak memarahi mereka. Justeru, baginda berkata bahawa "apa yang ada pada Allah, lebih baik daripada perdagangan dan kesenian, Allah Maha Pember rezeki" (Ibid: 271-272).

Qalam dan Kitābah

Secara bahasa *qalam* dan *kitābah* adalah dua kalimah yang berbeza, namun kedua-duanya tidak dapat dipisahkan, kerana *qalam* adalah alat tulis, manakala *kitābah* adalah penulisan. Logikinya, *qalam* tidak akan memberi makna jika tidak digunakan sebagai alat dalam penulisan, manakala penulisan tidak akan menghasilkan apa-apa jika *qalam* (alat tulis) tidak diguna atau tidak berfungsi. Oleh itu, Ali Hasjmy berpendapat bahawa *qalam* dan *kitābah* adalah sebagai salah satu daripada media dakwah.

Pandangan tersebut berpandukan kepada kefahaman mengenai kandungan surah al-Qalam: ayat 1, di mana Allah bersumpah dengan

huruf *nūn*, *qalam* dan 'penulisan'. Sumpah Allah dalam ayat ini dianggap sebagai isyarat bahawa peranan huruf, pena dan penulisan dalam pelaksanaan *da'wah Islāmiyyah* adalah maha penting, sama pentingnya dengan dakwah itu sendiri (Ibid: 275). Oleh itu, pendakwah perlu memahami dan mendalami ilmu atau kepakaran dalam bidang 'seranta' atau 'penerbitan' yang mencakupi 'penghurufan', 'penulisan', 'pengarangan', 'pemberitaan', 'percetakan', 'perfileman', 'penyiaran' sebagai media perhubungan antara manusia (antara *dā'i* dan *mad'u*) (Ibid: 276). Ringkasnya, *qalam* dan *kitābah* adalah media yang boleh diguna pakai oleh para *dā'i* dalam penyampaian dakwah.

Masrah dan Malhamah

Ali Hasjmy juga berpandangan bahawa *masrah* (pementasan) dan *malhamah* (drama) boleh diguna pakai sebagai media dakwah. Ini disebabkan al-Qurān sendiri, menurut Ali Hasjmy, banyak menyampaikan pesan dalam bentuk pendramaan, umpamanya surah Al-Naba', Al-Takwīr, Al-Inshiqāq, Al-Burūj, Al-Fajr, Al-Balad, Al-Zalzalah, Al-Qāri'ah dan sebagainya. Allah menyampai pelbagai pesan dalam beberapa surah ini dalam bentuk drama supaya lebih meresap ke dalam jiwa hamba-Nya. Oleh itu, pesan dakwah ada kalanya sengaja ditampilkan secara dramatik sehingga mengejut, mengeri, menakut, memilu dan akhirnya diharap dapat menginsafi *mad'u*. Sebagai ilustrasi, maka dikutip salah satu contoh drama lima babak dalam surah al-Naba': ayat 1-40 yang diterjemah oleh Ali Hasjmy, seperti berikut;

Babak pertama; Tentang apa gerangan mereka saling bertanya? Tentang berita agung. Yang mereka pertengkarkannya. Tidak, kelak mereka akan mengetahuinya. Sekali lagi tidak, kelak mereka akan mengetahuinya. Bukankah bumi, Kami jadikan terbentang luas? Gunung-ganang tegak memasak. Kamu, Kami jadikan berjodoh-jodoh. Tidurmu nyenyak nyaman. Malam, Kami jadikan gelap-gelita. Siang, lapangan kehidupan. Di atasmu, Kami bangunkan tujuh langit yang kukuh, dengan lentera yang menyinar cahaya. Dari gumpalan awan, Kami curahkan hujan, Yang menumbuhkan tanam-tanaman, Dan kebun (buah-buahan) meranum.

Babak kedua; Hari pengadilan itu sudah pasti. Hari berbunyi sangkakala. Lantas kamu muncul berbondong-bondong. Pintu-pintu langit dibuka lebar. Gunung-ganang berterbangan seolah-olah (menjadi) fatamorgana.

Babak ketiga; Neraka yang mempunyai menara pengintai. Tersedia bagi para durjana. Tetap abadi di dalamnya. Tidak menikmati minuman sejuk nyaman. Kecuali cairan kotor yang mendidih. Pembalasan yang setimpai. Mereka tidak mengharap hari hisab. Ayat-ayat Kami didustakannya. Semua itu telah Kami catat. Kini rasailah azab berganda.

Babak keempat; Kemenangan untuk orang-orang yang berbakti. Kebun-kebun anggur meranum. Gadis-gadis jelita sebaya. Gelas yang penuh berisi. Tiada suara rahsia dusta yang terdengar. Balasan jasa dan pemberian Tuhan. Tuhan langit, Tuhan bumi dan Tuhan isi kedua-duanya. Yang Maha pemurah. Dia yang hanya bicara.

Babak kelima; Hari itu, Roh dan Malaikat berbaris rapi, tiada berkata, kecuali dengan izin Maha Kuasa, perkataannya fakta nyata. Itulah hari Kebenaran, Dia suka kembali kepada Tuhannya. Kami telah memberi peringatan, azab siksaan yang dekat akan tiba, Hari itu nanti, manusia menyaksikan buah tangannya sendiri, manusia kafir berkata; "alangkah baiknya aku menjadi tanah".

(Ibid: 277)

Ali Hasjmy sebagai seorang sasterawan yang berjiwa seni, menjadikan gaya al-Qurān sebagai sandaran perlunya penggunaan media drama dalam menyampai *da'wah Islāmiyyah*. Dalam konteks masa kini, dengan kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi, pementasan dan pendramaan, maka pasti boleh ditampilkan dengan bermacam-macam bentuk dan nama seperti 'iklan', 'sinetron' ataupun 'filem', sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia, sehingga media ini perlu dimanfaatkan sebagai media *da'wah Islāmiyyah*. Oleh itu, para pendakwah yang memanfaatkan media ini, selain memenuhi syarat dan sifat-sifat sebagai *dā'i*, mestilah juga 'orang pentas', 'orang drama', 'insan senetron' atau 'insan filem' yang mampu menonjol ketrampilan dalam bidang ini.

Seni Bahasa dan Seni Suara

Seni bahasa dan seni suara adalah dua kalimah yang dapat mempunyai perbezaan, seni bahasa berkenaan dengan susunan, struktur dan makna dalam suatu bahasa (lisan ataupun tulisan), manakala seni suara adalah intonasi atau irama ucapan (berpandu kepada teks ataupun tidak). Sungguhpun begitu, kedua-duanya tidak dapat dipisah kerana mempunyai kaitan dengan seni dalam konteks bahasa sebagai alat komunikasi.

Ali Hasjmy sebagai ulama dakwah dan sasterawan Muslim memberi perhatian yang lebih luas dalam bidang ini, kerana seni bahasa dan seni suara adalah sebahagian daripada sastera, iaitu salah satu cabang ilmu yang digemarinya. Perhatiannya dalam bidang ini bukan hanya setakat menulis bait-bait puisi atau karya novel dalam pelbagai bentuk dan nilai yang terkandung di dalamnya, tetapi juga menulis karya ilmiah yang berkaitan dengan sastera, antaranya; i. *Sastera dan Agama*; ii. *Apa tugas sasterawan sebagai khalifah Allah*. Dalam kedua-dua karyanya

ini, Ali Hasjmy menjelaskan antaranya; Islam tidak melarang seni sastera, Islam membolehkan umatnya mempelajari dan mengamal seni sastera, Islam membolehkan umatnya memanfaatkan seni sastera sebagai media dakwah. Islam mengecam 'sasterawan jahiliah' (Ali Hasjmy 1980b: 10; 1984: 23) dan 'sasterawan Muslim' (Ali Hasjmy 1980b: 10; 1984: 24) diberi penghargaan. Pandangan ini berpandu kepada ayat 221-227 dalam surah al-Shu'arā' dengan mengikut pendapat Muhammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (1866-1914 M) (Muhammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī 1959: 4649-4653), Tantawi Jauhari (Tāntawai Jauhari: 117-123), Sayyid Qutub (Sayyid Qutub 1408/1987: 120-122) dan fatwa Majlis Ulama Aceh yang memberi sokongan terhadap seni sebagai media dakwah (Ali Hasjmy 1980b: 20). Pandangan ini juga adalah bersandar kepada pendapat bahawa Rasulullah SAW tidak melarang sasterawan Muslim (Hassan bin Thābit, Ka'ab bin Mālik & 'Abd'Ulāh bin Rawāhah, Umayyah bin 'al) (Ibid: 11-12) yang memanfaatkan syairnya sebagai media dakwah.

Ringkasnya, dalam pandangan Ali Hasjmy, seni bahasa dan seni suara mempunyai peranan penting sebagai media dakwah Islamiah sejak permulaan sejarahnya. Allah menampil firman-Nya dengan gaya bahasa yang maha menakjubkan; uslub dan makna kandungannya benar-benar tidak ada yang mampu mengatasinya sepanjang masa. Hal ini adalah isyarat bahawa dakwah Islamiah sepatutnya disampaikan dengan bahasa yang teratur dan indah. Pesan dakwah yang disampaikan *dā'i* dengan bahasa yang tersusun dan indah atau pidato yang diucap dengan bahasa *balāghah*, suara yang jelas dan merdu akan lebih berkesan di dalam lubuk hati *mad'u* berbanding tulisan atau ucapan dengan bahasa yang kacau-bilau (*mudhabdhabah*) (Ibid). Oleh itu, dalam pandangan Ali Hasjmy, sepatutnya para sasterawan memainkan peranan aktif sebagai pendakwah Islamiah dan memanfaatkan sastera (seni bahasa dan seni suara) sebagai salah satu medianya. Para sasterawan yang memainkan peranan sebagai pendakwah mesti memenuhi syarat 'sasterawan Muslim', bukan 'sasterawan jahiliah'.

Beberapa media dakwah yang diungkap tersebut sebenarnya masih bersifat tradisional. Sungguhpun begitu, hal ini bukan bermakna Ali Hasjmy menyembunyi diri terhadap berbagai-bagai media yang terus berkembang dengan berbagai-bagai bentuk dan namanya sebagai hasil daripada perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi. Justeru, menurut Ali Hasjmy, pihak *dā'i* perlu sentiasa memanfaatkan pelbagai media massa secara bersepadu dalam menyampaikan *da'wah Islāmiyyah*, seperti menulis dalam berbagai-bagai majalah ilmiah dan akhbar harian, bahkan dalam keadaan tertentu pihak *dā'i* mestilah siap menggunakan media

jihad (perang) dalam perjuangan dan pembelaan terhadap eksistensi *da'wah Islāmiyyah*.

Nota

- ⁹¹ Peribadi militan dalam konteks ini adalah orang-orang yang sedia berjuang bahkan berperang untuk menegak dan membela dakwah Islamiah.

Bab 4

Kesimpulan

Dalam bab ini dihurai kesimpulan mengenai makna, hukum dan sistem dakwah dari sudut pandangan Ali Hasjmy, iaitu; Pertama, mengenai makna dakwah dapat disimpul bahawa secara etimologi 'dakwah' sering disifat dengan perkataan *Islāmiyyah*, *Qur'āniyyah* atau *Nabawiyyah* sehingga disebut dengan *dā'wah Islāmiyyah* (dakwah Islam), *dā'wah Qur'āniyyah* (dakwah al-Quran) atau *dā'wah nabawiyyah* (dakwah Nabi). *Dā'wah Islāmiyyah* disetaraf juga dengan *suara nubuwwah* (suara kenabian) dan *sabīlillāh* (jalan Allah). Kedua, secara terminologi, menurut Ali Hasjmy, dakwah dierti dengan "mengajak orang untuk meyakini dan mengamal akidah dan 'syariah' Islam yang terlebih dahulu telah diyakini dan diamal oleh pendakwah sendiri". Ketiga, berkenaan dengan hukum dakwah, pandangan Ali Hasjmy adalah lebih cenderung kepada *fardu 'ain* sekaligus *fardu kifāyah*.

Ketiga, pelaku dakwah (*dā'i*) ataupun pihak yang bertanggungjawab menjalani dakwah menurut Ali Hasjmy ada tiga komponen, iaitu setiap individu Muslim, jemaah dakwah dan pemimpin negara dengan segala pengurusnya. Semua komponen pendakwah ini sepatutnya memiliki kualiti ilmu, iman, akhlak mulia dan amal salih sehingga layak disebut "juru dakwah adalah dakwah", perlu bekerjasama dan mengambil peranan dalam menjalani tugas dakwah, sekurang-kurangnya mengikut kemampuan (kekuasaan) masing-masing.

Keempat, pendakwah mesti memahami dengan baik mengenai sasaran dakwah (*mad'u*) sehingga pesan dakwah sesuai dengan keperluan pihak *mad'u*. Kefahaman mengenai *mad'u* bukan hanya dari segi ontologi atau psikologi sahaja, tetapi juga dari segi teologi dan sosiologi sehingga bukan hanya akan memudah proses pelaksanaan dakwah, tetapi juga memberi ruang gerak yang lebih luas bagi pendakwah dalam menjalani misinya sesuai dengan persoalan yang mungkin dihadapi *mad'u*.

Kelima, secara umumnya pesan dakwah mengikut pandangan Ali Hasjmy adalah keseluruhan ajaran Islam. Ajaran Islam yang dikata

sebagai pesan dakwah itu dibahagi secara beragam. Ada kalanya ajaran Islam dibahagi kepada akidah dan syariah; ada kalanya dibahagi kepada iman dan amal salih, di mana dalam istilah amal salih sudah mencakupi aspek ibadah, politik, ekonomi, sosial, akhlak dan sebagainya; ada kalanya dibahagi kepada akidah, ibadah, akhlak dan *mu'amalah*; ada kalanya dibahagi kepada akidah dan mu'amalah, di mana dalam istilah mu'amalah sudah pun mencakupi aspek politik, ekonomi, sosial dan lain-lain; ada kalanya diungkap dengan ungkapan yang agak terperinci, di mana pesan dakwah mencakupi akidah, ibadah dan ilmu pengetahuan; mencari, menjaga dan mengagih harta kekayaan sebagai amal salih; memelihara kehormatan, kesihatan, akal, jasmani dan rohani; membina kekuatan negara; membangun persamaan, perundangan; membangun masyarakat; akhlak, asas hukum dan sumber pensyariaan hukum. Keragaman pembahagian seperti ini boleh dilaku kerana pembahasan mengenai pesan dakwah sebagai salah satu subsistem dakwah bukan hanya dibahaskan dalam pelbagai karyanya, tetapi juga pesan dakwah itu sendiri boleh dilihat dari pelbagai sudut. Tambahan lagi, pembahasan mengenai pesan dakwah dibahas dalam konteks yang berbeza-beza sesuai dengan objek pembahasan.

Keenam, matlamat dakwah (*aḥdāf al-da'wah*) dirumus secara berbeza-beza, sekurang-kurangnya dalam empat karya yang berbeza terdapat sejumlah rumusan matlamat dakwah, iaitu mengajak manusia berjalan di atas jalan Allah, mengambil ajaran Allah menjadi jalan hidupnya; membentang jalan Allah di atas bumi agar dilalui umat manusia; mengajak manusia dan masyarakatnya ke arah *al-haq*, kepada kebenaran Allah; sedikit pun tidak boleh menyimpang daripadanya, kerana jika telah menyimpang daripada *al-haq* itu, maka ia sudah bukan dakwah Islamiah lagi; mengajak manusia dan masyarakatnya ke jalan Allah yang lurus, bukan ke jalan lain; menegak kebenaran dan membasmi kejahatan, mengajak manusia berbuat kebajikan, menyuruh makruf dan mencegah mungkar, menyampaikan berita pahala dan berita siksa, mengajak manusia membina masyarakat aman dan damai, menyatakan kerasulan Muhammad SAW meliputi segala umat manusia, menyatakan bahawa kebenaran agama yang dibawa Nabi Muhammad untuk mengganti segala agama sebelumnya; membebaskan umat manusia daripada menjadi hamba hawa nafsu dan ikatan kedurjanaan, membentuk penyatuan dan persaudaraan umat di bawah panji al-Qur'an dan tauhid dengan jalan membangun penyatuan asas, kewajipan, dasar ajaran dan kaedah yang berdasar iman; membangun politik, sosial, moral, keperibadian dan kemanusiaan.

Ketujuh, secara umumnya ada tiga metode dakwah (*manhaj al-da'wah*) yang dikenbang Ali Hasjmy sebagaimana kebanyakan ulama dakwah lainnya, iaitu metode *hikmah*, *maw'izah hasanah* dan *mujādalah*. Metode dakwah dengan *hikmah* menurut Ali Hasjmy adalah pelaksanaan dakwah dengan penuh 'kebijaksanaan' berdasarkan ilmu pengetahuan dengan memerhati beberapa hal iaitu; i. Persekitaran sosial dan taraf kemasyarakatan orang atau masyarakat yang menjadi sasaran dakwah (*mad'u*); ii. Kadar dan pesan dakwah yang akan disampaikan mesti heresuaian dengan taraf kefahaman dan intelektual *mad'u*; iii. Penyampaian dakwah perlu diguna pakai pelbagai kaedah sesuai dengan keperluan dan boleh membangkitkan semangat *mad'u* sehingga pesan dakwah dapat diterima dengan hati dan fikiran yang terbuka. Manakala metode *maw'izah hasanah* menurut Ali Hasjmy adalah pelaksanaan dakwah dengan memberi pelajaran yang indah, senang (terpikat) orang mendengarnya, memasuki ke dalam sel-sel otak dan relung-relung hati pihak *mad'u* dengan memerhatikan beberapa hal penting, iaitu; i. Pertuturan pesan dakwah secara lembut dan menggoda sehingga pihak *mad'u* mudah terpesona dan tergugah hati untuk menerimanya; ii. Menjauhi sikap bongkak dan membangga diri, apatah lagi bersikap kasar atau berperilaku kurang sopan; iii. Menghindari kata-kata sindiran yang boleh merendah harga diri dan kehormatan pihak *mad'u*. Adapun metode *mujādalah* menurut Ali Hasjmy adalah pelaksanaan dakwah melalui perdebatan yang dilaku dengan akal yang sihat, alasan yang kukuh dan logik dengan memerhati beberapa ketentuan, iaitu; i. Pendakwah tidak menekan dan menjatuhkan maruah *mad'u* yang berbeza pendapat; ii. Pendakwah mesti bersikap lemah lembut terhadap *mad'u*; iii. Pendakwah perlu memahami bahawa tujuan perdebatan bukan untuk meraih kemenangan atau mengaku kalah kepada *mad'u*, tetapi untuk memuaskan hati *mad'u* dan membawanya kepada kebenaran (jalan Allah). Ringkasnya, metode *mujādalah* dalam perspektif Ali Hasjmy boleh dipandang sebagai *mujādalah mahmūdah* (perdebatan, diskusi, dialog yang terpuji).

Kelapan, beberapa media dakwah yang diungkap Ali Hasjmy dalam beberapa karyanya adalah berbentuk mimbar dan *khitabah* (pidato), *qalam* (pena) dan *kitabah* (tulisan), *masrah* (pementasan), *malhamah* (drama), seni bahasa dan seni suara. Meskipun beberapa media ini dikesan sederhana, namun secara umum, ia mencakupi media lisan (mimbar, pidato), tulisan (pena, *kutābah*) dan pengambilan peranan (*masrah* dan *malhamah*) yang dalam konteks masa kini mungkin mirip dengan lakonan dalam iklan, sinetron ataupun filem. Berkenaan dengan seni bahasa dan

seni suara khususnya, ia boleh dipandang sebagai sebahagian daripada media lisan ataupun sekali gus tulisan.

Rujukan

- ‘Abd al-Na‘im Muhammad Husnain. 1405/1984. *Al-Da‘wah ilā Allāh ‘ala baṣīrah*. Bayrūt: Dār al-Kutub.
- Aćnin Armas. 2004. *Pengaruh Kristen-Orientalis terhadap Islam Liberal: Dialog Interaktif dengan Aktivis Jaringan Islam Liberal*, cet. II, Jakarta: Gema Insani Press.
- Abdul Ghafār Hj. Don, Perspektif politik Islam. 1999. Dlm. *Kepimpinan dakwah dan politik Islam*, disunting oleh Zulkiple Abd. Gani & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. Bangi: Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, UKM.
- Abi Bakar, *Pengertian Ilmaniyah atau Sekularisme*. [http:// abibakar blog. com/ kritik-liberal/](http://abibakarblog.com/kritik-liberal/) (5 November 2010).
- Abu Bakr Muhammad Zakariyā al-Rāzī. 1987. *al-Tib al-rūḥanī*, Qāhirah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.
- Abu Hassan Syam, Pengamat sastera Melayu klasik Aceh yang gigih. Dlm. Badruzzaman Ismail et al., 1994. *Delapan puluh tahun melalui jalan raya dunia A. Hasjmy asset sejarah masa kini dan masa depan*, Jakarta: Bulan Bintang.
- Ahmad Sarwat, *Perluasan makna fi sabīlillah sebagai mustahiq zakat*. [http:// www. erasmuslim.com/ustadz/zkt/](http://www.erasmuslim.com/ustadz/zkt/) (28 Ogos 2008).
- Ahmad Tafsir, 1996. *Metodologi pengajaran agama Islam*, Bandung: Remaja Rosda Karya.
- ‘Ali bin Nāyif Shahūd, 1428/2007. *al-Mufasssal fi fiqh al-da‘wah* (1), t.tp: t.p.
- Anon. Memoar. *Majalah Tempo*, no. 48, 26 Januari 1991.
- Anon. *Nubuwwah dan Kesempurnaan Manusia*, [http://makkawaru. wordpress.com](http://makkawaru.wordpress.com) (2 Januari 2008).
- Antony Reid, 1969. *The Contest for North Sumatra, Aceh, the Netherlands and Britain*, Kuala Lumpur: The University of Malaya Press.
- Asep Muhiddin, 2002, *Dakwah dalam perspektif al-Qurān*, Bandung: Pustaka Setia.
- Azyumardi Azra (pny.), 1991. *Perspektif Islam di Asia Tenggara*, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Clarence L. Barhart & Robert K. Barnhart (ed), 1978. *The world book dictionary*. Chicago: Doubleday & Compay Inc.,
- Fakhri, Yusri Daud dan Syukri Syama’un. 2006. *Komunkasi Islam*. Yogyakarta: AK Group bekerjasama dengan ar-Raniry Press.

- Fariza Md. Sham, Siti Rugayah Hj. Tibek & Othman Hj. Talib, 2006. Perkembangan moral sosial remaja dan pendekatan psikologi dakwah. Dlm. Fariza Md. Sham, Siti Rugayah Hj. Tibek & Othman Hj. Talib (pnrt.), *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Ghazālī, t.th. *Ihyā ‘ulūm al-dīn*, juz 3, Surabaya: Maktabah wa Matba’ah Mahkota.
- al-Ghazālī, 1988. *Ma‘ārij al-quḍi fi madārij ma‘ rifat al-naḥsi*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ghazaly, A. 1978. *Biografi Prof. Tgk. H. Ali Hasjmy*, Jakarta: Socialia
- Ghazali Darussalam, 1996. *Dinamika Dakwah Islamiyah*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Hamka, 1981. *Prinsip dan kebijaksanaan dakwah Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru.
- Hanun Asroah, 2001. *Sejarah Pendidikan Islam*, Jakarta: Logos Wacana Ilmu.
- Hardi, 1993. *Daerah Istimewa Aceh latar belakang politik dan masa depannya*, Jakarta: Cita Panca Serang.
- Hasan Bastri, Teungku A. Hasjmy: pengembang tradisi keilmuan dan perekat ulama-umara. Dlm. Tim Penulis IAIN Ar-Raniry, 2004, *Ensiklopedi ulama Aceh*, Banda Aceh: Ar-Raniry Press.
- Hasanuddin, 1996. *Hukum dakwah*, Jakarta: Pedoman Ilmu Jaya.
- Hasanuddin Yusuf Adan, 2007. *Teungku Muhammad Dawud Beureueh dan perjuangan pemberontakan di Aceh*, Banda Aceh : ‘Adnin Foundation Publisher.
- Hasjmy, Ali, Konsepsi Ideal Darussalam, dalam Komisi Redaksi, 1969. *10 Tahun Darussalam dan hari Pendidikan Propinsi Daerah Istimewa Aceh*, Banda Aceh: Jajasan Darussalam.
- Hasjmy, Ali. 1970. *Dimana letaknya negara Islam*, Jakarta: Bulan Bintang.
- Hasjmy, Ali. 1973. *Pemimpin dan akhlaknya*, Banda Aceh: Majelis Ulama Propinsi Daerah Istimewa Aceh.
- Hasjmy, Ali. 1974. *Dustur dakwah menurut al-Qur‘ān*, Jakarta: Bulan Bintang.
- Hasjmy, Ali. 1975. *Risalah akhlak surat ayah kepada anaknya*, Jakarta: Bulan Birtang.
- Hasjmy, Ali. 1976a. *Apa sebab rakyat Aceh sanggup berperang puluhan tahun melawan agresi Belanda*, Jakarta: Bulan Bintang.
- Hasjmy, Ali. 1976b. *Surat-surat dari penjara (suara ayah kepada puterinya)*, Jakarta: Bulan Bintang.
- Hasjmy, Ali. 1977a. *Apa sebab rakyat Aceh sanggup berperang puluhan tahun melawan agresi Belanda*, Jakarta: Bulan Bintang.
- Hasjmy, Ali. 1978a. *Dakwah Islamiyah dan kaitannya dengan pembangunan manusia*, Jakarta: Mutiara.
- Hasjmy, Ali. 1978b. *Bungo rampai revolusi dari tanah Aceh*, Jakarta: Bulan Bintang.

- Hasjmy, Ali. 1980a. *Perang gerilya dan pergerakan politik di Aceh untuk merebut kemerdekaan kembali*, Banda Aceh: Majlis Ulama Propinsi Daerah Istimewa Aceh.
- Hasjmy, Ali. 1980b. *Sastera dan agama*, Banda Aceh: BHA Majlis Ulama Daerah Istimewa Aceh.
- Hasjmy, Ali. 1982. *Pokok-pokok pikiran sekitar dakwah Islamiyah*, Banda Aceh: Majlis Ulama Daerah Istimewa Aceh.
- Hasjmy, Ali. 1983. *Kebudayaan Aceh dalam sejarah*, Jakarta: Beuna.
- Hasjmy, Ali. 1984. *Apa tugas sasterawan sebagai khulifah Allah*, Surabaya: Bina Ilmu.
- Hasjmy, Ali. 1985. *Semangat merdeka A. Hasjmy 70 tahun menempuh jalan pergolakan & perjuangan kemerdekaan*, Jakarta: Bulan Bintang.
- Hasjmy, Ali. 1991. *Pengaruh surah Al 'Alaq dalam kehidupan ilmiah A. Hasjmy*, Banda Aceh: Perpustakaan dan Museum Yayasan Pendidikan A. Hasjmy.
- Hasjmy, Ali. (pnyt.). 1997. *Ulama Aceh mujahid pejuang kemerdekaan dan pembangunan tamadun bangsa*, Jakarta: Bulan Bintang.
- <http://4id1.wordpress.com/2010/03/02/> (5 November 2010).
- Ibrahim Hasan, Memasuki usia emas. Dlm. Badruzzaman Islamil et al., 1994. *Delapan puluh tahun melalui jalan raya dunia A. Hasjmy: asset sejarah masa kini dan masa depan*, Jakarta: Bulan Bintang.
- Ismail Yakub, Gambaran pendidikan di Aceh sesudah perang Aceh-Belanda sampai sekarang. Dlm. Ismail Sunny et al, 1980, *Bunga rampai tentang Aceh*, Jakarta: Bharata Karya Aksara.
- Ismail Yusanto, Muhammad, dkk., 2004. *Menggagas Pendidikan Islami*. Bogor; Al-Azhar Press.
- al-Jalālayn, Muhammad bin Muhammad bin Ibrahim al-Mahallī dan Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī. 1987. *Tafsīr al-Qurān*. Mesir: Maktabah al-Misriyyah.
- Kompas online, <http://www.hamline.edu/apakabar/basisdata/1998/01/18> (20 Mei 2008).
- Lorens Bagus. 2000. *Kamus Filsafat*, (Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Luthfi Assyaukanie, 2007. *Islam Benar versus Islam Salah*, cet. I, Depok: Kata Kita.
- Majid Khadduri, 1969. *War and peace in the law of Islam*, Baltimore and London: The Johns Hopkins Press.
- al-Marāghī, Ahmad Mustafā. 1946. *Tafsīr al-Marāghī*. Juz 5. Mesir: al-Halabi.
- M. Arifin, 1991. *Ilmu pendidikan Islam*, Jakarta: Bumi Aksara.
- M. Syafaat Habib, 1982. *Buku pedoman dakwah*, Jakarta: Widjaya.
- Misri A. Muhsin, Sejarah perkembangan pendidikan di Aceh, *Jurnal Didaktika*, no. 2, vol. 3. September 2002.
- Mocatar Effency, 2001. *Ensiklopedi Agama dan Filsafat*, , cet. I, Penerbit Universitas Sriwijaya dan diedarkan khusus oleh PT. Widyadara.
- Mohammad Natsir. 1420/2000. *Fiqhul Dakwah*. Jakarta : Media Da'wah.

- Mohammad Said, 1961. *Aceh sepanjang abad*, Medan: Waspada.
- M. Quraish Shihab, 2002. *Tafsir al-misbah*, jilid 5, Jakarta: Lentera Hati.
- Muhammad 'Abduh, 2005. *Memperbaharui Komitmen dakwah*, trj. Uril Baharuddin, Jakarta: Robbani Press.
- Muhammad al-Ghazālī, 1385/1965. *Ma'a Allāh dirāsah fi al-da'wah wa al-dīn*, Mesir: Dār Al-Kutub Al-Hadītha.
- Muhammad Husain Fadlu'llāh, 1982. *Uslūb al-da'wah fi al-Qur'ān*. Bayrūt: Dār al-Zuhadā' li al-Tbā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Muhammad 'Izzah Durūzah, 1966. *Al-Dustūr Al-Qur'ānī wa Al-Sunnah Al-Nabawīyyah wa shu'ūn al-Hayah*, juz 1, Qāhirah: 'Isa al-Bābī al-Halabī.
- Muhammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimi, 1959. *Mahasin al-ta'wīl*, juz 13, Qāhirah: Mustafā al-Bābī al-Halabī.
- Muhammad Nur al-Ibrahīm, 1982. *Tgk. M. Daud Beureueh perannya dalam pergolakan di Aceh*, Jakarta: Gunung Agung.
- Muhammad Rāwī, 1962. *al-Da'wah al-Islāmiyyah da'wah 'alamiyyah*, Qāhirah: al-Dār al-Qawmiyyah li al-Tab'ah wa al-Nashr.
- Mahmud Shaltūt, 1966. *Al-Islām 'aqīdah wa sharī'ah*, Bayrūt: Dār al Qalam.
- Muhammad Utsman Najati, 1993. *Jiwa dalam pandangan para filosof muslim*, terj. Gazi Saloom, Bandung: Pustaka Hidayah.
- Muhammad 'Utsman Najati, 2004. *Psikologi dalam perspektif Hadis*, (terj), Jakarta: Pustaka al-Husna.
- M. Munir dan Wahyu Ilaihi, 2006. *Manajemen dakwah*, Jakarta: Prenada Media.
- M. Yunus Jamil, 1968. *Tawarikh raja-raja kerajaan Aceh*, Banda Aceh : Ajdam Iskandar Muda.
- Nazir al-Dīn Abi Sa'īd 'Abdu'llāh Ibnu 'Umar bin Muhammad al-Baidawī, 1408 H/1988 M., *Tafsīr al-Baidawī*, juz 1, Bayrut: Dar al-Kutub al-ilmiyyah.
- Nur Chalis Sofyan, Teungku Chik Pante Kulu: ulama dan penyair motivator perang Aceh. Dlm. Tim Penulis IAIN Ar-Raniry, 2004. *Ensiklopedi ulama Aceh*, Banda Aceh: Ar-Raniry Press
- Osman Raliby, Aceh, sejarah dan kebudayaannya. Dlm. Ismail Suny et al , 1980, hlm. 27-44.
- Paul Van't Veer, 1977. *Perang Belanda di Aceh*. Banda Aceh; Dinas Pendidikan dan Kebudayaan.
- Qutub, Sayyid. 1408 H/1987 M. *Tafsīr fi Zilāl al-Qur'ān*. Juz 4 & 19, Qāhirah: Dār al-Shurūq.
- Rifqi Akbar, "Sekali Lagi, Sekularisme dalam Pendidikan Nasional", <http://www.hidayatullah.com/kolom/opini> (5 November 2010).
- al-Shawkānī, Muhammad bin 'Alī. 1973. *Fath al-qādir*. Juz 3 & 4, Bayrut: Dār al-Fikr.
- Sirajuddin M, 1999. *Konsepsi kenegaraan dalam pemikiran A. Hasjmy*, Banda Aceh: Tesis Program Pascasarjana IAIN ar-Raniry.
- Sulaiman Ibrahim, Metodologi dakwah terhadap non-muslim dalam al-Qur'an al-karim: sorotan terhadap manhaj diskusi dakwah para nabi. Dlm. Abū'l Ghafar

- Haji Don, Burhanuddin Abdullah dan Zulkiple Abd. Gani (pnyt.), 1998. *Dakwah kepada non-muslim di Malaysia: konsep metode dan pengalaman*, Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syabuddin Gade, Mekanisme psikologis proses belajar menurut Imam al-Ghazālī. Dlm. Agusni Yahnya et al., 2005. *Doktrin Islam dan studi kawasan: potret keberagamaan masyarakat Aceh*, Banda Aceh: Ar-Raniry Press.
- Syabuddin Gade, Tujuan pendidikan dan dakwah menurut A. Hasjmy: Analisis siombiotik dan relevansi kekinian, dalam *Jurnal Islamuna Media Ilmu Keislaman*, Vol. 1, No. 1, Banda Aceh: Syahara Institute, 2009.
- Syafa'at Habib, M. 1982. *Buku pedoman dakwah*. Jakarta: Widjaya
- Syamsuddin Mahmud, Ali Hasjmy dalam perkembangan sosial politik, pendidikan dan ekonomi di Propinsi Daerah Istimewa Aceh dari masa ke masa. Dlm. Badruzzaman Ismail, et al., 1994, *Delapan puluh tahun melalui jalan raya dunia A. Hasjmy asset sejarah masa kini dan masa depan*, Jakarta: Bulan Bintang.
- Syed Mujaunmad Nagaib Al-Attas, 1977. *The Concept of education in Islam*, Makalah yang disampaikan dalam Konferensi se-dunia mengenai Pendidikan Islam di Mekkah.
- Tantāwī Jauhari, *Tafsīr al-jawāhir*, juz 13, Qāhirah: Mustafā al-Bābī al-Halabī.
- Taqī al-Dīn Ibn ‘Abd al-Halīm Ibnu Taimiyah, *Majmū‘ah al-fatāwā*, juz 5, hlm. 157-158.
- Teuku Iskandar, *Kamus dewan*. 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yāsir bin Husain Barhāmī, t.th, <http://www.saaaid.net/book/7/1134.doc>, (24 April 2007).
- al-Zamakhsharī, Abu al-Qāsim Mahmud bin ‘Umar. 1392 H/1972 M. *Tafsīr al-kashaf*. Juz 1. Qāhirah: Mustafā al-Halabī.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1991. *Al-Tafsīr al-munīr*. Juz 13 & 14. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Zuriah Hasjmy, Suka dukanya bersuami seorang pejuang. Dlm. Badruzzaman Ismail et al., 1994, *Delapan puluh tahun melalui jalan raya dunia A. Hasjmy asset sejarah masa kini dan masa depan*, Jakarta: Bulan Bintang.

Indeks

- A. Ghazaly 12, 15, 20, 22, 25
Abdul Raufal-Singkili 27
Abdullah 18
Aceh 11, 13-29, 31-40, 52, 61, 66, 81
agam 16
agama 11-12, 16-22, 26-27, 29-34, 37, 39, 43, 47, 49, 54-58, 60, 62-63, 66, 68, 70, 80, 84
agung 13-14, 79
Ainal Mardhiah 15-16
Ali Hasjmy 11-32, 34-37, 39-81, 85
Amin Rais 44
Anon 42
Armada Aceh 31
Asnawi 15-16
ateis 57
- Balqis 54
Banda Aceh 17, 28-34, 37, 39-40
Bandung 38
Bclanda 14-15, 17-19, 21-22, 24, 26-28, 32-34, 38-39, 66
Beuna 34, 38
bidang 11, 15, 17, 19, 22-23, 26, 29, 33, 35, 46, 48, 50, 52, 58, 63, 68-69, 78-80
Brunei 34
bulan 25, 31, 37
bulan Bintang 30-33, 36-39
bunga Rampai 33, 39
- Canden 37
cemburu 60
cendikiawan 63
Centrale Courant 37
- daerah 17, 36, 30, 34-35, 37, 39
Dahlia 15-16
dakwah 11-12, 17, 22-23, 25-28, 29-35, 38, 40-42, 44-52, 54-56, 62-81, 83-85
Darul 22, 25, 28
Darussalam 26-27, 29, 32-34, 39, 48, 66
Dayah 19, 20-22
Dekan 17
Departemen 33, 39
desa 15
Dewi Fajar 37
Dharma 15-16
Digul 31
Diraja 13
doa 17-18, 31, 41, 59
Dustur 12, 23, 28, 30, 42-45, 50, 54, 63, 65, 73-77
- ekonomi 15, 30, 33, 43, 63, 84
epistemologi 57
etimologi 41-42, 83
- Fachmy 15
Fachri 15
fakulti 17
Farahy 32, 37-38
fardu 44-48, 83
fitriah 34, 56-58, 60-61

- gerakan 21, 34
 Gerakan Aceh Merdeka 28
 Ghaitas 44, 47
 Gubernur 39
 Gunawan 15-16
Gurverment Inlandsch School 18-19
- Habib 70
 Hadramaut 13
 Hamzah Fansuri 22, 26, 38
 Hasjim 14-16, 19
 Hijaz 13, 16
 Hikayat 18, 32, 66
 Hasan Husein 17-18
 Perang Badar 17-18
 Perang Sabi 18, 22, 32, 38, 66
 Pocut Muhammad 22, 38
 hikmah 60, 70-72, 76, 85
 hulubalang 18-19, 28, 36
 Husein 14, 16-18, 24, 27, 36
- IAIN Ar-Raniry 17, 33, 37, 40
 Ibnu Taimiyah 23, 44, 48, 75
 idea 21
 ijma' 32
 Inderapuri 36
 Indiche Dukkrij 29, 37
 Indonesia 11, 16, 18, 22-26, 28,
 30-39, 47, 52, 71
 Intan Sipijit 13, 16
 intelektual 13, 17, 26-27, 29, 72, 85
 Irian Jaya 31
 Islam 11-12, 15, 17-35, 37-39, 42-58,
 60, 63-64, 66-69, 75-77, 81
 Isra Mi'raj 31
- Ja Bok 13-14, 16
 Jakarta 17, 30-34, 36-39
 Jalaluddin al-Tursani 27, 35
 jemaah 46-52, 55-56, 68, 78, 83
 Jepun 28, 33, 37
 jihad 27-28, 32, 51, 56, 66, 82
 jiwa 20-21, 27, 46, 51, 56, 58-60,
 67, 74, 79
 jumbuh 43
 juru 30, 51, 62, 75, 83
- Kabupaten 15
 Kadi al-Malik al-Adil 35
 kafir 18-19, 26, 32, 52, 57, 62, 68,
 80
 Kamal 15-16
 Kamalat Syah 33
 kampus 35
 karya 11, 13, 20, 22-23, 26-27, 29,
 31-32, 34-39, 43, 47, 63, 65-
 67, 80, 84
 kebudayaan 21-22, 26-27, 29-30,
 34-35, 37-39
 kecamatan 15
 Kerajaan Aceh Darussalam 27, 32-34
 keresidenan 17
 Keuchik Agam 14
 komponen 49, 83
 konsep 11-12, 23, 41, 66, 73
- Lampaseh 15
 Langkat 25
 latifah 58
 lembaga 20, 34-35
- Madinah 54-55
 madrasah 19-22, 24
 Mahdi 15-16
 Majalah Tempo 15
 Majid Khadduri 53, 60
 Malaysia 34-35
 malhamah 77, 79, 85
 Mandailing 18
 Mardhiah 15-16
 masrah 77, 79, 85
 Medan 14, 22, 27, 29, 31-32, 34, 37
 media 12, 22, 30, 34-35, 41, 47,
 50, 75, 77-81, 85-86
 menteri 54

- merdeka 16, 18, 25, 28, 32-33, 36, 59
 metode 12, 41, 47, 50, 69-70, 72-76, 85
 Meunasah 18, 36
 Meurah Johan 37
 Meureudeh 13
 militer 25
 Minangkabau 18
 Montasik 15, 18-19, 21
 muda 13-14, 16, 24, 26, 28, 31, 38, 40
 Muhammad aneuk Abdullah 18
 mujaadalah 74-76, 85
 mujahid 36
 Mukhtar Lutfi 20, 24
 Mulya 15-16
 Munir Mulkhan 44
 Musa 54
- Nias 31
 nubuwwah 42, 63, 70, 83
 Nuruddin ar-Raniry 27
 Nurul Alam Naqiatuddin 32
 Nurwani 15-16
 nusantara 22, 26-27, 34, 38
 Nyak
 - Buleun 14, 16
 - Neh 14, 16
 - Peutrou 16
 - Puteh 14-20
 - Syarifah 15
- orde
 - baru 26
 - lama 26, 28
- organisasi 13, 17, 22-24, 26-27, 34, 46-52, 64
- Padang 15, 20-21, 23-24, 26-27
 pahlawan 13-14, 16, 37
 Palela 13-14, 16
 Pang Abbas 13-14, 16, 19, 27
- Pang Abdullah 14
 Pang Husein 14, 16, 27
 pasukan 13, 16, 32, 55
 Paul van't Veer 27
 pendidikan 11, 13, 15, 17-24, 27, 29-34, 39-40, 48, 58, 73, 74, 76
 Perang Sabi 18, 22, 32, 38
 Polem 14, 16
 politikus 11
 Presiden 26, 39
 profesor 17, 33
 propinsi 17, 34, 39
 PUSA 21-22, 24-25
 Pustaka Nasional 29, 37-38
- qalam 77-79, 85
 qalb 57-58
 Qiyas 32
- ratu 32-33, 54
 republik 28
 resepi 59
 retorika 78
 revolusi 30, 32-33, 39
 rezeki 41, 78
 Rohana 15
 Ruba'i 22
 Rumah Sakil Zainal Abidin 28
- Safiatuddin 32
 Sarjana Hukum 15
 sasterawan 11, 22, 34-35, 64, 80-81
 sayembara 36
 Sayyid Qutub 23, 52, 72, 81
 sejarah 12, 17-18, 20-24, 26-35, 37-39, 42, 46, 54-55
 sejarawan 11
 sekularisme 62
 semangat 36-37
 semangat 20-23, 32, 36-37, 43, 66, 72
 Seulumum 15, 20-22, 24, 34, 36

Singapura 29, 34, 37-38
 sistem 12, 19-21, 30, 33, 41, 44,
 47, 50, 70, 72, 83
 Sitam 13, 16
 Soeharto 26
 sosial 17, 30-31, 43, 53, 57, 60-61,
 63, 67, 72, 84-85
 sultan 13, 32-33, 35-36, 38
 Sumatera Utara 17, 22, 34
 Surabaya 29, 35, 38
 Surya 15-16
 Syahbandar 13-14
 Syahbuddin 15
 syahid 14, 27, 32, 51
 Syamsuddin al-Sumatrani 26
 Syarifah 15-16
 Syekh Abdul Hamid Samalanga 21,
 36
 Syiah Kuala 29

 T. Abu 16
 T. Alibasjah Talsya 39
 taklif 48
 tamadun 30, 39-37
 Tanah Karo 25
 Tempo 19-20
 terminologi 41-42, 44, 51, 83
 Teungku
 Abdul Wahab 20, 24
 Abdullah Husein 36
 Abdurrahman Meunasah
 Meucap 11, 36
 Abu 13
 Amir Husein al-Mujahid
 11, 24, 36
 Chik Kuta Karang 27
 Chik Pantu Kulu 27, 32
 Haji Abdul Wahab Seulimum 36
 Haji Abdullah Ujong Rimba
 21, 36
 Haji Abubakar Aceh 36
 Haji Ahmad Hasballah Inderapuri
 11, 36

Haji Amelz 36
 Haji Ismail bin Yakub 36
 Haji Ismuha 36
 Muhammaa Hasbi Ash-
 Shiddiqiy 36
 Muhammad Daud Beureueh
 11, 21, 24-25, 36
 Muhammad Hasan Krueng Kale
 36
 Muhammad Yunus Reudeup
 19, 21
 Syekh Ibrahim Ayanda 36
 Syekh Abdul Hamid Samalanga
 36
 Syekh Haji Muhammad Wali al-
 Khalidy 36
Thawalib School 20
 tokoh 11, 16, 22-25, 27-28, 41-42,
 68, 72, 77
 toleransi 43
 Tuanku Raja Keumala 36

 ulama 11-13, 15-16, 21-25, 27,
 29-37, 41-45, 49, 54, 62-63,
 71, 80-81, 85
 umara 49
 Umm al-qura 21
 unsur 12, 41, 44, 47-48, 50, 56,
 64, 67, 78
 urusan 47-48, 52-54

Vergadering Verbond 28
Volk school 18-19

 warisan 13, 17, 26-27
 wasail 41, 77
 waspada 33
 Widjaja 39

 Yakob 77
 Yogyakarta 31

Zahrah 47
Zakietuddin Inayat Syah 33
Zamakhshari 76

zat 75
zawiyah 19, 21-22
Zuriah Aziz 15

